

DN.10.12.98

**PARLIMEN KESEMBILAN**  
**PENGGAL KEEMPAT**  
**MESYUARAT KETIGA**

---

**Jilid IV**

**Bil. 29**

**Hari Khamis**

**10 Disember 1998**

---

**K A N D U N G A N**

**PENGUMUMAN TUAN YANG DIPERTUA:**

- Cuti Kepada Ahli - Kebenaran

- *Y.B Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail*

(Ruangan )

**JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN -PERTANYAAN**

(Ruangan )

**RANG UNDANG-UNDANG:**

- Rang Undang-undang Perbekalan 1999

(Ruangan )

**PARLIMEN KESEMBILAN**

**Penggal Keempat  
Mesyuarat Ketiga**

**AHLI-AHLI DEWAN NEGARA**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Haji Mohamed bin Ya'acob,  
P.S.M., P.M.K., S.P.M.K., Dato' Bentara Kanan, S.M.T.,  
P.G.D.K., D.A. (Dilantik)

- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Chong Kah Kiat,  
P.G.D.K., J.S.M., J.P. (Dilantik)
- “ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi,  
Tan Sri Datuk Kasitah bin Gaddam (Dilantik)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Dato' Michael Chen Wing Sum (Dilantik)
- “ Tuan Abdillah bin Abdul Rahim (Sarawak)
- “ Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman (Dilantik)
- “ Datuk Haji Abdul Majid bin Haji Baba, P.B.M.,  
B.K.T., J.P. (Melaka)
- “ Tuan Haji Abdul Wahid bin Varthan Syed Ghany (Dilantik)
- “ Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail, A.M.P. (Perlis)
- “ Dato' Haji Ahmad bin Ismail (Pulau Pinang)
- “ Tuan Haji Bakri bin Haji Ali Mahamad, A.M.N., A.M.K.,  
B.K.M. (Kedah)
- “ Dato' Charern Intachat, D.S.D.K., A.M.N., B.C.K. (Dilantik)
- “ Dato' Chet Singh s/o Karam Singh (Pulau Pinang)
- “ Tuan Chin Kon Tow @ Chin Kong Too, A.M.N., B.K.T.,  
J.P. (Melaka)
- “ Datuk Christina Lorline Tibok @ Christine Vanhouten (Sabah)
- “ Puan Faridah binti Abu Hassan (Dilantik)
- “ Tuan Haji Gapar bin Gurrohu (Dilantik)
- “ Dato' Ghazi @ Hasbullah bin Haji Ramli, D.I.M.P. (Selangor)

“ Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain (Dilantik)

Yang Berhormat Tuan Hanipah bin Ahmad, P.J.K. (Perlis)

“ Datuk Haji Hashim bin Safin @ Shafin, D.M.S.M. (Dilantik)

“ Puan Hajah Hunaizah binti Mohd. Noor (Kelantan)

“ Datuk Haji Ibrahim bin Ali, D.M.S.M. (Dilantik)

“ Tuan Ibrahim bin Daud, J.S.M., K.M.N., P.L.P., P.I.S.,  
B.S.I., A.M.N., P.P.N. (Johor)

“ Puan Jamilah binti Ibrahim (Kelantan)

“ Tuan Jang Chow Thye @ Yio Chow Thye, A.S.M., S.M.T.,  
P.J.K., J.P. (Dilantik)

“ Tuan Jangu Anak Banyang, P.B.K. (Sarawak)

“ Datuk Joseph Balan Seling (Dilantik)

“ Puan Kamilia binti Ibrahim (Dilantik)

“ Datuk Haji Kasim bin Mh. Yusop (Dilantik)

“ Puan Hajah Khadijah binti Haji Awang (Terengganu)

“ Datuk Khoo Keok Hai (Dilantik)

“ Tuan Khoo Lay Hin (Dilantik)

“ Dato’ P. Krishnan a/l Permual (Dilantik)

“ Tuan Long bin Jidin (Dilantik)

“ Tuan N. Marimuthu a/l Nadeson, A.M.P., A.M.N., P.P.N.,  
P.J.K., J.P. (Dilantik)

“ Dato’ Dr. T. Marimuthu (Dilantik)

“ Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin (Dilantik)

“ Dato’ Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin, D.S.A.P. (Dilantik)

“ Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi, A.M.P., P.P.N.,  
P.J.K. (Perak)

“ Datuk Norjan binti Khan Bahadar (Dilantik)

“ Tuan S. Parasuraman a/l Sanasamy @ Sinnasamy (Kedah)

Yang Berhormat Puan Hajah Ramlah binti Kassim (Pahang)

“ Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan (Dilantik)

“ Datuk Haji Sairin bin Karno (Sabah)

“ Tuan Haji Salleh @ Hassan bin Ali, P.J.K. (Terengganu)

“ Puan Sri Sarasa Pasamanickam, A.M.N., P.I.S. (Dilantik)

“ Puan Hajah Selemiah binti Hashim, P.P.N., A.M.N.,  
P.K.T. (Dilantik)

“ Puan Siti Hawa @ Karimah binti Mohd. Noor (Dilantik)

“ Puan Tan Ah Eng (Johor)

“ Tuan Tan Ek Huat (Perak)

“ Dato' V.K.K. Teagarajan, D.P.M.S., A.M.N. (Dilantik)

“ Tuan Tee Thiong Hock, S.S.A., A.M.N., P.J.K. (Selangor)

“ Dato' Ting Check Sii, D.I.M.P. (Dilantik)

“ To' Puan Wan Seri @ Wan Asiah binti Ahmad (Dilantik)

“ Datuk William Lau Kung Hui (Dilantik)

“ Datuk Yee Lung Fook Geoffrey (Dilantik)

“ Dr. Yeow Seng Huat (Pahang)

“ Tuan Yim Chee Chong @ Yim Kok Kheong (Negeri Sembilan)

“ Tuan Zainal bin Rampak (Dilantik)

“ Datuk Zainudin bin Maidin (Dilantik)

“ Tuan Zakaria bin Arshad (Negeri Sembilan)

## DEWAN NEGARA

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara	:	Abdullah bin Abdul Wahab
Ketua Penolong Setiausaha	:	Zamani bin Haji Sulaiman Haji Mustakin bin Selamat
Penolong Setiausaha	:	Nor Hayatee binti Abdullah Haji Mustafa bin Abdul Rahman Ruhana binti Abdullah

### CAWANGAN DOKUMENTASI

Pegawai Penerbitan	:	Azhari bin Hamzah Monarita binti Mohd. Hassan
Pelapor Perbahasan Parlimen	:	Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N. Hajah Supiah binti Dewak Mohd. Saleh bin Mohd. Yusop  Mohamed bin Osman Norishah binti Mohd. Thani Shamsina binti Janor Ramlah binti Mohd. Yusuff Nora'ini binti Hetam Miskiah binti Hassan Rosnani binti Ahmad
Pembaca Pruf	:	Abu Bakar bin Hasan

### CAWANGAN BENTARA

Bentara Mesyuarat	:	Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali Mejar (B) Zakaria bin Salleh Mejar (B) Kamarudin bin Abdullah A.M.N., Psc TUDM
-------------------	---	--

**MALAYSIA****DEWAN NEGARA****Khamis, 10 Disember 1998****Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi****D O A****[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]**

---

**PENGUMUMAN TUAN YANG DI-PERTUA****CUTI KEPADA AHLI – KEBENARAN**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Majlis ini iaitu saya telah membenarkan cuti daripada menghadiri Mesyuarat di bawah Perkara 52(2) Perlembagaan Persekutuan kepada Yang Berhormat Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail dari 7 Disember hingga 10 Disember 1998.

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN**  
**BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN****CAWANGAN KHAS (SB) DAN POLIS DIRAJA MALAYSIA -  
PENGASINGAN**

**1. Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan bilakah Cawangan Khas (SB) Polis Diraja Malaysia dapat diwujudkan berasingan dengan Polis Diraja Malaysia memandangkan banyak di antara strategi, kaedah dan cara pengurusan penyiasatan dapat dipertikaikan dan dihebohkan di dalam perbicaraan di mahkamah.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Ong Ka Ting]:** Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini kerajaan belum lagi bercadang untuk mengasingkan tugas-tugas Cawangan Khas (Special Branch) daripada Polis Diraja Malaysia. Kalau pun Cawangan Khas ini tidak diletak di bawah PDRM ataupun diletak di

mana-mana, pihak-pihak tertentu masih boleh mempertikaikan penyiasatannya di dalam perbicaraan mahkamah kerana negara kita merupakan sebuah negara yang mempunyai sistem perundangan yang adil dan demokratik.

**Tuan Hanipah bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan dari pihak kerajaan, bilakah agaknya suatu masa yang sesuai pihak kerajaan khususnya pihak polis dapat memaklumkan tentang siasatan satu tuduhan yang telah dikenakan terhadap bekas Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri iaitu tuduhan tentang kecederaan yang berlaku di mahkamah?

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan tambahankah?

**Tuan Hanipah bin Ahmad:** Ya, soalan tambahan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada kaitan dengan soalan asal?

**Tuan Hanipah bin Ahmad:** Ada kaitan disebabkan Cawangan Khas.

**Dato' Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, soalan ini sebenarnya tidak berkait, kerana Cawangan Khas tidak bertanggungjawab untuk menyiasat. Walau bagaimanapun, laporan siasatan itu telah pun dikemukakan kepada Peguam Negara dan ini sudah di luar dari bidang kuasa Polis Diraja Malaysia, jadi kita kena tunggu keputusan Peguam Negara.

## **SISTEM PERBANKAN DAN TABUNG IKS – JUMLAH PINJAMAN**

**2. Tuan Zakaria bin Arshad [di bawah S.O.23(2)]** minta Menteri Kewangan:

- (a) berapakah peratusan pertumbuhan pinjaman bank yang telah dicapai sekarang; dan
- (b) berapakah jumlah pinjaman telah diluluskan bagi Tabung Industri Kecil dan Sederhana (IKS) pada masa kini.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh]:** Tuan Yang di-Pertua, kadar pertumbuhan pinjaman sistem

perbankan bagi tempoh Januari hingga Oktober 1998 adalah negatif 0.34%.

Pecahan kadar pertumbuhan mengikut sektor ialah:

Bank perdagangan sebanyak	-	4.2%
Syarikat kewangan	-	-12.3%
Bank Saudagar	-	-0.7%

Jumlah pinjaman yang telah diluluskan bagi Tabung Industri Kecil dan Sederhana (TKS) setakat 30 November 1998 ialah sebanyak RM740.7 juta di mana:

Bank perdagangan	-	RM 520.7 juta
Syarikat kewangan	-	RM 1.6 juta
Institusi Pembangunan Kewangan	-	RM 218.4 juta

**Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, oleh kerana Tabung Industri Kecil dan Sederhana ini masih dilihat tidak berapa mencukupi untuk pembiayaan kepada usahawan berkenaan, apakah tidak ada peruntukan ataupun dalam bentuk tabungan yang lain yang berkaitan dengan industri kecil selain dari yang dinyatakan oleh Yang Berhormat tadi, khususnya di bawah kementerian-kementerian yang lain?

**Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh:** Tuan Yang di-Pertua, kita ada lagi dana atau Tabung Bantuan Teknikal dan Industri (ITAF) khas untuk IKS. Objektifnya ialah skim perkhidmatan perundingan iaitu (ITAF 1), skim pembangunan produk dan reka bentuk (ITAF 2), skim peningkatan produktiviti dan kualiti (ITAF 3) dan skim pembangunan pasaran (ITAF 4) dan peruntukannya ialah sebanyak RM50 juta yang ditadbirkan oleh MITI.

Setakat ini jumlah pinjaman maksimum ITAF 1 tadi ialah RM40,000 dalam bentuk grant diberi percuma sahaja, ITAF 2 sebanyak RM250,000, ITAF 3 sebanyak RM250,000 dan ITAF 4 sebanyak RM40,000, ini dijalankan oleh MITI.



Tuan Yang di-Pertua, selain dari itu, kita ada satu lagi ialah pakej kewangan untuk IKS yang dinamakan PAKSI. Ini juga dijalankan oleh MITI. Objektifnya ialah menyediakan kemudahan pinjaman bagi pembiayaan projek dan pembiayaan modal kerja kepada syarikat IKS, pembiayaan projek untuk tujuan pengambilan lot- lot kilang, loji, jentera dan sebagainya dan modal kerja yang berkenaan.

Kalau hendak dilihat sehingga 31 Oktober 1998, ITAF 1 grant yang telah diluluskan ialah sebanyak RM9.4 juta yang telah diberi, ITAF 2 sebanyak RM11.4 juta, ITAF 3 sebanyak RM16.2 juta, ITAF 4 sebanyak RM5.13 juta dan jumlahnya sebanyak RM42.13 juta grant yang telah diberi.

Dalam skim PAKSI yang saya sebutkan tadi ialah sebanyak 22 syarikat yang telah diberi pinjaman di bawah skim PAKSI ini yang berjumlah RM14.9 juta.

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita faham bahawa kerajaan dalam usaha untuk melonjakkan ekonomi negara sekarang ini telah pun menentukan dasar supaya bank-bank dapat memenuhi sasaran keluaran kredit 8% dan kita juga tahu bahawa sambutan dari pihak bank buat masa sekarang ini tidak menggalakkan, kebanyakan dari pengusaha-pengusaha dan juga mereka yang ingin berusaha telah pun kecewa dengan sikap bank ini.

Saya ingin mendapat penjelasan daripada pihak kementerian, apakah program-program yang konkrit dari pihak kementerian dan pihak Bank Negara yang telah disusun atur supaya pemahaman kepada masyarakat dan juga komitmen daripada bank untuk mencapai hasrat 8% pinjaman ini dapat dilaksanakan.

Yang keduanya, apakah program yang disusun oleh pihak bank sendiri untuk menentukan supaya mereka dapat memenuhi sasaran 8% yang telah ditentukan oleh kerajaan.

**Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh:** Tuan Yang di-Pertua, semalam Yang Berhormat Menteri Kewangan II telah pun menyatakan bahawa pertumbuhan kredit (credit growth) yang kita harapkan sehingga penghujung tahun ini ialah 8%, tetapi dalam keadaan angka-angka yang saya beri tadi kemungkinan pencapaian kita hanya kepada 3% sahaja tidak sampai 8%.

Jadi, Bank Negara telah pun membuat kajian mengapa perkara ini berlaku, kerajaan telah mengambil beberapa langkah untuk mendorong pemberian kredit ini, kita lihat dari kajian yang dibuat oleh Bank Negara, terdapat perspektif yang berbeza di antara peminjam institusi kewangan, dari segi perspektif pemohon pinjaman adalah seperti berikut:

- (i) institusi kewangan dikatakan terlalu berhati-hati (too cautious);
- (ii) mempunyai keyakinan yang rendah terhadap pemohon;
- (iii) terlalu memberi penekanan terhadap cagaran;
- (iv) sikap negatif pegawai institusi kewangan; dan
- (v) institusi kewangan berpandukan kepada NPL yang sedia ada.

Tetapi kalau kita melihat dari segi perspektif institusi kewangan pula mereka menyatakan:

- (i) kurang permintaan;
- (ii) pinjaman atau projek berisiko tinggi;
- (iii) kekurangan projek berdaya maju;
- (iv) margin maksimum 2.5% tidak mencukupi untuk menampung risiko yang tinggi;
- (v) pembayaran balik yang tinggi daripada peminjam;
- (vi) kadar penggunaan pinjaman yang rendah (low utilization rate); dan
- (vii) negative spread.

Daripada kedua-dua perspektif pemohon dan juga institusi kewangan ini, kita telah pun memanggil satu mesyuarat, kita katakan bahawa dana ada dan kita harap yang kita beri kepada bank-bank yang menyertai program-program kita supaya dapat menyejajarkan dana-dana yang berkenaan. Tetapi risikonya tertanggung kepada bank yang berkenaan.

Jadi, langkah tambahan yang dilaksanakan bagi merangsangkan pertumbuhan kredit ini seperti mana yang dikatakan dahulu ialah:

- (i) menubuhkan unit aduan dan pengawasan pinjaman bagi membantu peminjam yang menghadapi kesukaran;
- (ii) mengarahkan institusi perbankan memberi pilihan kepada peminjam untuk melanjutkan tempoh pembayaran balik pinjaman bagi meringankan beban kewangan;
- (iii) mengurangkan kos perantaraan dan mempertingkatkan tahap konsesi proses perantaraan menerusi penurunan keperluan rizab berkanun (SLR) yang dikatakan dahulu;
- (iv) mengurangkan kadar maksimum pemberian pinjaman dengan mengurangkan julat yang boleh dikenakan di atas BLR daripada 4 mata peratusan kepada 25 mata peratusan; dan
- (v) menetapkan kadar pertumbuhan kredit minimum institusi perbankan pada 8% bagi tahun 1998 ini.

Satu surat telah pun diedarkan oleh Bank Negara kepada semua bank untuk menyejajarkan pinjaman.

### **PINJAMAN MARA – KELONGGARAN BAYARAN**

**3. Datuk Haji Abdul Majid bin Haji Baba** minta Menteri Pembangunan Usahawan menyatakan:

- (a) adakah kementerian akan mengkaji semula syarat-syarat pinjaman kepada peminjam-peminjam MARA yang gagal membayar pinjaman mereka dalam keadaan ekonomi sekarang supaya diberi kelonggaran pembayaran balik pinjaman mereka; dan

- (b) apakah langkah MARA untuk jangka masa akan datang agar kaum bumiputera terus dapat menikmati keistimewaan pinjaman untuk meningkatkan ekonomi bumiputera di negara ini.

**Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan [Dato' Idris bin Jusoh]:** Tuan Yang di-Pertua, MARA ada mempunyai dua jenis pinjaman iaitu pinjaman pendidikan ataupun pelajaran dan juga pinjaman perniagaan. Pihak MARA sentiasa prihatin kepada peminjam-peminjam dan sentiasa mengambil kira masalah yang dihadapi oleh mereka khususnya dalam hal kesulitan ekonomi semasa.

Sekiranya peminjam-peminjam tersebut didapati tidak berupaya untuk melunaskan pinjaman hutang atas sebab-sebab yang munasabah seperti belum lagi bekerja bagi peminjam pendidikan ataupun menghadapi masalah aliran wang tunai bagi peminjam perniagaan, maka pihak MARA boleh memberi kelonggaran pembayaran dengan cara-cara melanjutkan tempoh bayaran balik pinjaman dengan mengurangkan jumlah bayaran ansuran bulanan ataupun menangguhkan bayaran untuk tempoh tertentu.

MARA juga telah membuat analisa terhadap peminjam-peminjamnya di mana peminjam-peminjam yang membayar dengan baik sebelum kegawatan ekonomi bermula iaitu kita panggil dalam kategori peminjam yang beretika, mereka ini akan diberi kelonggaran yang sepenuhnya kerana mereka sememangnya menghadapi masalah untuk membayar bukan kerana sikap mereka tidak ingin membayar tetapi oleh kerana wujudnya kegawatan ekonomi.

Bagi peminjam-peminjam sewa premis MARA yang baru menduduki premis MARA, mereka juga diberi masa berna fas dan masa persediaan, apabila mereka memulakan perniagaan mereka. Tempoh jangka masa ini boleh sampai ke peringkat tiga bulan untuk masa bernafas dan tiga bulan untuk masa persediaan, bermakna mereka tidak perlu membayar sewa semasa tersebut dan

kepada mereka juga diberikan diskaun ataupun potongan sewa sebanyak 30% di tahun pertama, 20% di tahun kedua dan 10% di tahun ketiga.

Bagi memastikan agar kaum bumiputera terus menikmati keistimewaan melalui program pinjaman pelajaran dan pinjaman perniagaan MARA, peruntukan secukupnya akan dipohon dari kerajaan menerusi rancangan pembangunan lima tahun, di samping itu, pihak MARA akan terus melaksanakan kutipan balik pinjaman pelajaran dan perniagaan secara lebih berkesan agar dapat disalurkan semua kepada golongan lain yang memerlukannya.

Kalau kita tinjau sebenarnya, pinjaman perniagaan yang telah diluluskan oleh MARA pada tahun 1996, kita hanya mengeluarkan RM35 juta, pada tahun 1997 hanya RM53 juta tetapi angka mutakhir sehingga 5 Disember 1998 ialah RM71 juta jika dibandingkan hanya RM53 juta pada tahun lalu. Walaupun bank-bank tidak mengeluarkan pinjaman tetapi nampaknya pada tahun ini kenaikan pinjaman yang dikeluarkan oleh MARA meningkat hampir 20%.

**Datuk Haji Abdul Majid bin Haji Baba:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya berterima kasih di atas jawapan yang begitu baik daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, tetapi saya ingin tahu pada satu ketika pinjaman pendidikan ini sangat heboh diperkatakan kerana setengah pelajar tidak menjelaskan pinjaman mereka, ada setengah mereka yang telah bekerja pun melarikan diri ataupun tidak mahu membayar pinjaman mereka, jadi bagaimana pungutan dan keadaan tersebut.

Pada tahun lepas juga MARA telah mengeluarkan surat kepada setiap penghuni atau peniaga di kedai-kedai MARA untuk keluar, adakah MARA mengambil tindakan serupa pada masa yang akan datang? Sepatutnya peniaga-peniaga yang berniaga begitu baik, saya ingat tidak payah dikeluarkan dan patut ditambah lagi keupayaan mereka supaya dapat menjadi jutawan dan usahawan yang berjaya dalam negara kita ini. Terima kasih.

**Dato' Idris bin Jusoh:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat. Sebenarnya syarat keluar bangunan setelah mereka duduk di bangunan MARA selepas sepuluh tahun itu telah ditarik balik terutamanya dalam keadaan cabaran ekonomi masa kini, jadi perkara itu tidak timbul lagi. Kalau ada di kawasan Ahli Yang Berhormat yang masih tidak tahu itu, beritahulah dia.

Keduanya, tentang kutipan balik pinjaman pelajar-pelajar, mungkin Ahli Yang Berhormat sedia maklum dahulu kita mengiklankan mereka yang tidak membayar balik pinjaman pelajaran mereka dan kita telah mengiklankan 2,091 semuanya dan daripada 2,091 ini seramai 1,271 telah membayar kembali dengan jumlah bayaran sebanyak RM5,277,000 kesemuanya tetapi yang lebih istimewanya tentang cara kita ini, oleh kerana ada nama yang telah teriklan dalam surat khabar dan ada di antara kawan-kawan mereka yang takut nama mereka keluar dalam surat khabar dan 70% daripada mereka yang namanya tidak keluar di surat khabar dan kita tidak dapat mengesan mereka telah datang ke MARA dan telah membuat pembayaran.

Jadi, kesannya amat positif dan kita juga sedang bekerjasama dengan Jabatan Hasil Dalam Negeri agar pinjaman-pinjaman itu boleh dibayar melalui cara pemotongan gaji.

**Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada kementerian berapa peratuskah prestasi bayaran balik sama ada pinjaman pendidikan ataupun perniagaan yang dilakukan oleh MARA?

**Dato' Idris bin Jusoh:** Tuan Yang di-Pertua, pembayaran balik pinjaman perniagaan dan pinjaman pendidikan tidaklah begitu memberangsangkan kebelakangan ini. Oleh kerana kita lihat masa kini ada ramai di antara pelajar yang dahulunya pelajar MARA yang telah dihentikan kerja yang mana belum dapat kerja lagi dan ini juga ditambahkan dengan adanya mereka yang ditukarkan, ada conversion process di mana mereka yang

diberi pinjaman dapat menukarkan pinjaman itu kepada biasiswa. Kita lihat pada tahun ini kutipan telah berkurangan sedikit masa kini.

Tahun lalu untuk perniagaan kita dapat mengutip RM46 juta dan kita jangka pada tahun ini kita akan dapat mengutip RM48 juta. Kita jangka mungkin ada pengurangan sedikit daripada jangkaan itu. Tetapi oleh kerana MARA menggunakan sistem pinjaman secara Islam, jadi adanya rasa amanah dan tanggungjawab oleh peminjam-peminjam dan juga penjamin-penjamin peminjam. Rasa amanah dan tanggungjawab ini dengan sedikit sebanyak telah membuat mereka merasa bertanggungjawab dan terus membayar. Kesan yang dihadapi oleh MARA tidaklah begitu teruk sebagaimana yang dihadapi oleh bank-bank.

Kutipan pelajaran juga pada tahun ini kita hanya dapat mengutip RM19 juta sehingga akhir bulan Oktober dibandingkan dengan hanya RM28 juta yang kita telah kutip pada tahun lalu. Memang ada terjejas kutipan kerana keadaan ekonomi ini yang mana peminjam-peminjam baik dari segi pendidikannya dan juga perniagaannya yang mana pendapatan mereka telah berkurangan.

**Puan Siti Hawa binti Mohd. Noor:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sehingga kini berapakah jumlah peminjam perniagaan yang dikategorikan tidak mampu untuk membayar balik kepada MARA?

**Dato' Idris bin Jusoh:** Tuan Yang di-Pertua, untuk peminjam perniagaan, jumlah tunggakan yang dialami oleh MARA ialah sebanyak hampir 20,000 peminjam kalau dikira untuk semua jenis pinjaman. Tetapi yang pinjamannya lebih daripada satu tahun jumlahnya adalah dalam lingkaran 10,000 orang sahaja. Itu untuk pinjaman perniagaan.

#### **PENGELUARAN HASIL PERTANIAN – RANCANGAN/ PROJEK UNTUK MENAMBAH**

**4. Puan Tan Ah Eng** minta Menteri Pertanian menyatakan rancangan atau projek-projek yang telah dilaksanakan untuk menambahkan pengeluaran hasil pertanian terutama bahan makanan seperti beras, sayur-sayuran, buah-buahan,

ternakan dan yasil perikanan serta usaha-usaha untuk mengurangkan jumlah bahan makanan yang diimport dalam jangka masa lebih setahun ini sejak bermulanya kegawatan ekonomi yang melanda negara kita ini.

**Timbalan Menteri Pertanian [Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk menambahkan pengeluaran hasil pertanian projek-projek dilaksanakan melalui jabatan dan agensi di bawah kementerian dan juga oleh pihak swasta. Melalui Jabatan Pertanian, projek kelompok yang meliputi tanaman padi, sayur-sayuran, buah-buahan, tanaman singkat masa telah dilaksanakan dan melibatkan kawasan seluas 122,000 hektar serta lebih daripada 163,000 peserta. Adalah dianggarkan hingga Jun 1998 projek ini dapat menghasilkan sebanyak 277,000 tan metrik hasil pertanian tersebut di atas yang bernilai sebanyak RM262 juta.

Bagi menjamin bekalan benih mencukupi, Jabatan Pertanian juga telah meningkat pengeluaran benih padi, sayur-sayuran, benih buah-buahan seperti pisang, betik eksotika dan nenas untuk diedarkan kepada petani-petani yang berminat. Sementara itu rancangan menggalakkan orang ramai bercucuk tanam di kawasan kediaman dan institusi masing-masing juga telah berjaya meningkatkan hasil makanan terutama sayur-sayuran berdaun. Kerajaan juga telah melaksanakan rancangan bagi meningkatkan pendaratan ikan laut dalam di pusat-pusat pendaratan tempatan.

Hingga Jun 1998 sebanyak 63,833 tan metrik atau 43% daripada sasaran pendaratan tahun 1998 telah didaratkan di Malaysia. Projek akuakultur juga telah dilaksanakan dan sehingga Jun 1998 pengeluaran hasil akuakultur air tawar dan air payau atau masin ialah masing-masing sebanyak 15,700 tan metrik dan 43,200 tan metrik. Sebanyak lebih daripada 60 juta benih pelbagai ikan air tawar dan udang serta 870,000 benih siakap telah dikeluarkan untuk keperluan akuakultur. Kerajaan juga menggalakkan penyertaan sektor korporat dan syarikat besar untuk membangunkan akuakultur. Setakat ini sebanyak 65 syarikat telah menunjukkan minat dan Kerajaan Negeri Perak dan Johor telah



mengenal pasti kawasan seluas 600 hektar yang sesuai untuk diusahakan oleh syarikat-syarikat tersebut.

Bagi meningkatkan pengeluaran hasil ternakan, tindakan juga diambil untuk menggalakkan syarikat-syarikat perladangan melaksanakan projek integrasi ternakan dengan tanaman kekal seperti kelapa sawit dan getah. Hingga Oktober 1998, 120,000 hektar telah digunakan dengan 56,000 ekor lembu ditenak. Sambutan daripada syarikat ladang-ladang, agensi kerajaan seperti perbadanan FELDA dan RISDA amatlah menggalakkan. Bagi menyediakan keperluan modal, tabung makanan (3F) telah diperluaskan dan syarat-syarat kelayakan diperkemas bagi membolehkan pengusaha pertanian mengambil faedah daripada kos dana yang lebih murah untuk menjalankan projek-projek masing-masing.

Kerajaan-kerajaan negeri juga disarankan menyediakan tanah yang sesuai dan menzonkan kawasan untuk tujuan pengeluaran makanan di samping lebih berhati-hati semasa menimbang permohonan tukar syarat tanah pertanian kepada bukan pertanian. Sementara itu kerajaan telah menjalankan kempen menggalakkan orang ramai mengutamakan bahan makanan tempatan. Langkah-langkah ini telah memberi kesan positif meningkatkan pengeluaran bahan makanan dalam negara dan mengurangkan permintaan terhadap makanan import dan membantu negara menghadapi kesan kemelesetan ekonomi.

**Puan Jamilah binti Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah pihak Kementerian Pertanian membuat perancangan jangka panjang bagi memastikan kita tidak perlu lagi mengimport bahan-bahan makanan dari luar pada masa-masa akan datang?

**Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat. Memang kementerian saya telah mengadakan perancangan jangka panjang di samping jangka pendek yang telah saya sebutkan tadi. Walau bagaimanapun, hanya terbatas kepada tanaman-tanaman yang sesuai dikeluarkan dalam negara kita. Sehingga ini kita tidak begitu mempunyai kemampuan untuk mengeluarkan epal, anggur, tetapi kita mempunyai peluang untuk mengeluarkan bawang besar, bawang merah

dan juga tanaman sayur-sayur yang kita import. Walau bagaimanapun, saya penuh yakin dengan usaha yang diberikan oleh kementerian, maka kita akan dapat mengurangkan barangan import.

**Dr. Yeow Seng Huat:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kementerian Pertanian berhasrat untuk menggalakkan petani-petani di negara kita untuk menanam jenis padi yang digemari oleh penduduk kita di sini. Contohnya, beras wangi pada masa sekarang banyak diimport. Adakah rancangan untuk menggalakkan petani di negara kita menanam jenis padi itu?

**Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat. Memang benarlah kita sedang memperkukuhkan R&D kita, iaitu pada masa ini terutama sekali MARDI telah memperkenalkan benih-benih padi yang baru. Yang terakhir baru-baru ini ialah MR185. MR185 ini lebih baik daripada padi biasa tetapi kurang sedikit daripada beras wangi. Tetapi walau bagaimanapun, kita sedang mengkaji setengah-setengah beras wangi kebanyakan artificial sahaja, dengan izin. Mereka ada spray. Jadi, kita bimbang kesihatan jangka panjang akan mendatangkan side-effect yang tidak begitu baik kepada petani. Tetapi kita akan menuju ke arah itu.

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri mengenai dana makanan ataupun Fund For Food, ini juga berbalik kepada soalan bank. Bank nampaknya tidak begitu berminat sepenuhnya ataupun tidak mendukung hasrat kerajaan supaya Fund For Food ini dapat digunakan untuk kita mengeluarkan makanan yang cukup bagi penduduk negara kita dan juga mengurangkan import.

Semalam Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan ada menyebut sistem pemberian kredit Bank Pertanian yang satu ketika dahulu diserahkan kepada Bank Pertanian juga diberi kepercayaan kepada pertubuhan-pertubuhan peladang untuk mengedarkannya dan terbukti melalui sejarah bahawa pertubuhan-pertubuhan peladang telah dapat mengendalikan peruntukan dana yang disediakan oleh kerajaan dan dapat di'distribute', dengan izin, kepada

kumpulan sasar dengan begitu efficient ataupun begitu berjaya sekali. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri tidakkah dana makanan ini dapat diberikan kepada pertubuhan-pertubuhan peladang negeri, pertubuhan-pertubuhan peladang kawasan supaya dapat dimanfaatkan kepada petani-petani di dalam kawasan operasi mereka.

Tuan Yang di-Pertua, keduanya saya juga ingin bertanya mengenai mencukupkan makanan negara di mana kita tahu beras sekarang ini cuma 70% dikeluarkan di dalam negara, 30% lagi diimport daripada luar dan dengan keadaan mata wang sekarang ini di mana mata wang kita begitu rendah berbanding dengan mata wang luar, kita menanggung kos yang amat tinggi. Adakah pihak kementerian bercadang untuk melanjutkan ataupun mewujudkan program meratakan tanah supaya tanah-tanah bendang yang ada dapat digunakan sepenuhnya untuk memenuhi pengeluaran makanan terutamanya beras untuk negara.

**Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat. Mengenai tabung makanan saya akan menjawab kepada soalan nombor lima nanti, iaitu sehingga kini sebanyak RM461.8 juta daripada wang RM700 juta yang diperuntukkan oleh Kementerian Kewangan telah pun diberi pinjaman sebahagian besarnya menerusi Bank Pertanian.

Mengenai apa Yang Berhormat katakan tadi supaya pinjaman 3F diberi kepada pertubuhan peladang negeri dan kawasan, sebenarnya saya sedang menunggu duit daripada Kementerian Kewangan, dia janji pada bulan Disember hendak serahkan kepada Bank Pertanian sebanyak RM300 juta. Jadi kalau dapat RM300 juta itu, maka kita akan berbincang dengan kementerian supaya kelonggaran dapat diberi. Namun demikian, Bank Pertanian masih mengehadkan peraturan-peraturan kerana kita bimbang nanti tidak dibayar balik. Jadi sebab itu cagaran-cagaran perlu.

Soal meratakan tanah memang kementerian saya memberi perhatian kepada kawasan jelapang padi dahulu, kita ada lapan buah jelapang padi di Semenanjung yang luasnya 211,000 hektar. Kawasan itu dahulu akan diberi perhatian untuk meratakan tanah tetapi di luar kita tidak ada peruntukan tetapi oleh kerana kegawatan, maka budget untuk meratakan tanah ini terpaksa dikurangkan dan kita akan jalankan, insya-Allah bila keadaan ekonomi memuaskan.

Mengenai beras, untuk pengetahuan Yang Berhormat kita beri subsidi enam ekar ke bawah, subsidi baja kita belanja RM125 juta setahun, subsidi harga kita belanja RM400 juta setahun, jumlah RM525 juta. Apa yang kita perlukan sekarang dengan kawasan yang kecil ini kita dapat mengeluarkan sebanyak 72% daripada keperluan negara. Jadi kita tidak boleh lagi mengeluarkan subsidi ini kerana perbelanjaan itu tinggi menyebabkan kos pengeluaran juga tinggi. Apa yang kita buat sekarang ialah kita minta syarikat-syarikat swasta membuka ladang-ladang secara estet iaitu di Sabah atau Sarawak. Kalau estet kita tidak akan beri subsidi baja dan subsidi harga, jadi ini bermakna pengeluaran secara besar-besaran akan dapat meringankan beban kerajaan di samping dapat mengurangkan kos pengeluaran itu yang sedang kementerian lakukan untuk memperluaskan Sabah dan Sarawak.

**Tuan Hanipah bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat penerangan daripada pihak kerajaan, dalam pengamatan kerajaan sejauh manakah penglibatan generasi muda dalam sektor pertanian di negara kita sekarang?

**Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor:** Tuan Yang di-Pertua, sehingga kini boleh dikatakan rata-rata pertanian secara tradisional ini dikuasai oleh petani-petani yang berusia, tetapi kalau sesetengah yang dibuat secara komersial memang penglibatan orang-orang muda lebih menarik sebab mereka menggunakan machinery yang tertentu. Jadi boleh dikatakan kalau di

sesetengah negeri, misalnya di Terengganu sekarang tanaman limau manis seluas seratus ekar pekerjaanya tiga orang sahaja dengan menggunakan mesin-mesin.

Jadi ini boleh dikatakan penglibatan orang-orang muda lebih mirip kepada pertanian cara komersial, jadi kita hendak ke arah itu sekarang tetapi ke arah dua ekar, tiga ekar ini tidak dapat minat daripada orang-orang muda dan petani yang ada di negara kita ramai sangat, population kita 22 juta, kita ada petani dan keluarganya lebih kurang 3 juta dan petani semua sekali lebih kurang kita ada satu juta orang, petani sepenuh masa. Jadi kalau boleh kita hendak kurangkan petani itu kepada separuh sahaja tetapi productionnya double, dengan izin, itu yang kita ke arah menggunakan kejenteraan ladang pada masa hadapan dan ini akan menarik petani-petani muda.

#### **TABUNG MAKANAN NEGARA - JUMLAH PINJAMAN**

**5. Puan Kamilia binti Ibrahim** minta Menteri Pertanian menyatakan jumlah pinjaman dari Tabung Makanan Negara yang telah diluluskan kepada pekebun kecil dan apakah jenis tanaman yang diluluskan dan di mana.

**Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor:** Tuan Yang di-Pertua, sehingga 30 November 1998 sebanyak 1,573 pinjaman berjumlah RM461,844,456.40 telah diluluskan di bawah Tabung Makanan (3F). Daripada jumlah tersebut sebanyak 1,169 pinjaman berjumlah RM398,832,456.40 telah diluluskan kepada petani. Sayur-sayuran dan buah-buahan adalah di antara jenis tanaman yang telah diluluskan, sebanyak 417 pinjaman berjumlah RM68,338,440.40 yang telah diluluskan dalam sektor tanaman di seluruh negara.

**Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengemukakan soalan tambahan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, dalam memberi pinjaman sebanyak RM461 juta ini, bolehkah

kementerian memberitahu Dewan ini ratio ataupun penglibatan kaum-kaum Melayu, bumiputera, Cina, India, berapa?

**Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor:** Tuan Yang di-Pertua, pada asasnya memanglah penyertaan bumiputera kurang menggalakkan kerana bukan bumiputera, kita luluskan kepada 1,104 orang dengan RM362.326 juta, manakala bumiputera 469 orang hanya RM99.518 juta. Daripada jumlah itu kalau roughly panjangnya 30% penyertaan bumiputera dari segi bilangan orang tetapi bilangan wangnya lebih kurang 28% sahaja.

**Tuan Tee Thiong Hock:** Selain daripada tabung makanan negara, saya rasa yang serupa mustahaknya ialah production technique agronomy dan juga keluasan tanah yang mencukupi untuk bercucuk tanam untuk mencapai 100% self-sufficiency dalam pengeluaran hasil pertanian jenis bukan komoditi, komoditi kita cukup. Jadi di sini saya mahu bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, berapakah keluasan tanah atau acreage yang patut kita ada untuk mencapai 100% self sufficiency pengeluaran jenis hasil pertanian bukan komoditi? Macam mana kita dapat mencapai defisit tanah ini dan dengan cara apa?

Tadi, kita pun telah dengar Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan kerajaan akan lebih teliti bila tuan punya tanah minta tukar syarat, maknanya bukan begitu senang boleh tukar daripada pertanian kepada jenis lain seperti development. Saya mahu bertanya juga, selain dari ini adakah kerajaan akan mengadakan satu rancangan ataupun lebih define syarat kegunaan tanah, kerana sekarang jenis-jenis ini hanya pertanian sahaja. Kalau pertanian bolehkah pokok getah, kelapa sawit dan lain-lain? Kalau lebih define iaitu kita boleh hadkan kegunaan tanah kepada sayur-sayuran, buah-buahan dan jenis-jenis lain yang boleh membantu kerajaan mencapai matlamat 100% self-sufficiency ini, kerana mengikut angka yang saya ada, pihak swasta khususnya mempunyai ladang-ladang yang lebih kurang 5 juta ekar dan begitu besar. Kalau sebahagian tanah dari pihak ladang-ladang itu dikhaskan untuk

pengeluaran hasil pertanian bukan jenis komoditi, saya rasalah kekurangan tanah untuk mencapai matlamat ini akan dapat diatasi. Terima kasih.

**Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat. Apa yang saya sebutkan tentang tukar syarat ini ialah, kita lebih teliti dengan harapan bukan tidak boleh tukar syarat langsung setengahnya sawah padi. Kalau sawah padi itu berada di tengah-tengah bandar adalah tidak munasabah kalau kita tidak membenarkan langsung untuk ditukarkan syarat bagi dijadikan perumahan atau lain-lain kegiatan.

Namun demikian, kementerian menghendaki kalau ditukar syarat 10 ekar, pastikan ada tanah ganti di kawasan yang lain terutama dalam kawasan jelapang padi supaya keluasan asal jelapang padi ini, 211,000 hektar itu dapat dikekalkan. Jadi katalah Yang Berhormat kata jangan benar terus, betullah, kena orang lain, kalau kena tanah kita, kita akan mengatakan bahawa dengan keperluan rumah tidak cukup, maka kita perlu juga menimbang. Tinggal lagi mesti ada gantinya dalam kawasan-kawasan yang lain supaya kawasan hakiki itu dapat kita kekalkan.

Tentang berapa keluasan diperlukan untuk bukan komoditi. Jadi, pada masa ini pertanian itu ada dikategorikan pula. Pertanian sawit dia ada taruh sawit, pertanian getah ditaruh getah, buah-buahan dia ada taruh buah-buahan, padi, biasanya pertanian sahaja. Jadi, sebab itu untuk pengetahuan Yang Berhormat, kalau kawasan itu jelapang padi boleh dibuat 2 tahun sekali, kita memerlukan 500,000 hektar sahaja. Maka cukuplah untuk menampung keperluan dalam negara kita sampai tahun 2010. Sekarang ini kita ada 211,000 hektar, kita sudah boleh mengeluarkan 70% daripada keperluan negara tetapi dengan syarat tanah itu boleh dibuat 2 kali setahun. Manakala tanah sayur, kita tidak boleh gazet sekarang, tetapi apa yang kita perlu kerajaan-kerajaan negeri buat zon-zon tanaman kontang. Yang itu maksud Yang Berhormat, yang ini

tidak boleh tukar syarat, sebab tanah ini akan dizonkan dan tidak diberi hak milik, tidak ada Q.T. Jadi bermakna siapa yang dapat tanah ini disewa sahaja.

Jadi ini bermakna kawasan itu kalau 200 ekar, 1,000 ekar yang dikenal pasti oleh kerajaan negeri akan kekallah buat selama-lamanya cuma yang berbezanya orang yang menanam sahaja. Tetapi apa yang kita ada sekarang ini kita tidak boleh buat macam itu kerana akan berlaku penganiayaan. Kalau dekat dengan bandar dia tidak boleh tukar syarat, lot dia katalah zon sayur, sayur sampai bila-bila, tidak mungkin kita kekalkan, tetapi state land kita boleh buat. Ini disebabkan kita belum beri milik lagi kepada mereka yang berkenaan. Jadi adalah wajar untuk masa depan zoning ini kita tetapkan terdiri daripada state land.

**Datuk Haji Hashim bin Safin:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya mendapat kefahaman bahawa peruntukan untuk tabung ini RM700 juta berdasarkan sehingga November 1998. Seperti kata Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, lebih kurang RM461 juta telah diluluskan, bermakna berbaki lagi RM100 juta lebih. Apakah tabung ini dalam suasana yang mendesak dalam usaha-usaha kerajaan untuk mengurangkan pengimportan makanan ini tidak begitu mendapat penerangan di pihak-pihak yang sepatutnya mengambil peluang. Dan kalau ada apakah langkah-langkah pengembangan atau extension yang harus dibuat untuk memastikan usaha kerajaan mengatasi masalah ketidakcukupan makanan ini dapat diatasi melalui penyediaan tabung ini.

**Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat. Baki yang sebenarnya sehingga kini ada lagi RM238.2 juta daripada RM700 juta. Tabung ini yang ditetapkan oleh kerajaan, oleh Kementerian Kewangan sebanyak RM1 bilion, tetapi RM300 juta akan diberikan kepada Bank Pertanian untuk digunakan oleh persatuan peladang dan persatuan nelayan. Jadi, walaupun kita masih ada RM238 juta, kementerian bimbang untuk hendak kempen supaya pinjaman ini dibuat secara lebih meluas kerana setengah-setengahnya salah faham apa yang



akan berlaku, di mana syarat-syarat pinjaman ini agak ketat. Ianya diberi keutamaan kepada usahawan-usahawan peladang iaitu mereka yang mampu untuk mentadbir atau mengurus wang yang berkenaan.

Jadi, kalau kita jalankan kempen ke kampung-kampung, nanti mereka tidak tahu buat kertas kerja, mereka sendiri tidak mempunyai kemampuan, maka backfire itu akan balik kepada kita terutama Ahli-ahli Yang Berhormat. Jadi kita hanya berhati-hati. Kita beritahu bahawa Tabung 3F ada, siapa hendak pinjam boleh, iaitu daripada RM10,000 sampai kepada RM3 juta. Apa kegiatan, ternakan, ikan, sayur, pemasaran, pemprosesan, tetapi kita tidak sesenangnyanya kerana kita percaya bahawa setengah-setengah orang kampung, dia tidak mempunyai tanah untuk dicagarkan sedangkan cagaran itu penting. Jadi saya minta maaf, sehingga kini memang kita kempen juga dan hati-hati supaya jangan nanti orang kata “cakap senang, tapi bila pinjam pada bank, ditolak”. Ini disebabkan bank itu memerlukan syarat-syarat yang diperlukan terutama sekali bank hendaklah yakin orang yang pinjam itu boleh bayar balik.

Jadi, ini yang kita bimbang kerana kalau orang kampung biasa dia tidak tahu langsung tentang bagaimana menyimpan kira-kira, bagaimana cara hendak mentadbir wang, tiba-tiba dia angkat tidak dapat dan akan balik pula backfire kepada kita dengan izin. Sebab itu kita hanya utamakan kepada usahawan sahaja.

#### **BUKU TEKS BAHASA INGGERIS DI SRJK(T) TAHUN 4 – PENYEDIAAN OLEH KERAJAAN**

**6. Tuan S. Parasuraman** minta Menteri Pendidikan menyatakan kementerian sedar bahawa murid-murid SRJK(T) Tahun 4 tidak mempunyai buku teks Bahasa Inggeris dan mengapa pihak kementerian tidak menyediakan buku tersebut. Bolehkah kerajaan segerakan penyediaan buku teks tersebut.

**Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk Dr. Fong Chan Onn]:** Tuan Yang di-Pertua, pengajaran dan pembelajaran bahasa Inggeris di sekolah jenis kebangsaan Tamil telah dimulakan pada sesi persekolahan 1998 bagi tahap 1 Tahun 3. Buku teks mata pelajaran tersebut telah disediakan dan telah

digunakan mulai tahun ini. Untuk tahap 2, tahun 4 bagi murid di sekolah jenis kebangsaan Tamil. Buku teks bahasa Inggeris telah pun disediakan dan sedang dibekalkan ke sekolah-sekolah tersebut bagi kegunaan sesi persekolahan 1999.

### **WANG KERTAS RM500 DAN RM1,000 – PENUKARAN SIMPANAN**

**7 Dato' Charern Intachat** minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada kerajaan telah menggunakan setiap saluran seranta termasuk bantuan pegawai daerah, penghulu dan jawatankuasa keselamatan dan kemajuan kampung untuk mengingatkan orang ramai supaya menukar simpanan wang kertas RM500 dan RM1,000 yang akan tamat sah lakunya mulai 1 Julai 1999.

**Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh:** Tuan Yang di-Pertua, Bank Negara Malaysia telah pun menghebahkan perkara yang dibangkitkan melalui siaran akhbar, radio, televisyen dan halaman web Internet. Selain dari itu poster-poster mengenai perkara tersebut juga telah pun diedarkan pada institusi kewangan di seluruh negara untuk dipamerkan kepada orang ramai. Usaha-usaha masih giat dijalankan untuk meluaskan sebaran maklumat ini termasuk menggunakan bantuan pegawai daerah, penghulu dan Jawatankuasa Keselamatan Kampung yang berkenaan.

### **KENAIKAN HARGA BARANG - LANGKAH KEMENTERIAN MENGENAL PASTI**

**8. Puan Hajah Selemiah binti Hashim** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan kenaikan harga barang-barang sukar dibendung walaupun berbagai arahan dan peraturan dibuat oleh kementerian. Nampaknya langkah-langkah kawalan dan seliaan hanya dibuat setelah mendapat aduan dan rungutan orang ramai. Apakah pihak kementerian tidak dapat mengenal pasti sesuatu masalah sebelum ada pihak yang menjadi mangsa.

**Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Dato' S. Subramaniam]:** Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha untuk mencegah kenaikan harga barangan, kementerian bukan sahaja mengambil tindakan setelah mendapat aduan dan rungutan orang ramai malah kementerian sentiasa menjalankan pemantauan dari masa ke semasa dan

mengadakan 'spot checks' untuk memastikan harga tidak dinaikkan sewenang-wenangnya.

Bagi tahun ini, iaitu dari 1 Januari hingga 5 Disember 1998 kementerian telah menjalankan 451,655 pemeriksaan di seluruh negara. Daripada pemeriksaan tersebut kementerian telah mengambil 4,820 tindakan kes berhubung dengan pelbagai penyelewengan dalam amalan perdagangan dengan melibatkan penyitaan barang-barang bernilai kira-kira RM21.44 juta. 310 kes telah didakwa di mahkamah di mana pihak terbabit telah dikenakan denda sebanyak RM366,546 manakala 4,530 kes lagi dikompaun dengan nilai kompaun RM1,667,725.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, pada masa ini kawalan ke atas harga barang-barang adalah terhad kepada 12 jenis barang kawalan sahaja. Harga barang-barang tersebut tidak dinaikkan kecuali mendapat kelulusan kementerian. Dalam hubungan ini kenaikan harga beberapa jenis barang tahun ini adalah diluluskan oleh kerajaan setelah mempertimbangkan alasan-alasan yang diberikan oleh pihak industri. Secara keseluruhannya kementerian berpuas hati dengan pematuhan harga-harga tersebut oleh peniaga.

Bagi barang-barang lain harganya tidak dikawal dan oleh itu ianya ditentukan oleh fakta-fakta pasaran. Walaupun demikian, kementerian menjalankan pemantauan setiap minggu ke atas 233 jenis barang bagi mengesan perubahan harga yang berlaku. Kedudukan harga disampaikan juga kepada pengguna untuk panduan melalui persatuan-persatuan pengguna.

Tindakan-tindakan pengesanan ini menunjukkan bahawa kementerian mengambil tindakan proaktif dalam melindungi kepentingan pengguna. Dalam kontek ini, pengguna juga perlulah memainkan peranan supaya bijak berbelanja dan membuat perbandingan sebelum membeli berdasarkan senarai harga-harga yang dimaklumkan oleh kementerian dari masa ke semasa.

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, adakah pihak kementerian membuat pemantauan kepada premis-premis perniagaan yang besar-besar seperti supermarket, hypermarket dan sebagainya. Dalam keadaan ekonomi sekarang ini, adakah perniagaan mereka masih lagi dalam keadaan yang stabil dan mereka dapat meneruskan perniagaan mereka. Perkara ini saya bangkitkan kerana penutupan supermarket-supermarket dan hypermarket akan mengakibatkan kerugian kepada mereka yang membekalkan barangan kepada premis-premis berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, yang keduanya, saya juga ingin mendapat penjelasan daripada pihak kementerian dari segi kilang-kilang pengeluar bahan-bahan pengguna tempatan dengan keadaan ekonomi dan juga tekanan kewangan sekarang ini, adakah semua kilang pengeluar bahan pengguna tempatan berada dalam keadaan yang stabil dan dapat meneruskan pengeluaran mereka dan mengekalkan tahap dan juga kualiti pengeluaran mereka. Terima kasih.

**Dato' S. Subramaniam:** Tuan Yang di-Pertua, soalan pertama adalah berasaskan daripada soalan asal tetapi soalan kedua terkeluar sedikit, walaupun begitu saya akan cuba. Tentang pemantauan yang kita sentiasa jalankan, ini termasuk premis-premis hypermarket, supermarket dan termasuk juga gedung-gedung jualan yang besar-besar dan daripada maklum balas yang kita perolehi tidak ada mana-mana hypermarket atau supermarket yang menghadapi masalah sehingga mahu tutup perniagaan, walaupun dalam kegawatan semua perniagaan ada kesan yang kurang baik dan ada yang menghadapi masalah.

Mengenai kilang-kilang yang mengeluarkan barang-barang tempatan, ini sama jugalah dalam kegawatan yang kita hadapi, semua pihak termasuk kilang, syarikat-syarikat dan sebagainya memang menghadapi masalah khususnya oleh kerana barang-barang import atau bahan mentah yang mereka import daripada negara asing telah meningkat harga dan oleh kerana itu dengan penurunan mata

wang Ringgit jika dibandingkan dengan mata wang negara asing, maka mereka juga telah menghadapi, tetapi bagi pihak kerajaan rancangan-rancangan fiskal dan juga lain-lain yang diambil oleh Kementerian Kewangan termasuk untuk membantu kilang-kilang dan juga lain-lain syarikat yang memerlukan bantuan.

**Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita kadang-kadang kasihan tengok menteri turun, kena pergi pasar, kena pergi supermarket, cek barang begitu juga penguat kuasa, masih berlaku lagi, rakyat masih bersungut, harga yang dikawal pun kadang-kadang lepas sahaja penguat kuasa lalu, balik belakang harga naik balik. Jadi saya rasalah ada atau tidak cadangan kementerian tambahlah penalti ini, bubuh denda penjara sedikitlah. Bagi sebulan atau dua bulan, jangan denda kompaun, denda kompaun ini mereka boleh bayar, mereka ahli perniagaan, banyak simpan duit sebab untung sudah banyak. Macam gula contohnya, kadang-kadang memang berlaku di depan mata saya sendiri tetapi kita hendak buat macam mana. Ahli Parlimen bukan ada kuasa tangkap, kuasa tengok bolehlah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kuasa lapor ada.

**Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi:** Kuasa lapor ada tetapi tangkap tidak boleh. Jadi kita mintalah kementerian memberi penjelasan adakah ura-ura atau cara-cara hendak tambah penalti ini. Bagi denda sedikitlah, penjara setahun atau sebulankah. Terima kasih.

**Dato' S. Subramaniam:** Tuan Yang di-Pertua, saya telah menerangkan daripada jawapan tadi bahawa kita mengambil tindakan terhadap peniaga-peniaga yang melakukan penyelewengan atau melanggar peraturan-peraturan dan undang-undang yang sedia ada dan kita fikir tindakan adalah berat yang dikenakan terhadap mereka yang melakukan kesalahan. Kalau barang-barang yang disita itu bernilai RM21.4 juta, mereka yang telah dibawa ke mahkamah adalah sebanyak 310 orang dan sebagainya, maka tindakan dan peruntukan undang-undang yang sedia ada untuk mengambil tindakan terhadap mereka yang melakukan kesalahan atau penyelewengan buat masa sekarang

mencukupi, tetapi kita tidak nafikan bahawa ada peniaga-peniaga yang terlalu mahu cari untung yang berlebihan atau mencatut dan oleh kerana itu ada jugalah mereka yang cuba menipu pengguna tetapi kalau pengguna berhati-hati perkara itu boleh dielakkan.

**Puan Kamilia binti Ibrahim:** Saya ingin bertanya daripada pihak kementerian tentang langkah-langkah kawalan dan seliaan harga barang terutamanya barang keperluan di kawasan luar bandar. Ini ialah kerana terdapatnya kenaikan harga barang-barang keperluan di atas barang-barang yang distok lama, yang disimpan oleh pekedai-pekedai, jadi apakah tindakan pihak kementerian kerana ini adalah memberi implikasi yang teruk kepada mereka di kawasan luar bandar. Terima kasih.

**Dato' S. Subramaniam:** Tuan Yang di-Pertua, pemeriksaan premis-premis perniagaan yang saya sebutkan tadi iaitu bagi tahun ini sehingga 5 Disember 1998 sebanyak 451,655 premis, termasuk premis-premis perniagaan di luar bandar dan bandar. Daripada jumlah itu, walaupun saya tidak mempunyai angka tetapi daripada jumlah kes itu, kita menjalankan pemeriksaan di Kampung Baru FELDA dan FELCRA sebanyak 4,472 premis perniagaan. Estet sebanyak 1,705 premis, luar bandar terutamanya kampung-kampung tradisional sebanyak 105,111 premis perniagaan telah pun diperiksa, maka pemantauan harga dan tindakan terhadap mereka yang melakukan kesalahan adalah termasuk luar bandar dan kampung-kampung.

### **SUKAN ASIA 2006 DAN SUKAN OLIMPIK 2008 - MEMASTIKAN NEGARA SEBAGAI TUAN RUMAH**

**9. Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan kita berasa bangga dengan kejayaan negara menganjurkan temasya Sukan Komanwel baru-baru ini walaupun terdapat masalah seperti penjualan tiket dan jemputan. Apakah langkah-langkah seterusnya yang akan dilakukan untuk memastikan negara terpilih sebagai tuan rumah untuk Sukan Asia 2006 dan Sukan Olimpik 2008.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan [Dato' Shahrizat binti Abdul Jalil]:** Tuan Yang di-Pertua, negara kita memang berpuas hati dengan kejayaan Kuala Lumpur '98 (Sukan Komanwel Ke-XVI). Kejayaan ini diakui sendiri oleh Presiden Majlis Olimpik Antarabangsa semasa Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan mengadakan pertemuan baru-baru ini. Presiden Persekutuan Sukan Komanwel juga telah menyatakan kebanggaan beliau di atas kejayaan negara kita menganjurkan Sukan Komanwel yang memang sukar untuk ditandingi pada masa yang akan datang.

Sebagai langkah permulaan, sebuah jawatankuasa penawaran telah ditubuhkan yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan dan dianggotai oleh wakil-wakil dari pihak swasta, kerajaan dan Majlis Olimpik Malaysia. Jawatankuasa ini akan menyediakan strategi-strategi yang difikirkan sesuai untuk mendapatkan hak menjadi tuan rumah kedua-dua sukan berkenaan. Selain daripada itu Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan telah mengadakan lawatan dan pertemuan dengan Presiden Jawatankuasa Olimpik Antarabangsa untuk mendapatkan penerangan mengenai proses mendapatkan hak tuan rumah Sukan Olimpik 2008.

Untuk Sukan Asia 2006 Yang Berhormat Menteri bersama-sama dengan Presiden serta wakil-wakil Majlis Olimpik Malaysia akan mengadakan penerangan, pertemuan dan penjelasan kepada Ahli-ahli Majlis Olimpik Asia semasa Sukan Asia yang sedang berjalan sekarang.

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dari segi Sukan Komanwel ini saya puas hati tetapi ada perkara-perkara yang tidak puas hati, saya tidak dapat membentangkan di sini kerana mengambil masa yang panjang kemungkinan saya akan berucap dalam perbahasan nanti.

Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya ialah saya dukacita kerana dari segi pengagihan tiket dan jempunan tidak diselaraskan dengan betul, misalnya ramai Ahli Dewan Negara - saya membawa ini bukan sebab peribadi,

saya membawa ini sebabnya saya fikir kalau tidak ada hormat kepada Ahli-ahli Dewan Negara macam manalah orang yang di bawah [*Tepuk*] iaitu sesetengah Ahli Dewan Negara ada jemputan untuk pembukaan, sesetengah tidak ada, saya tanya, oh! Senator-senator yang di Kuala Lumpur sahaja yang dijemput tetapi Yang Berhormat yang sebelah ini dari Pulau Pinang, pembukaan dapat dan penutup pun dapat. Jadi kalaulah tidak bagi jemputan semasa penutup dan masa pembukaan jual kepada kami, kami akan rela beli sungguhpun tidak ada duit [*Tepuk*] untuk memberi sokongan kepada Sukan Komanwel yang diadakan baru-baru ini. Lagi satu kalau macam tiket, banyak yang tidak laku, pergilah macam orang jual loteri ini, pergilah ke kedai-kedai kopi, minta mereka beli. Ini semuanya tidak ada. Nampaknya mereka ini macam birokrat terlampau sangat. Ini yang saya tidak puas hati. Jadi, soalan tambahan saya tadi mengapa berlaku begini? [*Ketawa*]

**Dato' Shahrizat binti Abdul Jalil:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat kerana memberi pendapat beliau. Saya ingin membuat penjelasan bahawa penganjuran Sukan Komanwel itu dijalankan di bawah naungan Sukom Ninety Eight Berhad. Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan hanya menjadi Pengerusi Eksekutif untuk Jawatankuasa Eksekutif, maknanya semua pengurusan selain daripada pembinaan venue-venue dan infrastuktur sukan sahaja di bawah jagaan dan pengelolaan Kementerian Belia dan Sukan. Saya lihat ramai daripada rakyat Malaysia termasuk Ahli-ahli Yang Berhormat agak keliru di dalam ruang atau hak tanggungjawab, saya harap bahawa kita semua faham penganjuran dan penyediaan venue-venue. Jadi kami di kementerian menjalankan tugas dengan sebaik mungkin dan tidaklah dapat banyak sangat kompelin. Walau bagaimanapun, saya faham rasa keluhan hati Ahli Yang Berhormat dan saya sendiri telah pun memaklumkan kepada Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan. Oleh kerana perkara ini telah pun diberitahu kepada saya dan Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan telah pun dalam Mesyuarat



Jawatankuasa Eksekutif memaklumkan kepada jawatankuasa yang menjaga jemputan, iaitu Jawatankuasa Protokol dan arahan telah pun diberi kepada mereka supaya semua Ahli Yang Berhormat sama ada daripada Dewan Rakyat ataupun Dewan Negara seharusnya dijemput oleh kerana kita memberi penghormatan kepada semua Ahli Yang Berhormat yang ada di negara kita ini. Tetapi malangnya pada saat-saat akhir, saya difahamkan kita dapat tahu bahawa tidak semua ahli Senator yang menerima jemputan ini, dan kepada mereka yang tidak menerima jemputan ini pihak kementerian telah pun mengambil tindakan-tindakan sewajarnya untuk memberi tiket-tiket kalau tidak untuk pembukaan tetapi untuk penutupannya. Saya harap bahawa Ahli Yang Berhormat yang mana yang rasa kecil hati itu agak terubat sedikitlah dengan penjelasan saya, tetapi kita tidak lupa dan kita di Kementerian Belia dan Sukan sentiasa memberi penghormatan kepada semua Ahli Yang Berhormat termasuklah daripada Dewan Negara ini.

**Datuk Haji Hashim bin Safin:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Baru sekejap Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki sebelum dia keluar dia minta saya tanya kerajaan apa guna. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, sedikit mengenai usaha untuk menjadi tuan rumah Sukan Asia 2006 dan Olimpik 2008, apakah ada sebarang kesan dalam soal keputusan pemilihan pucuk pimpinan Majlis Olimpik Malaysia baru-baru ini sama ada positif atau negatif dalam lobi-melobi Sukan Asia 2006 dan Sukan Olimpik 2008 ini.

**Dato' Shahrizat binti Abdul Jalil:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa kesannya tidak ada, oleh kerana pemilihan itu dibuat bukan atas dasar peribadi Presiden satu-satu Majlis Olimpik itu tetapi kewibawaan dan prestasi negara yang akan dipilih.

**PELABUHAN KLANG – USAHA KERAJAAN  
MENARIK SYARIKAT BERURUS NIAGA**

**10. Tuan N. Marimuthu** minta Menteri Pengangkutan menyatakan kenapakah banyak syarikat masih menggunakan pelabuhan asing walaupun terdapat Pelabuhan Klang yang mempunyai kemudahan terkini di negara ini. Apakah insentif yang diberi oleh kerajaan untuk menarik syarikat-syarikat ini berurus niaga di Pelabuhan Klang.

**Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd Rustam]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebenarnya semua pengeksport melainkan mereka yang menggunakan [*gangguan pembesar suara*] Tambak Johor menggunakan pelabuhan tempatan seperti Pelabuhan Klang, Pulau Pinang dan juga Pasir Gudang. Apa yang berlaku ialah sebahagian daripada eksport daripada pelabuhan tempatan di feeder melalui Pelabuhan Singapura sebelum diangkut ke destinasi akhir.

Ini berlaku oleh kerana frequency call, dengan izin, oleh main line operators adalah lebih di Pelabuhan Singapura berbanding dengan Pelabuhan Klang. Namun demikian, kerajaan sedang meningkatkan usaha untuk menggalakkan MLO menambahkan kekerapan berlabuh ke Pelabuhan Klang dan buat masa sekarang adalah dianggarkan 60% eksport Malaysia yang dikendalikan di pelabuhan-pelabuhan Malaysia dihantar terus ke destinasi akhir. Ini bermakna 40% daripada eksport Malaysia yang dikendalikan melalui pelabuhan tempatan di 'feeder' melalui Pelabuhan Singapura sebelum sampai ke destinasi akhir.

Saya juga ingin memaklumkan bahawa adalah dianggarkan bahawa volume eksport Malaysia yang dibawa ke Singapura melalui Tambak Johor adalah 30%.

Untuk menjawab soalan yang kedua iaitu apakah insentif kerajaan untuk menarik syarikat menggunakan Pelabuhan Klang. Saya suka memaklumkan bahawa beberapa insentif telah pun diambil. Pertamanya, menambahkan kapasiti dan kecekapan di pelabuhan dengan mengadakan kemudahan dermaga

dan peralatan berdasarkan pendekatan supply driven, seperti kini Pelabuhan Klang mempunyai 36 buah dermaga dan 31 buah crane yang mana pada Jun 1997, dua dermaga kontena sepanjang 600 meter telah pun dibina di Pelabuhan Barat dan dua dermaga sepanjang 426 meter telah pun dibina di Pelabuhan Utara iaitu tambahan kepada yang sebelum itu belum diadakan lagi dan pada April 1997, kapasiti Pelabuhan Klang telah pun meningkat kepada 3.4 juta TEU's yang boleh dikendalikan. Satu lagi dermaga sepanjang 213 meter akan diubah suai untuk operasi kontena menjelang tahun 2000.

Insentif kedua adalah menggalakkan lebih banyak persinggahan terus oleh kapal-kapal induk dan menggalakkan perkhidmatan feedering dari rantau ini supaya diadakan pelayaran yang lebih kerap dan perkhidmatan baru. Hingga kini kita telah pun menerima 67 kapal MLO datang ke Pelabuhan Klang iaitu membuat persinggahan dan telah pun mengendalikan kargo di Pelabuhan Klang lebih daripada tahun-tahun yang terdahulu. Misalnya, pada tahun 1996, 49 juta tan telah diuruskan di Pelabuhan Klang tetapi pada tahun 1997 telah meningkat kepada 55.8 juta tan. Ini adalah akibat daripada datangnya Main Line Operators (MLO) ke Pelabuhan Klang.

Insentif yang ketiga adalah memperbaiki accessibility ke Pelabuhan Klang melalui jalan raya dan juga rel di mana kereta api boleh tiba terus ke pelabuhan termasuk Pelabuhan Barat.

Keempat, mewujudkan persekitaran komersial yang sesuai iaitu melalui kaedah operasi baru dan prosedur yang telah dipermudahkan oleh agensi-agensi kerajaan untuk memudahkan penggunaan pelabuhan. Langkah-langkah yang telah diambil untuk memudahkan proses dokumentasi di pelabuhan adalah seperti berikut:

- (a) Jabatan Imigresen telah memberi advance immigration clearance, dengan izin untuk kapal-kapal kontena supaya kapal kontena boleh dimuat dan dipunggah sebaik sahaja merapat di dermaga;

- (b) Jabatan Kastam telah memberi kemudahan pelepasan awal (pre-clearance) bagi kontena supaya dapat dihantar ke premis kilang sebaik sahaja didaratkan di pelabuhan tanpa diperiksa;
- (c) Jabatan Kastam telah mengurangkan peratusan pemeriksaan kontena kepada 3% dan ini telah memudahkan kontena kosong dibawa masuk ke pelabuhan untuk diisikan dan kemudian dieksport semula;
- (d) Jabatan Kastam telah memberi kelonggaran dalam pemeriksaan kontena di mana pemeriksaan boleh dilakukan, bukan sahaja di kawasan pelabuhan tetapi juga di gudang atau di kilang pengimport;
- (e) di Pelabuhan Klang. Agensi-agensi atau jabatan kerajaan yang berkaitan seperti Jabatan Kastam, Jabatan Imigresen, Jabatan Laut, Jabatan Kesihatan, Jabatan Pertanian telah mulai pada 10 April 1996 bekerja 24 jam. Dengan ini elaun kerja lebih masa jabatan kerajaan yang dahulu dibayar oleh pengguna-pengguna pelabuhan telah pun dibatalkan;
- (f) dengan perubahan zon bebas di Pelabuhan Klang, keperluan prosedur kastam telah dikurangkan dan ini telah menggalakkan transshipment;
- (g) kapal-kapal kontena boleh belayar di perairan Pelabuhan Klang tanpa malim. Pengecualian ini hanya diberi kepada nakhoda yang telah familiar ataupun biasa dengan perairan Pelabuhan Klang. Ini bermakna penjimatan masa dan wang bagi kapal.

Insentif yang kelima adalah mengadakan kempen pemasaran secara bersama di dalam dan di luar Malaysia. Jenis dan cara promosi pelabuhan yang dilakukan oleh pelabuhan-pelabuhan, misalnya:

- (a) pelabuhan-pelabuhan telah mengikuti rombongan promosi perdagangan yang diketuai oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri serta MATRADE di luar negeri;
- (b) mengambil bahagian dalam exposition dan persidangan;

- (c) mengadakan sesi dialog dengan pengguna-pengguna pelabuhan seperti ejen perkapalan, ejen penghantaran dan juga pengangkut kontena;
- (d) mengadakan promosi pelabuhan di dalam negeri supaya menggunakan Pelabuhan Klang sebagai pusat pemunggahan. Dalam hal ini Menteri Pengangkutan telah mengetuai Kempen Promosi Pelabuhan Klang di Pulau Pinang, Johor Bahru, Kota Kinabalu dan juga Belawan di Sumatera.

Kesemua langkah ini telah membuatkan pelabuhan tempatan setanding dengan pelabuhan-pelabuhan antarabangsa. Sehubungan dengan ini, dalam usaha kerajaan menjadikan Pelabuhan Klang sebagai pusat pemunggahan, sebanyak 50 MLO yang telah saya sebutkan tadi dengan perkhidmatan perkapalan ke beberapa destinasi antarabangsa telah menggunakan Pelabuhan Klang.

Insentif kita yang seterusnya adalah EDI. Kerajaan telah melesenkan Electronic Data Interchange Malaysia Sdn. Bhd. untuk membangunkan sistem pengkomputeran bagi transaksi perdagangan EDI Malaysia Berhad dengan menubuhkan sebuah clearing center nasional bernama Dagang Net pada tahun 1994. Port Klang Community System adalah sebuah EDI base port system yang menghubungkan semua pihak seperti kastam, ejen perkapalan, ejen penghantaran, bank-bank dan lain-lain pihak untuk tujuan, dengan izin, transmission of documentation and clearance of cargo form port secara elektronik. Port Klang Community System juga merupakan projek pertama di bawah program pelaksana EDI nasional dan pilot project PKCS telah dijalankan pada tahun 1994 dan disambungkan kepada Dagang Net.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sistem EDI telah dilaksanakan di Pelabuhan Klang dan kini 95% borang telah pun dibuat melalui komputer. Fasa II pelaksanaan sistem EDI bermula pada bulan Mei 1998 dan dijangka siap selepas 9 bulan iaitu pada awal tahun hadapan. Selepas tempoh ini semua penggunaan ataupun urusan di Pelabuhan Klang akan selesai dengan

menggunakan EDI, bermakna tidak akan lagi menggunakan kertas untuk mengeluarkan kargo daripada pelabuhan.

Inilah dia insentif-insentif yang telah pun diambil dan kerajaan yakin Pelabuhan Klang akan digunakan dengan lebih berkesan untuk menarik hingga akhirnya semua eksport dan import di negara kita akan dibuat di pelabuhan kita.

**Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Selain daripada gangguan Main Line Operators, juga Far East Freight Conference mengawal sewa-sewa kargo. Terdapat juga di Singapura, sebagai contohnya independent operator – kapal yang bebas yang tidak tertakluk kepada Far East Freight Conference. Jadi, adakah kerajaan bercadang menarik kapal yang bebas (independent) ini masuk ke Pelabuhan Klang, Pelabuhan Kuantan ataupun Pulau Pinang. Memanglah package insentifnya cantik, molek – tahniah diucapkan akan tetapi cara lain kerana saya soalkan sekarang, yang independent operator ini memberi tawaran tambang kargo yang murah, katakan satu tan dia boleh beri kurang sampai 10%. Sebagai contohnya, di sini kita boleh lihat kargo-kargo kita melintasi Tambak Johor untuk mencari operator yang independent ini, dia dapat cepat kapalnya, tunggu di Port Klang seminggu pun tidak sampai lagi keperluan. Sebagai contohnya timber export programme, mereka ada masa hendak sampai ke destinasiya katakan 14 hari sedangkan kapal di Port Klang tidak ada terpaksa mengeksport plywood-plywood kita melalui Tambak Johor hingga ke Singapura, mencari independent operator.

Jadi, apakah langkah kerajaan menggalakkan independent operator ini atau independent ship liner ini datang ke Pelabuhan Klang, Pulau Pinang ataupun Kuantan?

**Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sekarang ini kita menggalakkan MLO datang ke pelabuhan kita seperti yang saya sebutkan. Berkaitan dengan cadangan independent

operator ini akan ditimbang oleh kementerian jika ianya boleh memberi faedah kepada negara.

Walau bagaimanapun, saya suka memberitahu bahawa kos pengendalian menerusi pelabuhan kita jika dibandingkan dengan Pelabuhan Singapura, kita lebih murah sebanyak 25%. Masalah utama kita MLO kita kurang kerana kita baru sahaja mengadakan tarikan MLO ini semenjak tahun 1993 sedangkan di Singapura MLOnya lebih daripada kita. Saya difahamkan ada lebih kurang 444, ya atau tidak, wallahualam! Kita 67. Ini bererti di Singapura setiap hari ada MLO yang boleh bawa kargo terus ke destinasi akhir sedangkan kita dalam seminggu lebih kurang dua kali. Itulah sebabnya mengapa sebahagiannya pergi ke Singapura lebih dulu untuk di'feeder' sebelum dihantar ke destinasi akhir. Bagaimana pun usaha kita sedang berterusan daripada 10 MLO pada tahun 1993 sekarang sudah naik 67. Saya percaya dalam tempoh yang terdekat, banyak lagi MLO akan datang ke negara kita dan akhirnya akan menjadikan frequency MLO call to our port ataupun kekerapan datang ke pelabuhan kita akan lebih kerap, bermakna daripada dua hari mungkin seminggu tiga atau empat hari dan inilah yang sedang diusahakan dengan keras oleh kementerian. Kerana itu hari ini pun, Yang Berhormat Menteri sedang berada di Eropah untuk mempromosikan pelabuhan kita dan untuk menarik lebih banyak lagi MLO datang ke Pelabuhan Klang. Cadangan Yang Berhormat tadi akan kita ambil kira.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk Pertanyaan Jawab Lisan sudah pun selesai.

*[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Lisan telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 11 hingga 51 akan dijilid dalam buku yang berasingan]*

### **RANG UNDANG-UNDANG**

#### **RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1999**

### **Bacaan Kali Yang Kedua**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, 'Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.' [9 Disember 1998]

**11.21 pagi.**

**Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Pertama saya merakamkan terima kasih di atas peluang yang telah diberikan pada pagi ini dan seperti rakan-rakan yang lain pada hari semalam. Saya bersama-sama merakamkan ucapan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selaku Menteri Kewangan I, semasa membentangkan ucapan Belanjawan 1999 pada 23 hari bulan yang lalu dan pada hari semalam oleh Yang Berhormat Dato' Mustapa bin Mohamed, Menteri Kewangan II, yang telah memberi ucapan Belanjawan dengan ulasan yang amat membanggakan kepada kita.

Tuan Yang di-Pertua, dengan masalah yang dihadapi oleh negara kita pada hari ini, sebagai pengurus negara kita merasa satu kebijaksanaan dan kebaikan yang amat sangat untuk kita bersama-sama membincangkan masalah Belanjawan pada hari ini, kerana dengan keadaan Belanjawan dibentangkan, keadaan kita sedang dilanda kemelesetan dan kegawatan ekonomi yang mana Belanjawan yang kita kenal pasti ataupun dibentangkan kepada kita ialah Belanjawan yang berbentuk kurangan iaitu defisit. Walau bagaimanapun, ia merupakan satu rangsangan baru melalui pendekatan-pendekatan yang telah dilakukan oleh kerajaan bermula pada bulan September tahun ini bahawa satu-satu perubahan yang dilihat bertentangan dengan arus atau sistem kewangan di negara-negara lain. Tetapi sebagaimana yang kita tahu bahawa Belanjawan 1999 adalah usaha berterusan untuk memulihkan ekonomi negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum ini selepas kita mengalami kegawatan ramai di antara kita dan masyarakat antarabangsa telah memberi pandangan dan cadangan bagi memulihkan ekonomi, kita termasuklah mereka yang telah



menyokong cadangan-cadangan daripada Dana Kewangan Antarabangsa (IMF), sebagaimana yang kita bincangkan beberapa hari yang lalu. Walaupun kita lihat Kerajaan Malaysia teragak-agak sebelum ini kita merasakan begitu lega dan berterima kasih kerana Malaysia bertindak sebagaimana saya jelaskan tadi dengan menentang arus dan melaksanakan cadangan dan program melalui Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN), termasuk sebelum ini kita mengawal mata wang dan modal yang kita lihat sekali gus telah mengecewakan penyokong-penyokong perdagangan bebas dan globalisasi.

Tuan Yang di-Pertua, pada keseluruhannya Belanjawan telah mencakupi satu program yang agak meyakinkan kepada kita, ianya merupakan satu kenyataan sebenarnya kepada kita seperti dalam mimpi tetapi benar, malahan kerugian perniagaan dalam tahun tersebut yang kita dapati boleh dibawa ke hadapan untuk ditolak daripada pendapatan tahun berikutnya. Jelas Belanjawan 1999 merupakan rahmat kepada suasana dunia keusahawanan dan perniagaan di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, pelbagai perubahan asas pertadbiran cukai yang diperkenalkan dalam Belanjawan 1999 juga adalah penyebab kepada 'durian runtuh' ini. Bermula tahun 2000 selain daripada konsep taksiran sendiri cukai perlu dibayar atas pendapatan semasa dan bukan seperti sistem sekarang yang telah mengenakan cukai di atas pendapatan tahun sebelumnya. Perubahan ketara ini menuntut pembayar cukai warganegara kita menjelaskan cukai mengikut pendapatan semasanya, demi memudahkan perubahan struktur ini tahun 1999 diisytiharkan sebagai tahun tanpa cukai. Segala pendapatan yang diterima dalam tahun 1999 ini tidak akan dikenakan cukai, kerajaan akan kehilangan pungutan cukai hampir sebanyak RM18 bilion berdasarkan kepada Belanjawan yang telah dibentangkan atau 38% daripada jumlah perbelanjaan yang dijangka untuk tahun ini. Pengorbanan besar ini adalah perlu untuk memenuhi tuntutan dan perubahan yang telah dirancang.

Namun begitu kedudukan aliran tunai kerajaan kita berharap tidak akan tergugat kerana pada tahun 2000 kerajaan akan terus memungut cukainya daripada pendapatan semasa pembayar. Dengan demikian pembayar cukai seharusnya mengambil kesempatan ini khususnya warganegara kita yang melihat kebaikan daripada budget ataupun Belanjawan yang dibentangkan ini, dengan kesempatan ini untuk membawa pulang pendapatan luar negara mereka kerana ianya tidak akan dicukai. Jika ini berlaku sudah tentu rizab luar negara kita akan bertambah baik, walau bagaimanapun langkah ini hanya akan berjaya menarik masuk pendapatan luar negara sekiranya pihak Lembaga Hasil Dalam Negeri yang diletakkan di bawah Kementerian Kewangan tidak menghiraukan punca pendapatan ini. Oleh yang demikian, adalah penting bagi Lembaga Hasil Dalam Negeri memaklumkan akan pendirian mereka dan juga menetapkan prosedur pentadbiran mengenainya dengan sebaik mungkin. Apa yang perlu diambil berat oleh Perbendaharaan Malaysia ialah untuk mengesan pengelakan cukai tidak langsung dan lain-lain duti yang sepatutnya perlu dibayar.

Tuan Yang di-Pertua, tanda-tanda pemulihan sebagaimana yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan II semalam, telah menampakkan penggalakan dan pelaksanaan langkah-langkah tersebut membuktikan keputusan yang telah diambil oleh Kerajaan Malaysia adalah tepat dan kini mendapat sokongan seluruh strata masyarakat secara berperingkat-peringkat. Walau bagaimanapun Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah ini tidak bermakna Malaysia menyisih diri ataupun menghalang perdagangan antara Malaysia dengan negara-negara lain. Langkah-langkah ini hanyalah bertujuan untuk melindungi negara kita daripada eksploitasi dan tindakan pengaruh ataupun spekulator yang tidak bertanggungjawab, tidak setia dan tidak mengambil berat kepada negara di mana mereka telah banyak membuat keuntungan.

Kelakuan mereka ini adalah sama seperti anai-anai yang meninggalkan kerosakan selepas habis kayu dimakan. Sudah tentu Malaysia berhak sebagai sebuah kerajaan yang berdaulat, bermaruah dan merdeka berhak melindungi diri kita dari golongan perosak ini. Malaysia masih menghormati usahawan-usahawan dan juga masyarakat korporat yang jujur dan ikhlas. Jadi dalam suasana begini kita berharap seluruh strata masyarakat akan lebih berwibawa dalam memandang ataupun membentuk masa depan negara kita yang lebih cemerlang.

Jadi dalam hal ini tidak menghairankan kepada kita apabila Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad mengumumkan satu belanjawan kurangan pada tahun ini, sebagaimana dibentangkan juga oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan II semalam sebagai langkah untuk merangsang ekonomi keluar daripada kemelesetan.

Tuan Yang di-Pertua, hakikat ini dan langkah-langkah seperti penubuhan Danaharta dan Danamodal yang telah kita luluskan bersama dan telah dibincangkan dengan panjang lebar disetiap peringkat Ahli-ahli Dewan Negara adalah untuk memberi nafas baru dan menyegarkan semula sektor perbankan yang telah dicadangkan oleh Majlis Tindakan Ekonomi Negara telah pun dimulakan. Begitu juga banyak langkah fizikal untuk menggerakkan negara bagi mencapai status negara maju telah pun diambil kira di dalam Belanjawan sebelum ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebahagian besar daripada belanjawan ini telah diperuntukkan untuk menghidupkan semula pembangunan prasarana, pembangunan infrastruktur yang terbengkalai dengan tindakan-tindakan yang agak was-was sebelum ini selepas kita berhadapan dengan krisis kewangan negara. Sebelum krisis tersebut sektor prasarana merupakan penyumbang penting sebenar.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum krisis tersebut sektor prasarana merupakan menyumbang penting kepada pembangunan ekonomi dalam negara

kita. Menghidupkan semula sektor ini pastinya dialu-alukan oleh industri prasarana, pastinya dialu-alukan oleh industri ini yang mana ianya akan menggerakkan lebih daripada 120 aktiviti perniagaan lain.

Tuan Yang di-Pertua, kegiatan eksport juga mendapat dorongan baru melalui pengecualian cukai atas pendapatan berkanun syarikat-syarikat mengeksport sebahagian besar barangan buatan mereka. Begitu juga syarikat-syarikat yang melibatkan diri di dalam pengeluaran makanan, kini dibenarkan menyerah kerugian yang dialami daripada kegiatan ini dalam pendapatan syarikat-syarikat lain dan kumpulan syarikat yang sama pengimportan makanan menyebabkan pengaliran keluar daripada sebahagian besar hasil kita setiap tahun. Usaha untuk mengubah keadaan ini adalah penting, sebagaimana kita telah berbincang pada pagi tadi beberapa strategi yang digerakkan oleh kerajaan untuk mengubah keadaan ini adalah dialu-alukan.

Walaupun eksport telah diberi penekanan oleh budget pada tahun ini sewajarnya sebagai jalan keluar daripada kegawatan ekonomi, terlalu sedikit tarif yang dikenakan untuk membendung import dan mempertahankan rizab luar negara. Mungkin langkah ini tidak diperlukan kerana kejatuhan nilai Ringgit adalah mencukupi untuk mengawalinya import. Kepentingan usahawan, peniaga dan perniagaan kecil khususnya juga mendapat perhatian di dalam Belanjawan ini. Hakikatnya, kumpulan inilah yang sebenarnya untuk pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat yang paling terjejas semasa kemelesetan ekonomi. Di samping itu kumpulan ini merupakan tulang belakang ekonomi, ianya merupakan teras kepada masyarakat pedagang dan perindustrian di negara kita.

Oleh itu, jumlah RM250 juta diperuntukkan untuk pembangunan sektor perniagaan kecil ini adalah dilihat agak kecil sebenarnya untuk menyelaraskan kesan-kesan yang begitu teruk untuk diselesaikan ataupun untuk dijanakan semula kumpulan-kumpulan yang kecil ini yang telah terjejas hebat selepas kita menghadapi kegawatan ekonomi.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum ini pun kementerian dan kerajaan telah menggariskan beberapa dana yang begitu banyak. Saya tidak dapat secara terperinci jumlah dana-dana dan rakyat di seluruh negara terutamanya masyarakat usahawan kecil dan sederhana sedang berhadapan dengan kepeningan untuk menilai pengertian dana-dana. Menteri senantiasanya mendedahkan beberapa dana-dana baru dan baru-baru ini kita berterima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Mustapa bin Mohamed juga selaku Menteri Kewangan II untuk menggabungkan dengan secara lebih sistematik supaya keseluruhan dana bantuan untuk usahawan kecil dan sederhana ini dapat diterjemahkan di peringkat akar umbi usahawan kita.

Sebenarnya, walaupun saya terlibat secara langsung dalam pembangunan usahawan di negara kita di peringkat NGO, saya sendiri pun kurang mengerti dan faham kedudukan keseluruhan dana-dana ini. Saya kalau boleh ingin mencadangkan kepada Perbendaharaan dan kementerian, seluruh dana ini dikaji dengan secara serius dan terperinci dan kementerian-kementerian yang mempunyai dana-dana juga harus tidak bertindih peranan dan fungsinya. Apatah lagi di dalam negara kita, kita mahu masyarakat Melayu dan bumiputera akan menjadi teras di dalam pembangunan ekonomi negara. Sekarang ini usahawan kita masih terpinggir dalam arus perdana ekonomi.

Jadi tidak salah melalui kontrak sosial yang sama-sama kita bina negara ini, masyarakat kaum-kaum lain seperti China dan India, dan kaum-kaum lain di Sabah dan Sarawak dapat menerima hakikat bahawa kegagalan bumiputera dalam teras pembangunan ekonomi negara sesungguhnya adalah kegagalan pemimpin dan negara kita sendiri. Maka adalah wajar sekiranya pendekatan yang lebih pragmatik, pendekatan yang lebih sistematik dan pendekatan yang lebih real harus dilaku dan dilaksanakan oleh kerajaan.

Kita tidak mahu pengumuman-pengumuman yang telah dibuat oleh kerajaan khususnya kementerian dan Bank Negara tidak dapat diterjemahkan di peringkat bank-bank dan banyak dana ini disalurkan melalui bank-bank

komersial, jadi sewajarnya kerajaan memikirkannya semula supaya diadakan satu mekanisme dan pendekatan baru. Saya mencadangkan kepada kerajaan khususnya kepada usahawan kecil dan sederhana apa jua bentuk tabung mungkin ada 10, 15 tabung dapat digabungkan tetapi urusetia dan pendekatan kelulusannya harus diuruskan oleh NGO, badan-badan pemimpin usahawan yang diiktiraf oleh kerajaan. Dana ini tidak lagi harus disalurkan kepada bank komersial yang akan menilai kewibawaan secara kompetitif oleh usahawan-usahawan di akar umbi.

Jadi kalau dapatlah ianya dikaji oleh kementerian dan kerajaan khususnya kepada usahawan kecil dan sederhana satu gabungan secara bersepadu harus dilaksanakan dan dana ini harus diletak di bawah bidang kuasa sebuah NGO, kalau boleh saya cadangkan pada hari ini. Kepada usahawan bumiputera umpamanya pinjaman beberapa juta ke bawah jumlahnya beberapa bilion saya tidak tahulah terserah kepada budi bicara dan kebijaksanaan kerajaan, kalau boleh kita serahkan kepada Dewan Perniagaan Melayu dengan kerjasama Perbendaharaan dan juga Bank Negara. Kita fokuskan jerit tangis usahawan kecil dan sederhana kita ini supaya mereka ini akan berdepan dengan satu sekretariat yang faham masalah mereka tidak lagi kepada pegawai-pegawai kredit, bank yang tidak kenal pengertian pembangunan usahawan.

Apakah pengertian kejatuhan dalam perniagaan? Mereka sebenarnya tidak rasa mereka akan memproses pinjaman-pinjaman mereka ini melalui pendekatan secara kredit ataupun merit yang dilihat dalam bentuk bank sahaja. Jadi dana yang begitu indah, dasar yang begitu baik yang dilaksanakan ataupun hendak di laksanakan oleh kerajaan akhirnya tidak dapat diterjemah dan akhir grass roots ataupun masyarakat usahawan yang amat memerlukan tidak akan dapat apa-apa.

Kedua saya ingin mencadangkan juga oleh kerana masyarakat usahawan bumiputera yang berkaitan dengan kontraktor sakarang ini masih berhadapan dengan masalah. Sebelum ini memang kita ada masalah, kita ada lebih kurang 11,000 kontraktor bumiputera yang diiktiraf oleh kerajaan dan kita berterima kasih kepada kerajaan yang telah banyak menjalankan program dan aktiviti serta menjana mereka supaya terus berkembang dan berada bersama-sama dalam harus ekonomi. Tetapi setelah kita menghadapi kegawatan ekonomi banyak projek telah dihentikan dan ditangguhkan sehinggalah mutakhir ini kita telah dapat kelulusan baru, saya tidak tahu berapa bilion, RM2 bilion ke, RM3 bilion projek kecil dan sederhana dilepaskan balik oleh kerajaan supaya kita ada pertumbuhan dalam negeri sebagai membantu keputusan-keputusan Majlis Tindakan Ekonomi.

Jadi saya mencadangkan dana kontraktor bumiputera ditubuhkan semula sekarang ini. Pada 2 tahun yang lalu dana kontraktor bumiputera telah ditubuhkan oleh Persatuan Kontraktor Melayu dengan kerjasama Kementerian Pembangunan Usahawan. Ianya dilancarkan sendiri oleh Yang Berhormat Menteri Pembangunan Usahawan.

Jadi, kalau boleh satu kaedah dan pendekatan yang lebih strategik apakah dana kontraktor bumiputera ini harus ditubuhkan dengan cara yang lebih berkesan, jadi kita mahu umpamanya mungkin di peringkat NGO dapat mengeluarkan berapa peratus dan kerajaan menyediakan berapa peratus dan akhirnya kita dapat satu gabungan yang lebih baik, moga-moga hasrat kerajaan untuk melihat kontraktor bumiputera yang dilihat terpinggir ini akan terus berada dalam keadaan arus yang sedang kita bincangkan pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, strategi yang kedua, dalam Belanjawan 1999 iaitu memperkukuhkan ketahanan dan daya saing ekonomi negara di peringkat dalaman dan juga di peringkat antarabangsa. Kita memang mengalu-alukan

kekuatan kita ini tetapi dalam pembangunan ekonomi negara kita Tuan Yang di-Pertua, kita harus ingat sebagaimana saya perkatakan tadi bahawa dalam kita mengadakan beberapa strategi dalam pendekatan strategi ini iaitu untuk mengadakan daya saing ekonomi dan ketahanan yang sebenarnya bumiputera akan menghadapi masalah yang besar di dalam meletakkan diri mereka.

Saya bukan menidakkan kebolehan bumiputera tetapi sebagaimana kita tahu bahawa seluruh warga bumiputera di negara kita sedang berada didalam persimpangan sebenarnya. Melalui proses memperkukuhkan ketahanan dan juga liberalisasi perniagaan ini, kita sebenarnya jangan lupa agenda Dasar Ekonomi Baru yang akhirnya diteruskan melalui Dasar Pembangunan Nasional dan akhirnya kita akan melihat kegagalan bumiputera ini, selepas berhadapan dengan kegawatan melalui liberalisasi perdagangan dan perniagaan kerana matlamat untuk memperkukuhkan ketahanan dan daya saing ekonomi ini akhirnya bumiputera akan gagal.

Saya berterima kasih kepada rakan-rakan kita yang dari kaum lain yang telah banyak membantu, yang menterjemahkan dasar untuk membantu bumiputera dalam bersama-sama mengagih dan membangunkan usahawan bumiputera khususnya kecil dan sederhana. Jadi, saya harap melalui pembentangan budget pada hari ini, kerajaan tidak lupa kepada program-program yang diumumkan sebelum ini sebahagiannya sebagai agenda ekonomi negara iaitu selepas kita gawat, biasanya kita lupa, kita nampak tidak ada kesungguhan dalam pendekatan untuk memperkukuhkan kedudukan kelas menengah bumiputera umpamanya.

Saya tidak tahulah macam mana PNB dan sektor-sektor lain, saya ingat Kementerian Kewangan harus melihat dengan lebih bijaksana, tidak ada gunanya kita mengumumkan satu dasar dan akhirnya ia menimbulkan sebagaimana yang selalu kita bincang sebagai satu harapan semata-mata. Saya secara ikhlas menyatakan bahawa keyakinan rakyat dan masyarakat marhaen di negara kita khususnya bumiputera harus diberi perhatian berat. Baru-baru ini



kita berterima kasih kerana kakitangan kerajaan kita walaupun dalam keadaan tidak boleh beri bonus, tetapi keprihatinan kerajaan, kita dapatlah sedikit sebanyak. Kalau saya Menteri Kewangan mungkin saya tidak beri bantuan RM400 kepada pegawai-pegawai kerajaan maklumlah kita berniaga dalam keadaan rugi. Tetapi inilah sebenarnya pengorbanan kepada kakitangan kerajaan, kita bagi juga RM400 sekurang-kurangnya sebagai insentif ataupun bantuan untuk warga kakitangan awam ataupun kerajaan.

Kalau dibandingkan dengan negara-negara lain saya terpaksa beritahu, kalau dibandingkan dengan setengah-setengah negara - pagi ini kita baca *Utusan Malaysia*, lebih kurang 5 juta orang akan diberhentikan sekolah di Indonesia. Kalau kita melihat sebahagian daripada guru-guru di Indonesia, sekarang ini dia tidak bayar gaji lagi, dia tanya guru, “Kamu mahu berapa kempit, gulanya berapa?” Ini bagi tahu pegawai-pegawai kerajaan bahawa kedudukan di Indonesia, sungguh gawat sekali. Jadi, keadaan ini harus dijadikan iktibar bahawa kerajaan masih prihatin kepada kakitangannya kerana kita tahu bahawa melalui kakitangan kerajaan sahajalah ianya akan menjadi satu kumpulan sebagai enjin pertumbuhan dalam mentadbir negara kita.

Pentadbiran awam kita merupakan top ten di seluruh dunia. Saya tidak tahulah mungkin dalam *Utusan* boleh dedahkan. Semua ini berlaku beberapa belas tahun yang lalu selepas Yang Amat Berhormat Perdana Menteri melakukan perubahan demi perubahan dan kita masyarakat awam dan juga rakyat di semua peringkat dapat menterjemahkan peringkat demi peringkat, bagaimana harus kita sama-sama bertanggungjawab sebagai seorang warganegara untuk memperkukuhkan kedudukan negara kita dari masa ke semasa. Jadi, saya menyarankan pada hari ini kerajaan terus mengekal prestasi untuk melihat kebajikan kakitangan awam ini.

Dalam masa yang sama kita sedang berhadapan dengan orang-orang kampung. Walaupun kita nampak budget yang diluluskan ataupun dicadangkan banyak menyentuh masyarakat luar bandar khususnya dalam

sektor pendidikan, kesihatan dan juga dalam sektor pembangunan dan pertanian. Sebenarnya melalui rang undang-undang yang kita sama bincang ini telah memberikan peruntukan yang begitu besar kepada rakyat luar bandar, terutama sekali di bidang pendidikan. Setakat yang saya tahu, masyarakat Malaysia yang berumur di antara enam hingga dua belas tahun boleh bersekolah di sekolah kebangsaan dan juga tadika-tadika sebanyak 99.5%. Saya harap kerajaan dapat membetulkan peratusan yang saya beri.

Di Korea, Jepun, Singapura dan juga di negara-negara lain yang berhampiran dengan negara kita, peratusan ini tidak sampai dan saya mahu kerajaan membuat satu statistik ataupun data membandingkan dalam sektor pendidikan ini supaya rakyat sebenarnya faham bahawa dalam keadaan kita menempuh kegawatan ini, sesuai dengan logo Kerajaan Barisan Nasional kita, mereka ini tidak terheret dengan suasana kesenangan yang sedang berlaku pada hari ini dan akhirnya kita menentang suasana yang begitu indah, keamanan, keselamatan dan apatah lagi masalah pendidikan. Jadi sektor-sektor seperti pendidikan ini kalau boleh saya katakan ianya merupakan satu sektor yang terbaik di rantau kita ini.

Saya mahu perkara-perkara ini didedahkan kepada masyarakat luar bandar, kerana masalah pendidikan ini dengan peruntukan yang begitu besar dari tahun ke tahun dan juga program-program yang boleh membantu membangunkan masyarakat luar bandar. Ini harus diterjemahkan dalam bentuk langsung sebenarnya. Jadi kita mahu satu gerakan yang lebih hebat dapat diusahakan oleh kerajaan supaya semua ini sebenarnya bukanlah masalah kepentingan beberapa orang. Semua peruntukan apatah lagi strategi Belanjawan 1999 dengan meletakkan defisit sebanyak RM16 bilion lebih, saya tidak tahulah bagaimana kaedah atau cara kerajaan akan fill up atau membantu meletakkan dana yang begitu besar sebanyak RM16 bilion semata-mata untuk mengurus negara kita supaya semua strata masyarakat akan mendapat kebahagiaan, semua peringkat anggota warganegara kita akan mendapat perlindungan yang sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu-alukan keseluruhan rang undang-undang dan juga ucapan Belanjawan yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Dato' Mustapa bin Mohamed semalam sekurang-kurangnya pada hari ini kita

dapat mendedahkan sedikit sebanyak bahawa ketahanan dalam negara kita memerlukan kekuatan rakyat di semua peringkat.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya mengucapkan tahniah kepada kerajaan yang telah dapat membentangkan Belanjawan 1999. Jadi ringkasan dan ulasan yang saya berikan tadi sedikit sebanyak kiranya ada kebaikan dapat sama-sama kita memperkukuhkan suasana ini menterjemahkan semua strategi tadi moga-moga ianya memberi faedah kepada kerajaan dan rakyat dan akhirnya kerajaan yang sama-sama kita dukung pada hari ini dapat kita teruskan di masa-masa akan datang.

Jadi, demi agama, bangsa dan negara, sesungguhnya kita amat menyintai negara kita, dan sebagai seorang rakyat kita mahu semua peringkat rakyat memikirkan dengan setenang-tenangnya bahawa apa jua yang sedang berlaku pada hari ini kita tidak harus diheret melalui strategi dan pendekatan serta kaedah-kaedah orang-orang luar yang tidak mahu melihat kejayaan demi kejayaan yang telah dilakukan oleh negara.

Dengan kata-kata itu, saya menyokong Rang Undang-undang Perbekalan serta ucapan Belanjawan yang telah dibentangkan semalam. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Dato' Chet Singh.

**11.50pagi**

**Tuan Dato' Chet Singh:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberikan saya peluang untuk menyertai perbincangan Belanjawan 1999. Pembentangan Belanjawan pada 23 Oktober 1998, di Dewan Rakyat Malaysia merupakan sesuatu yang bersejarah dan unik memandangkan ia telah disampaikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selaku Menteri Kewangan yang pertama.

Di samping itu Belanjawan tersebut juga berada pada tahap yang genting kerana memaparkan usaha-usaha negara dalam mengatasi krisis kewangan ekonomi yang telah berlarutan selama 16 bulan agar ia dapat dipulihkan secepat yang mungkin. Falsafah belanjawan tersebut menyatakan bahawa kita mesti cuba sedaya upaya untuk membantu diri sendiri. Ini selaras

dengan tema hari merdeka tahun ini 'Negara Kita Tanggungjawab Kita', sikap yang amat bersesuaian.

Belanjawan 1999 mengandungi usul-usul kukuh yang pasti dapat memulihkan keadaan ekonomi apabila disertakan bersama langkah-langkah kewangan, monetary, dengan izin dan langkah-langkah yang lain yang telah diperkenalkan. Secara ringkas, langkah-langkah pragmatik ini akan melindungi ekonomi daripada kesan-kesan luaran dan membolehkan kita mencapai pertumbuhan ekonomi- yakni bagi tahun 1999, ekonomi diramalkan akan mencapai kadar pertumbuhan sebanyak 1% berbanding dengan kadar kemerosotan 4.8% yang dialami dalam tahun ini.

Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan 1999 sememangnya adalah pragmatik dan berfungsi sebagai pelan tindakan untuk memulihkan keadaan ekonomi negara. Belanjawan 1999 dibentuk berasaskan strategi yang telah dirancangan dengan baik dan sempurna dan saya berpendapat bertujuan untuk:

- mencergaskan aktiviti-aktiviti ekonomi serta melindungi ekonomi dari kesan jangkitan krisis kewangan serantau untuk menstabilkan sistem pasaran kewangan dan nilai Ringgit;
- memperkukuhkan ketahanan dan daya saing ekonomi negara,
- menyusun semua sektor kewangan dan mempertingkatkan tahap pengurusan sektor awam dan swasta dengan izin, good governance;
- mengukuhkan lagi kedudukan imbangan pembayaran dan menjamin hidup kesejahteraan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, jika strategi-strategi ini dilaksanakan dengan segera dan adalah selaras dengan Pelan Pemulihan Ekonomi Negara, maka ia bukan hanya akan memulihkan keadaan ekonomi malah juga akan

mengukuhkan lagi sistem dan amalan ekonomi semasa. Ini seterusnya akan membawa perubahan dan rasionalisasi yang perlu bagi mewujudkan masa depan yang cerah bagi penduduk Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, objektif utama semasa ialah semata-matanya untuk meningkatkan dan mengukuhkan ekonomi negara kita dan juga kesejateraan rakyat Malaysia. Tidak ada ruang untuk mempertimbangkan objektif-objektif lain dan apatah lagi untuk agenda-agenda peribadi. Di sini hari ini sama-sama menyemai kejujuran dan integriti dalam usaha mengetepikan kelemahan dan amalan negatif yang telah meresap ke dalam sistem ekonomi. Sejajar dengan satu petikan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri: “dengan disiplin, tekad dan ketahanan, keadaan ekonomi dapat dipulihkan dalam tahun 1999...”

Kita sedang berada dalam era pemulihan ekonomi dan patut mengucapkan tahniah kepada MTEN kerana menjalankan tugas yang sempurna dan lengkap, cepat bertindak dan bersikap pragmatik dalam membentuk PPEN agenda untuk tindakan. Kuncinya ialah tindakan dan kepentingan masa. Pelaksanaan mesti dijalankan tepat dan pada masanya dan kelewatan mesti dielakkan.

Tuan Yang di-Pertua, kualiti polisi ekonomi negara dan integriti yang disertakan dalam polisi dan strategi yang berikutnya merupakan dua faktor penting untuk mencapai objektif-objektif yang terancang. Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, it is said that the quality of a country's economic policy and the integrity with which the policy and ensuing strategies are implemented are two crucial factors in order to achieve the planned-for objectives.

Belanjawan 1999 sememangnya merupakan satu polisi berkualiti berasaskan pendekatan sendiri dengan izin, home-grown approach dalam usaha mengatasi krisis ekonomi yang sedang dialami oleh negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya hendak ucapkan tahniah dan syabas kepada dua-dua Menteri Kewangan dan pegawai-pegawai Kementerian Kewangan. Integriti mesti dipastikan semasa melaksanakannya yang menggembirakan ialah untuk mengetahui bahawa kerajaan sedar akan perkara ini adalah telah dipertingkatkan tahap pengurusan governance, sektor awam dan swasta dalam strategi Belanjawan 1999.

Tuan Yang di-Pertua, memang tidak dapat dinafikan bahawa tahap pengurusan governance yang kian meningkat merupakan komponen yang penting untuk pembangunan yang berterusan dan adil, dengan izin sustainable and equitable development. Seandainya isu peningkatan tahap pengurusan governance ini dapat diterima oleh sektor-sektor swasta dan awam di Malaysia, maka nescaya kita dapat membuat perubahan yang perlu dalam keupayaan institusi demi mengendalikan pembangunan.

Hari ini, pengurusan yang baik dengan izin good governance merangkumi empat prinsip utama iaitu, kebertanggungjawapan, (accountability) bersifat nyata (transparency), kebolehan meramal (predictability) dan penyertaan (participation). Prinsip-prinsip ini merupakan bahan percakapan dan tulisan yang kerap digunakan. Yang diperlukan kini ialah penerimaan penuh prinsip-prinsip ini di samping menerapkannya dalam kerja budaya dan hidup kita.

Tuan Yang di-Pertua, keempat prinsip asas ini telah dikenal pasti oleh Bank Pembangunan Asia dan Program Pembangunan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNDP) telah menyampaikan penjelasan lanjut tentang prinsip-prinsip ini. Di samping mengenal pasti ciri-ciri kawalan kerajaan yang baik iaitu penyertaan (participation) peraturan undang-undang (rule of law), sifat yang nyata, sikap responsif (responsiveness), orientasi sepersetujuan (consensus orientation), keadilan (equity), keberkesanan dan kecekapan (effectiveness and efficiency) kebertanggungjawaban serta visi strategik (strategic vision).

Tuan Yang di-Pertua, amatlah penting untuk menempatkan seorang yang berwibawa dan yang mempunyai pengetahuan serta kecekapan yang bersesuaian dikedudukan utama sektor swasta demi meningkatkan tahap pengurusan dan untuk memastikan bahawa amalan diteruskan.

### **11.50 pagi**

**Tuan Dato' Chet Singh:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberikan saya peluang untuk menyertai perbahasan Belanjawan 1999. Pembentangan Belanjawan pada 23 Oktober 1998, di Dewan Rakyat Malaysia merupakan sesuatu yang bersejarah dan unik memandangkan ia telah disampaikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selaku Menteri Kewangan yang pertama.

Di samping itu Belanjawan tersebut juga berada pada tahap yang genting kerana memaparkan usaha-usaha negara dalam mengatasi krisis kewangan ekonomi yang telah berlarutan selama 16 bulan agar ia dapat dipulihkan secepat yang mungkin. Falsafah belanjawan tersebut menyatakan bahawa kita mesti cuba sedaya upaya untuk membantu diri sendiri. Ini selaras dengan tema hari merdeka tahun ini 'Negara Kita Tanggungjawab Kita', sikap yang amat bersesuaian.

Belanjawan 1999 mengandungi usul-usul kukuh yang pasti dapat memulihkan keadaan ekonomi apabila disertakan bersama langkah-langkah kewangan, monetary, dengan izin dan langkah-langkah yang lain yang telah diperkenalkan. Secara ringkas, langkah-langkah pragmatik ini akan melindungi ekonomi daripada kesan-kesan luaran dan membolehkan kita mencapai pertumbuhan ekonomi- yakni bagi tahun 1999, ekonomi diramalkan akan mencapai kadar pertumbuhan sebanyak 1% berbanding dengan kadar kemerosotan 4.8% yang dialami dalam tahun ini.

Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan 1999 sememangnya adalah pragmatik dan berfungsi sebagai pelan tindakan untuk memulihkan keadaan ekonomi negara. Belanjawan 1999 dibentuk berasaskan strategi yang telah dirancang dengan baik dan sempurna dan saya berpendapat bertujuan untuk:

- mencergaskan aktiviti-aktiviti ekonomi serta melindungi ekonomi dari kesan jangkitan krisis kewangan serantau untuk menstabilkan sistem pasaran kewangan dan nilai Ringgit;
- memperkukuhkan ketahanan dan daya saing ekonomi negara,
- menyusun semua sektor kewangan dan mempertingkatkan tahap pengurusan sektor awam dan swasta dengan izin, good governance;
- mengukuhkan lagi kedudukan imbangan pembayaran dan menjamin hidup kesejahteraan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, jika strategi-strategi ini dilaksanakan dengan segera dan adalah selaras dengan Pelan Pemulihan Ekonomi Negara, maka ia bukan hanya akan memulihkan keadaan ekonomi malah juga akan mengukuhkan lagi sistem dan amalan ekonomi semasa. Ini seterusnya akan membawa perubahan dan rasionalisasi yang perlu bagi mewujudkan masa depan yang cerah bagi penduduk Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, objektif utama semasa ialah semata-matanya untuk meningkatkan dan mengukuhkan ekonomi negara kita dan juga kesejahteraan rakyat Malaysia. Tidak ada ruang untuk mempertimbangkan objektif-objektif lain dan apatah lagi untuk agenda-agenda peribadi. Di sini hari ini sama-sama menyemai kejujuran dan integriti dalam usaha mengetepikan kelemahan dan amalan negatif yang telah meresap ke dalam sistem ekonomi. Sejajar dengan satu petikan Yang Amat Berhormat Perdana



Menteri: “dengan disiplin, tekad dan ketahanan, keadaan ekonomi dapat dipulihkan dalam tahun 1999...”

Kita sedang berada dalam era pemulihan ekonomi dan patut mengucapkan tahniah kepada MTEN kerana menjalankan tugas yang sempurna dan lengkap, cepat bertindak dan bersikap pragmatik dalam membentuk PPEN agenda untuk tindakan. Kuncinya ialah tindakan dan kepentingan masa. Pelaksanaan mesti dijalankan tepat dan pada masanya dan kelewatan mesti dielakkan.

Tuan Yang di-Pertua, kualiti polisi ekonomi negara dan integriti yang disertakan dalam polisi dan strategi yang berikutnya merupakan dua faktor penting untuk mencapai objektif-objektif yang terancang. Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, it is said that the quality of a country's economic policy and the integrity with which the policy and ensuing strategies are implemented are two crucial factors in order to achieve the planned-for objectives.

Belanjawan 1999 sememangnya merupakan satu polisi berkualiti berasaskan pendekatan sendiri dengan izin, home-grown approach dalam usaha mengatasi krisis ekonomi yang sedang dialami oleh negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya hendak ucapkan tahniah dan syabas kepada dua-dua Menteri Kewangan dan pegawai-pegawai Kementerian Kewangan. Integriti mesti dipastikan semasa melaksanakannya yang menggembirakan ialah untuk mengetahui bahawa kerajaan sedar akan perkara ini adalah telah dipertingkatkan tahap pengurusan governance, sektor awam dan swasta dalam strategi Belanjawan 1999.

Tuan Yang di-Pertua, memang tidak dapat dinafikan bahawa tahap pengurusan governance yang kian meningkat merupakan komponen yang penting untuk pembangunan yang berterusan dan adil, dengan izin sustainable and equitable development. Seandainya isu peningkatan tahap pengurusan governance ini dapat diterima oleh sektor-sektor swasta dan awam di Malaysia,

maka nescaya kita dapat membuat perubahan yang perlu dalam keupayaan institusi demi mengendalikan pembangunan.

Hari ini, pengurusan yang baik dengan izin good governance merangkumi empat prinsip utama iaitu, kebertanggungjawapan, (accountability) bersifat nyata (transparency), kebolehan meramal (predictability) dan penyertaan (participation). Prinsip-prinsip ini merupakan bahan percakapan dan tulisan yang kerap digunakan. Yang diperlukan kini ialah penerimaan penuh prinsip-prinsip ini di samping menerapkannya dalam kerja budaya dan hidup kita.

Tuan Yang di-Pertua, keempat prinsip asas ini telah dikenal pasti oleh Bank Pembangunan Asia dan Program Pembangunan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNDP) telah menyampaikan penjelasan lanjut tentang prinsip-prinsip ini. Di samping mengenal pasti ciri-ciri kawalan kerajaan yang baik iaitu penyertaan (participation) peraturan undang-undang (rule of law), sifat yang nyata, sikap responsif (responsiveness), orientasi sepersetujuan (consensus orientation), keadilan (equity), keberkesanan dan kecekapan (effectiveness and efficiency) kebertanggungjawapan serta visi strategik (strategic vision).

Tuan Yang di-Pertua, amatlah penting untuk menempatkan seorang yang berwibawa dan yang mempunyai pengetahuan serta kecekapan yang bersesuaian dikedudukan utama sektor swasta demi meningkatkan tahap pengurusan dan untuk memastikan bahawa amalan diteruskan.

Selain itu, langkah itu juga perlu diambil demi memastikan bahawa visi, matlamat dan objektif pembuat polisi utama tidak diketepikan oleh birokrasi yang enggan mengubah pendiriannya.

Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, to improve governance and to ensure that it is practiced, it is important to place high quality people with the appropriate knowledge and competency in key public sector position to ensure that the vision, goals and objectives of our principal policy makers are not frustrated by a bureaucracy that is resisting change. Pada masa yang sama,

masyarakat secara amnya juga mesti sedar bahawa mereka berupaya menolak tindakan yang semata-mata berasaskan pertimbangan politik dan permintaan atas kepentingan diri.

Tuan Yang di-Pertua, krisis ekonomi yang berlarutan sepanjang 16 bulan dan strategi pragmatik Belanjawan 1999 memerlukan perubahan-perubahan pemikiran (change in mind set) dan perubahan untuk meningkatkan tahap pengurusan. Sektor-sektor awam dan swasta serta masyarakat secara amnya, mesti membentuk kekuatan dan keberanian seperti Perdana Menteri dan MTEN yang telah menghasilkan satu agenda untuk tindakan kepada kita. Kita tidak boleh dan tidak patut menggagalkan mereka, dengan izin, we cannot and should not fail them.

Walaupun kita yakin bahawa keadaan ekonomi negara kita akan pulih, namun adalah bijak bagi semua pihak untuk berada dalam keadaan berjaga-jaga pada setiap masa. Perhubungan awam yang bersesuaian mesti diadakan demi membentuk keyakinan memandangkan wujudnya keraguan di kalangan sesetengah pihak. Penyampaian maklumat yang cepat dan tepat perlu dilakukan oleh seorang jurucakap yang cukup terlatih, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, to overcome this crisis of confidence there is need for properly trained public spokesperson to disseminate prompt and accurate information.

Tuan Yang di-Pertua, kita mesti ingat bahawa ekonomi negara kita telah merosot akibat aktiviti-aktiviti institusi kewangan yang telah memberikan pinjaman yang tidak terkawal dan spekulatif. Oleh itu, satu proses efisien bagi peruntukan kredit yang lebih berkesan adalah perlu demi mempromosikan pertumbuhan ekonomi dengan belanjawan pengembangan (expansionary budget). Negara kita tidak mampu untuk mengulangi kesilapan dan juga untuk membenarkan amalan yang salah. Inisiatif-inisiatif yang telah diambil harus memastikan perkembangan sektor-sektor sebenar, dengan izin, growth in real sectors.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa yang sama, kita mesti sedar bahawa seluruh dunia mungkin sedang menuju ke arah era kemelesetan, dan seandainya perkara ini menjadi satu kenyataan, maka segala usaha kita akan mendatangkan kesan negatif. Justeru itu, adalah penting bagi negara-negara maju untuk menyedari bahawa ekonomi seluruh dunia adalah terganggu, dan ia

bukan hanya merupakan masalah yang dihadapi oleh negara-negara Asia. Kepimpinan yang handal dari serata dunia diperlukan dan mereka mesti tampil ke hadapan tanpa perlu dipaksa dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, strong world leadership is required now and should be forthcoming but without any conditions.

Tuan Yang di-Pertua, saya yakin bahawa peruntukan Belanjawan 1999 dan strategi-strategi yang telah diterapkan itu nescaya akan memulihkan ekonomi negara. Walau bagaimanapun, saya berpendapat bahawa kita mesti merancang untuk masa depan kita. Perancangan kita mestilah berasaskan pengalaman yang telah kita perolehi sepanjang enam belas bulan yang lalu di samping menggunakan dan menyesuaikan amalan terbaik negara-negara lain dalam mengatasi kemelesetan ekonominya. Penyusunan semula model Asia Timur mesti dipertimbangkan demi membenarkan penyertaan masyarakat, dengan izin, community participation. Yang diperlukan kini ialah sejenis perkongsian baru, iaitu perkongsian kerajaan-masyarakat-perniagaan. Perkongsian ini akan bersifat lebih terbuka kepada penilaian aspirasi dan keperluan penduduk yang inginkan masa depan yang lebih baik dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, what is required is a partnership that will allow for a better evaluation of the aspirations and needs of the people, who are desiring for a better future.

Tuan Yang di-Pertua, di negara Thailand, Lembaga Ekonomi dan Pembangunan Sosial Kebangsaan, (National Economic and Social Development Board) telah memulakan tindakan dengan membuat eksperimen ke atas pendekatan pengagihan kuasa menurut Rancangan Lima Tahun Kelapan, dengan izin, experimenting with a decentralised participatory planning approach. Sehingga kini, empat wilayah telah dijadikan kawasan ujian untuk memperkembangkan demokrasi atau perancangan bersama (for the development of democratic and participatory planning). Kanada merupakan salah sebuah negara maju yang telah banyak bergiat dalam membentuk rangkaian-rangkaian untuk mengadakan rancangan bersama, dengan izin, establishing channels for participative planning. Berdasarkan ini, pihak-pihak yang mempunyai tujuan yang sama dan yang akan mengadakan dialog dengan pemegang-pemegang amanah harta yang lain (dialogue with other stakeholders), dengan izin, akan merancang, membantu membentuk polisi, mengenal pasti projek dan mengawasi serta memberikan maklum balas.

Tuan Yang di-Pertua, selaras dengan persidangan Asia-Pacific Peoples Assembly (APEC), telah menyusun sebuah forum berkenaan "Community Enterprises for Sustainable Livelihood". Seperti daripada petikan Dr. Chandra Muzaffar, isu berkenaan keruntuhan nilai keagamaan dan moral serta isu norma

pembangunan semasa yang menggugat pengekalan pembangunan dan kehidupan ditegaskan dalam forum ini, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, what was highlighted at this assembly, if I can quote Dr. Chandra Muzaffar was the betrayal of spiritual and moral values and that current development norms were jeopardizing sustainable development and sustainable livelihood). Setakat ini, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merayu kepada kerajaan agar memberikan keutamaan untuk mentakrifkan semula strategi pembangunan dan jenis-jenis model yang berikutnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya berasa amat gembira apabila mendapati bahawa dana yang mencukupi telah disediakan untuk bantuan berterusan kesejahteraan sosial masyarakat dalam peruntukan Belanjawan 1999. Pembasmian kemiskinan mesti merupakan satu usaha yang berterusan dan saya ingin tegaskan di sini bahawa beberapa rakyat dari golongan minoriti diketepikan dalam hal ini, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, eradication of poverty has to be an on-going effort and here I would like to mention that some citizens from the minority communities are being marginalised. Oleh itu, kini kita perlu menumpukan perhatian kepada isu kesejahteraan golongan minoriti yang diketepikan ini.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini satu kajian telah dijalankan di negeri Pulau Pinang; iaitu kajian Sosio-Ekonomi Masyarakat India di negeri Pulau Pinang. Kajian ini dengan jelas memperlihatkan keperitan hidup mereka, dengan izin, this study reveals very starkly their plight. Walaupun kajian ini hanya ditumpukan pada masyarakat India Malaysia, namun saya rasa bahawa hasil daripada kajian tersebut juga adalah sama bagi golongan minoriti yang lain.

Justeru itu, saya ingin mendesak kerajaan agar pertimbangkan rayuan golongan minoriti yang diketepikan itu dengan serius semasa menjalankan program-program dan projek-projek pembasmian kemiskinan.

Tuan Yang di-Pertua, kesejahteraan, moral dan keagamaan masyarakat adalah amat penting memandangkan ia banyak mempengaruhi sikap masyarakat dan juga nilai yang perlu disemai. Oleh yang demikian, saya ingin merayu kepada kerajaan agar menyediakan dana untuk kumpulan-kumpulan keagamaan yang lain agar usaha-usaha untuk menanam nilai-nilai keagamaan di kalangan penduduk bukan Islam juga dapat ditingkatkan. Ini nescaya akan mengimbangkan tahap perkembangan masyarakat Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan 1999 adalah satu rancangan tindakan pragmatik, bijak yang dapat memulihkan ekonomi negara kita. Walau bagaimanapun, pelaksanaan langkah-langkah kerajaan itu perlu dijalankan

dengan segera. Sokongan dan jika perlu pengorbanan semua pihak dan masyarakat secara amnya amat diperlukan oleh kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengakhiri ucapan saya dengan harapan dan doa ikhlas agar ekonomi negara kita dapat pulih dengan cepat dan dengan harapan bahawa negara kita akan bergerak menuju ke arah abad ke-21 dengan lebih kuat, berdikari dan di samping rakyat kita yang inginkan keamanan menerusi peraturan undang-undang dan keadilan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, my prayer is that we move towards this 21<sup>st</sup> century stronger and independent, and without people following the path of peace, believing in and upholding the rule of justice. Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua saya menyokong Rang Undang-undang Perbekalan 1999. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Datuk Haji Abdul Majid.  
**12.12 tgh.**

**Datuk Haji Abdul Majid bin Haji Baba:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang bagi saya untuk membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan 1999.

Kita sedia maklum bahawa Belanjawan 1999 bertujuan untuk menangani krisis kewangan negara. Apatah lagi negara menghadapi kegawatan ekonomi yang teruk sekarang ini. Nilai Ringgit jatuh menjunam kesan dari angkara spekulasi orang-orang asing atau rakyat luar negara kita. Walau bagaimanapun, kita bersyukur kepada Allah S.W.T. bahawa dengan usaha pucuk pimpinan kita Dato Seri serta barisan kabinetnya yang memerah fikiran mengadakan beberapa dasar yang berani semata-mata untuk menyelamatkan negara dari kancah masalah ini. Semoga dengan izin Allah S.W.T jua kita mengharapkan dasar-dasar ini akan berjaya.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan juga tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad Perdana Menteri, Perdana Menteri yang kita kasihi. Semenjak mengambil alih Menteri Kewangan beliau dapat membentangkan Belanjawan yang tepat dan sesuai dengan suasana masa negara kita dalam menghadapi krisis ekonomi. Pewujudan Majlis Tindakan Ekonomi Negara atau MTEN peringkat negara mahupun peringkat negeri, adalah dikatakan berjaya kerana kajian-kajian yang telah dibuat begitu baik sekali, manakala saya baca buku ini

- nilai Ringgit dan mengembalikan keyakinan rakyat dalam negara kita dan juga bagi pihak orang-orang luar negeri.

Kita juga seharusnya bersyukur kerana dasar-dasar pemulihan ini telah menampakkan kesan yang menggalakkan seperti yang dimaklumkan oleh Yang Berhormat Dato' Mustapa bin Mohamed Menteri Kewangan II. Semalam dalam ucapan beliau, “pelaburan luar negara tidak terjejas langsung bahkan meningkat termasuk daripada negara-negara Barat seperti Amerika sendiri, yang mengecam kita, Jerman, Jepun, Taiwan dan beberapa negara yang lain.” Ini membuktikan negara kita mempunyai ketahanan cara tersendiri dan saranan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, kita “Malaysia Boleh” adalah amat tepat sekali.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan industri kecil atau IKS saya suka menyebut khasnya di luar-luar bandar. Perusahaan tersebut yang mengusahakan barang-barang makanan ringan, kicap, tomato sos, dan lain-lain lagi patut dipergiatkan dan diadakan bantuan-bantuan dengan latihan-latihan yang lebih elok lagi kepada mereka. Pengurusan dan pembungkusan yang lebih menarik. Cara pembungkusan kalau kita lihat negeri-negeri luar seperti negeri Cina, Jepun setelah saya melawat bahawa bungkusan itu amat menarik kepada pembeli, kepada pelanggan-pelanggan. Jadi, cara inilah yang amat berkesan patut diperhebatkan lagi untuk latihan-latihan kepada perusahaan kecil ini.

Saya suka menyentuh berhubung dengan peruntukan Kementerian Pendidikan iaitu yang bernilai RM10,450,041,200 ini satu peruntukan yang saya rasa besar dilihat pada penduduk di luar bandar, rakyat miskin masih wujud, apatah lagi zaman kegawatan ini. Maksud saya bantuan buku-buku masih lagi diperlukan khususnya di sekolah-sekolah kebangsaan, dan sekolah-sekolah di luar bandar, mahupun sekolah jenis kebangsaan. Tambahan pula waktu kegawatan ini harga getah di kampung menurun jatuh begitu jauh sekali keadaannya teruk, petani-petani, pekebun-pekebun kecil pendapatannya menurun dan penanam-penanam padi pun dilanda banjir, keadaan musim sekarang in, dan sebahagian pendapatannya begitu merosot sekali. Oleh itu, diharapkan utamakanlah bantuan-bantuan ini bagi pihak penduduk pedalaman di luar bandar supaya mereka dapat hidup dan dapat menyekolahkan anak-anak mereka itu. Dalam melaksanakan pendidikan ini sekarang saya berpendapat

asuhan akhlak itu amat penting diambil kira untuk menyekat gejala sosial yang melanda negara kita ini. Integrasi pendidikan agama dan pendidikan perlu lebih giat diterapkan dalam sistem pendidikan.

Tuan Yang di-Pertua, pada hemat saya menyebut tentang akhlak ini ada kaitan dengan pendidikan agama di setiap kaum dalam negara kita. Apa anutan agama mereka tidak dikira tetapi penekanan pelajaran agama, akhlak ini penting bagi kita. Kerana kita tahu seseorang yang menganuti agama, yang memahami agama akhlak mereka amat baik. Kerana tidak ada orang yang beragama itu, perangai, keadaan tabiinya yang buruk dan suka membuat gejala-gejala yang buruk.

Tuan Yang di-Pertua, di kampung-kampung sekalipun, tadi banyak soalan yang berkaitan dengan Kementerian Pertanian, untuk menggalakkan petani dan peladang lebih berjaya, galakan perlu diberikan kepada mereka menggunakan alat-alat moden yang berjenis komersial seperti jentera-jentera bajak diberikan melalui pertubuhan peladang kawasan mahupun pertubuhan peladang negeri. Subsidi baja perlu diteruskan untuk penanaman padi. Kerajaan perlu mengamalkan benih-benih yang baik dibekalkan kepada petani-petani untuk kegunaan tempatan dan memaklumkan kepada petani supaya mengamalkan jenis-jenis tanaman dan perubahan yang baik. Dengan cara ini kita dapat menggalakkan dan mengurangkan barang-barang makanan dan sayur-sayuran import dari luar negeri.

Saya suka menyebut, sungguhpun kajian telah banyak dibuat khasnya oleh pihak Jabatan Pertanian dan MARDI sendiri, tetapi kalau kita banding dengan negara-negara jiran kita, umpamanya negara Thailand, jauh perbezaannya. Dari kajian yang dibuat, negara Thailand sangat berjaya kalau dibandingkan dengan negara kita. Dari segi pembelaan ikan keli pun kita banyak mengambill contoh dari Thailand. Begitu juga dari segi buah-buahan, peliharaan ternakan dan sebagainya jauh perbezaan dengan negara kita. Jadi, maksud saya supaya kajian MARDI ini diperluaskan mudah-mudahan dengan cara itu dapatlah petani meningkatkan pendapatan mereka.



Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan kedudukan perjalanan lebuhraya. Saya dapati kemalangan antara lori trailer dengan bas sering berlaku dan mengakibatkan banyak nyawa yang terkorban. Antara punca kemalangan ini ialah keadaan lori yang sering berhenti di tepi jalan dan tidak mempunyai tanda yang cukup terang, mengakibatkan banyak yang terkorban. Kalau terkorban itu bukan seorang dua tetapi berpuluhan, sampai 20-30 orang. Ini sangat mendukacitakan. Mereka bukan sahaja kehilangan nyawa, tetapi meninggalkan anak isteri dan keluarga. Jadi, maksud saya supaya pihak yang berkenaan mengambil tindakan yang lebih tegas lagi di jalan-jalan raya dan di lebuhraya. Sekarang ini saya dapati di tepi-tepi lebuhraya pula banyak ditanam dengan pokok jati. Apakah ini tidak mendatangkan bahaya pada masa akan datang kerana kita tahu pokok jati ini akan besar dan mungkin satu ketika boleh jadi tumbang dan menghalang kenderaan. Ini kena diambil kira juga mungkin berlaku. Kalau semasa ribut La-Nina ada kemungkinan ini akan berlaku, inilah masalah-masalah yang timbul. Kita kena kaji hal ini. Kecuaian pemandu-pemandu bas menyebabkan berlakunya kemalangan. Jadi sesuai dengan banyak pertanyaan tadi supaya diberikan hukuman yang lebih. Sahabat saya sudah menyebut tadi hukuman yang lebih kepada mereka yang melakukan kesalahan, kecuaiannya mengakibatkan nyawa terkorban.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi berlaku di Melaka. Bagaimana kajian kementerian yang berkenaan dari segi bot-bot dan motor-motor untuk mengawal berlakunya kemalangan. Di Melaka hari itu sehingga 15 orang meninggal. Itu bukan masalah ribut. Kalau dikaji, kenaikan penumpang lebih muatan dan tidak menggunakan baju keceemasan, tidak mengikut peraturan. Pengawal, penguat kuasa tidak mengambil berat. Sudah berlaku baru kita sedar, 'sudah terantuk baru tengadah'. Inilah masalahnya. Banyak boleh berlaku, mungkin esok di Langkawi, di Pulau Pinang boleh berlaku kepada nelayan-nelayan kita. Maksud saya penguatkuasaan ini mesti diperkemas, dilipatgandakan dan dikenakan denda-denda yang betul. Kadang-kadang kita

tengok ada bot, mungkin bot itu tidak ada lesen, tidak ada baju keselamatan. Jadi, bukan sahaja di jalan raya yang boleh mengakibatkan banyak pengorbanan nyawa, tetapi bot-bot dan juga feri-feri ini bermasalah.

Begitu juga di antara Pasir Gudang dengan Batam ada bot. Kebetulan saya baru pergi ke sana kerana saya sebagai Pengerusi Transport Nasco untuk menandatangani di sana. Ada bot dinaiki begitu ramai sekali, takut rasanya. Larinya cukup laju. Bot yang saya naiki cukup laju. Jadi, ini kementerian berkenaan patut mengambil tindakan dan mengambil berat perkara tersebut. Bukan sahaja kemalangan kapal terbang beratusan orang meninggal, bukan sahaja kemalangan di jalan raya dengan meletakkan kenderaan di tepi jalan, tetapi kenderaan yang besar-besar, trailer-trailer letak di tepi jalan tidak ada cukup tanda-tanda, kadang-kadang diletaknya dahan dan ranting kayu. Sepatutnya kita menentukan setiap kenderaan mempunyai tanda keselamatan yang betul. Sebab lori mereka, sebab kenderaan merekalah mengakibatkan orang banyak meninggal. Ini mengurangkan pengundi kita. Ada yang meninggalkan janda, meninggalkan anak, betapa susah negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, fahamlah yang mati pelanggaran motor, lumba haram kebanyakan belia dan pemuda antara umur 15-30 tahun. Yang meninggal ialah orang lelaki. Orang perempuan kebanyakan tiada kerana tidak ada motor. Apa yang berlaku kalau mereka mati, esok pengundi kita kurang, tenaga muda kurang. Yang boleh menjadi masalah juga esok kalau orang lelaki kurang, orang perempuan ramai siapa hendak jadi jodohnya. Ini masalah juga. Banyak anak dara tua, minta maafilah.

**Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon penjelasan daripada Yang Berhormat, kalau sekiranya lelaki sudah kurang dan perempuan banyak, adakah cadangan-cadangan yang lebih baik untuk menyelesaikan masalah ini. Kerana siperempuan kalau tidak kahwin pun tidak mencukupi kaedah sebagai manusia, kerana manusia harus berpasangan dalam dunia ini, terutama dalam dunia yang serba mencabar ini, dan dengan permintaan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk mencapai tahap 70

juta, apakah cara, adakah rasa-rasa kita boleh menggalakkan seorang itu boleh berkahwin empat dan yang bukan Islam pun juga boleh. Manalah tahu kita pinda undang-undang, saya minta cadangan supaya menyelesaikan masalah sekiranya terlebih wanita daripada lelaki.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Seorang yang bukan muslim adakah akan bersetuju, Yang Berhormat. *[Ketawa]*

**Datuk Haji Abdul Majid bin Haji Baba:** Minta maaflah saya sebut ini mungkin ada benarnya.

**Puan Hajah Khadijah binti Haji Awang:** Tuan Yang di-Pertua, pada persoalan itu saya inginlah menjawab sebagai seorang wanita. Tepuk dada tanya selera, itu sahaja. *[Ketawa]*

**Datuk Haji Abdul Majid bin Haji Baba:** Tetapi bermasalah juga, kerana saya sendiri pun baca buku Al-Arqam mengatakan “isteri yang membenarkan suaminya berkahwin lebih, besar pahalanya, syurga balasannya.” Tetapi bila kita tunjuk kepada isteri kita buku itu disepuk kepada muka saya. *[Ketawa]* Ini buku yang bapa engkau baca, engkau suruh aku pula tengok - minta maaflah. Jadi, inilah yang timbul esok kalau tidak ada pemuda, itulah sebab banyak anak gadis kita orang Bangladesh pun dia ikut, dia kejar. Handsome pula orang Bangladesh itu. Kerana kekurangan lelaki. Orang perempuan yang jadi anak dara tua kasihan juga. Kalau boleh kita dibenarkan bolehlah, kita ada tiga rizab lagi. Tetapi ‘tepek dada tanya selera’ bukan mudah hendak buat, berperang kita, minta maaf. *[Ketawa]* Tidak berani hendak buat. Kita kasihan juga.

Masalahnya bagi pihak wanita bukannya dia hendak kahwin kerana nafsu, tetapi kerana teman hidup untuk tempat bergantung, berfikir dan untuk menyelesaikan masalah, itu sahaja. Itulah keadaan di negara kita walaupun Islam membolehkan tetapi adalah masalah juga pada pihak lelaki.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menyentuh soal Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia. Ini berkaitan dengan laluan api di seluruh negara khasnya di bandar-bandar kecil, di kampung-kampung. Laluan dawai TNB kadang-kadang tidak cukup, sudah ada enam line tambah lagi empat line. Maksud saya dahulu saya sudah suarakan ianya merugikan tanah yang menggunakan begitu banyak kawasan. Hendak tanam pokok di bawah tidak dibenarkan. Kalau tanam ditebas, diberikan pemborong tebas, hendak

buat rumah tidak boleh mungkin bahaya. Kadang-kadang sawah pun ketinggalan. Yang jadi masalah tuan tanah kena bayar cukai sendiri termasuk diri saya ada dua ekar tanah kena laluan line api tidak boleh buat apa. Yang boleh tanam keladi sahaja. Pokok besar, pokok baka, pokok rambutan, durian tidak dibenarkan, tetapi tuan tanah kena bayar cukai.

Di kampung-kampung banyak orang rugi tidak boleh buat rumah, takut, mungkin masalah dengan elektrik. Saya banyak disuarakan oleh rakan-rakan saya, khasnya di negeri Melaka tidak banyak tanah. Bukan seperti negeri Pahang, Johor, Perak, minta maaf Melaka 'sekangkang kera' sahaja, ditambah laut, buat Pulau Melaka pula lagi, Pulau Melaka kena tunggu tiga bulan. Baru-baru ini satu developer hendak tambak laut, tiga tahun tanah mantap dan baru boleh dibuat rumah, pun masalah juga. Jadi ke mana hendak pergi? Kita pergi ke Peraklah ataupun Pahang, badan pun sudah tua.

Tuan Yang di-Pertua, kalau boleh TNB patut menimbangkan semula tentang imbuhan bayaran itu. Bayarannya kecil, dia bayar harga pokok bukan dibayar harga tanah, tuan tanah terpaksa bayar cukai hendak gunakan tanah tidak boleh, TNB tidak beri, buat rumah tidak boleh, tanam pokok tidak boleh, cukai kena bayar, lebih-lebih boleh tanam keladi, ini masalah. Cukai sepatutnya dia bayarlah tetapi dia suruh kita bayar sendiri, jadi ini masalah, bukan sedikit tanah ini, cuba Yang Berhormat-Yang Berhormat lihat dari utara sampai selatan, tidak cukup enam laluan tambah lagi dua, ini masalah yang ada, rungutan yang dibuat oleh orang-orang kampung dan tuan-tuan punya tanah yang saya dengar dahulu pun saya pernah suarakan tetapi tidak dapat perhatian daripada pihak tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyebut berhubung dengan terdapatnya rungutan daripada peniaga-peniaga bumiputera tentang ketidakseimbangan antara pembangunan ataupun bahagian lot-lot antara peniaga-peniaga bumiputera dengan bukan bumiputera dan lain-lain. Kerajaan perlu mengkaji bagaimana perkara ini boleh terjadi dan cuba mengambil langkah mengatasinya, contohnya mungkin kerajaan boleh memperuntukkan

kuota bangunan atau kedai-kedai itu dikekalkan untuk bumiputera. Ini pernah berlaku khususnya di negeri Melaka. Hendak beli harga tinggi, peniaga kecil langsung tidak upaya hendak beli, hendak pinjam bank susah dapat, ada yang membeli tidak dapat bayar duit, dilelong. Bila lelong orang lain ambil bukan bumiputera ambil, ada dua, tiga buah kedai yang dipunyai oleh bumiputera. Sepatutnya kalau lelong pun kuota itu mesti dikekalkan, lain daripada bumiputera tidak boleh ambil, mahkamah kena tunggu, yang lelong mesti tunggu bumiputera masuk beli kedai itu. Jadi kalau ada empat buah dalam satu bandar misalnya, dua tidak boleh bayar, dilelong, ini pernah berlaku. Saya selaku pengerusi pekebun kecil peringkat negeri, saya telah beli sepuluh buah kedai dan ada dua buah kedai untuk bumiputera, bila saya lawan dia lawan tinggi-tinggi, orang banyak duit, saya koperasi tidak ada duit - itulah masalahnya. Begitu juga Nasco, koperasi yang mempunyai 60 buah kedai di seluruh negara, ada masalah.

Jadi kita lihat pembangunan besar-besar, kedai banyak dibuat tetapi untuk kuota bumiputera, ke mana? Makin lama makin lesap, makin lama makin kuncup seolah-olah ekor ikan sembilang, tidak dapat ikut langsunglah, kalau hendak sebut tentang bangunan MARA tetapi apa yang dibuat selain daripada MARA. Ada badan lain yang buat dalam bandar ini. UDA buat, ada yang stall kecil sahaja itu pun tidak berdaya hendak membayar. Ini masalah yang dihadapi kerana saya sebut ini, kita hendak meletakkan supaya kedudukan status antara kaum itu. Kalau tidak ada rancangan ekonomi baru dahulu yang dilancarkan oleh Perdana Menteri kita yang begitu bijak menentukan, saya ingat ini yang menjadi masalah antara kaum, perimbangan. Apa yang berlaku di Indonesia, di negara-negara lain berperang, tidak puas hati, manusia perlu sama hidup apatah lagi bumiputera ini memanglah kalau tidak dibantu dengan bantuan MARA dan sebagainya, memang semakin lama makin ketinggalan keadaannya, ini rintihan.

Jadi maksud saya supaya kuota-kuota ini diawasi dan dijaga dengan betul, kalau dilelong, bila masa lelong kita tidak benarkan orang lain lagi, bumiputera mesti ambil lelong itu. Bila diambil alih, lelong terbuka, orang lain masuk tidak kira apa kaum pun, terlepaslah kuota bumiputera. Saya tegaskan kalau ini jauh beza kedudukan, kalau tidak dengan Dasar Ekonomi Baru ini, kita tentu akan jadi seperti 13 Mei, itu yang kita tidak hendak. Kita tidak kira rupa bentuk bangsa tetapi kita hendak hidup bersama, berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah, biar sama-sama ada. Harta banyak pun, 'kaya melaut', jadi saudagar, akhirnya mati juga. Empat keping papan juga, dia punya lubang sama juga, tujuh kaki panjang, apa yang susah sangat, minta maaf.

Ini adalah masalah, bunyinya cakap kampung tetapi ini masalah negara yang kita hadapi sekarang. Bila datang tidak puas hati, manusia ini mesti merasa puas, jawapan hendak puas, kehidupan hendak puas, pakaian hendak puas, ada cukup rumah, ada rumah tangga, ada pakaian, ada makanan yang cukup, jadi tidak ada masalah. Berlakunya rusuhan ini kerana ada yang tidak puas, kadang-kadang dia tidak faham, dia hendak beri modal kepada orang lain, dia hendak beri modal kepada George Soros, Al Gore, tidak fasal-fasal hendak berarak ke sana ke mari, apa yang dia tidak dapat. Pelajar begitu juga ditanggung oleh kerajaan, diberi biasiswa tidak bayar pula pinjaman MARA pun tidak mengenang budi, ini masalah yang ada pada kita.

Jadi saya tegaskan di sini bahawa perancangan pembangunan sama ada komersial, perumahan dalam bandar ini, kuota bumiputera itu usahlah dikurangkan. Kalau boleh ada agensi kerajaan sama ada MARA, UDA atau badan-badan lain boleh membeli kuota itu supaya membeli kemudian dijual kepada peniaga-peniaga kita supaya kekal bangunan itu dipunyai bumiputera, kita nampak elok, kita nampak sesuai dan kita nampak harmoni antara hubungan kaum dalam negeri. Ini sahajalah yang boleh meletakkan negara kita aman.

Tuan Yang di-Pertua, saya yakin Belanjawan yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita ini adalah satu Belanjawan yang

tepat dan kena pada masanya untuk mengembalikan ekonomi negara kita dan mengatasi kegawatan ekonomi. Krisis ekonomi negara kita ini saya yakin akan pulih semula pada masa akan datang, dengan itu saya menyokong Rang Undang-undang Perbekalan 1999. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Hajah Khadijah binti Awang.

**12.40 tgh.**

**Puan Hajah Khadijah binti Haji Awang:** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana mengizinkan saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Belanjawan 1999.

Pada dasarnya belanjawan yang telah dibentang oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 23 Oktober 1998 yang lalu dan telah dibentang juga oleh Yang Berhormat Dato' Mustapa bin Mohamed, Menteri Kewangan II, adalah bermatlamat untuk menyelamatkan ekonomi negara dari kemelut kegawatan. Walaupun pada masa yang sama kerajaan telah memperkenalkan Pelan Pemulihan Ekonomi Negara dan lain-lain pembaharuan drastik. Hasilnya kita dapati bahawa terdapat tanda-tanda awal ke arah pemulihan yang sepenuhnya. Namun begitu, ia tidak memadai setakat itu sahaja bahkan langkah yang seterusnya perlu diambil. Maka bentuk Belanjawan pada kali ini sebagai pelengkap kepada langkah-langkah yang sedia ada.

Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan 1999 harus ada unsur-unsur keseimbangan dan ketelusan. Keseimbangan dalam segala hal, sama ada antara individu dan kerajaan, kepentingan umum dan khusus atau kepentingan dunia dan akhirat. Saya ingin memetik kata-kata Dr. Mustafa Kamal Wassif, Naib Ketua Dewan Mesir berbunyi, "Keseimbangan ialah keseimbangan iman dan di antara rakyat dengan kerajaan. Iaitu kerajaan menguasai rakyat melalui iman dan rakyat pula bekerja dengan jujur juga berasaskan kepada iman. Oleh itu, kedua-dua pihak mempunyai tujuan yang sama iaitu iman. Ini menyebabkan umat bersatu dan saling bantu-membantu. Manakala ketelusan pula menitik

berat soal keadilan dan kesaksamaan. Dengan yang demikian, kita dapat mengelak daripada terjebak dengan gejala rasuah dan penyalahgunaan”.

Menyentuh defisit belanjawan sebanyak RM16.635 bilion bagi tahun 1999 sangat besar. Ditambah dengan defisit tahun lepas yang dikatakan sebanyak RM9.6 bilion, bererti jumlah defisit untuk dua tahun 1998 dan 1999 melebihi RM26 bilion. Persoalan yang bermain dalam kepala saya ialah, bagaimana kita hendak cari sumber kewangan untuk menampung defisit yang sebesar itu?

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh soal galakan untuk merangsangkan pemulihan ekonomi, kita perlu hanya menumpukan kepada sektor-sektor yang berdaya maju sahaja. Ini tidak bermakna kita mengabaikan sektor-sektor sokongan yang lain. Pada pengamatan saya, sektor yang perlu diutamakan selain daripada perindustrian ialah pertanian. Rancangan Buku Hijau yang telah digagaskan oleh Allahyarham Tun Haji Abdul Razak perlu dikaji semula bagi memenuhi keperluan semasa. Usaha yang berlipat ganda perlu ditingkatkan. Pengeluaran bahan makanan tempatan seperti beras, buah-buahan dan sayur-sayuran perlu dipertingkatkan. Kita sedia maklum bahawa apabila hasil pertanian meningkat, ia akan mengurangkan pergantungan negara terhadap permintaan import.

Kajian menunjukkan bahawa setelah kerajaan menggalakkan rakyat supaya menanam sayur di kawasan rumah masing-masing, jumlah import terhadap sayur berkurangan. Ini satu petanda yang amat positif. Ianya perlu diteruskan. Sebenarnya, masih terdapat banyak lagi tanah-tanah yang terbiar di mana usaha untuk menebus guna tanah bagi tujuan pertanian perlu berterusan oleh pihak yang berwajib.

Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan 1999 juga harus melihat kepentingan rakyat jelata secara menyeluruh. Adalah tidak adil kalau ianya semata-mata ditumpukan kepada sektor yang kurang memberi manfaat kepada mereka. Kerajaan mesti tegas dalam mengawasi kepentingan umum yang melibatkan kepentingan rakyat. Sebagai contoh, pengawalan harga barang keperluan yang



asas. Kalau harga tinggi, ini boleh membebankan rakyat yang rata-ratanya berpendapatan rendah. Iman Malik pernah berkata, “Harus diadakan kawalan harga untuk melindungi orang ramai. Kita tidak boleh memaksa peniaga menjual dengan harga yang murah, tetapi kita boleh melarang mereka menjual dengan harga yang tinggi daripada harga yang telah ditetapkan”.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh soal keruntuhan moral. Ia ada kaitan dengan pendidikan. Umum mengetahui bahawa masalah moral telah meningkat dari masa ke semasa. Soal disiplin pelajar juga amat kurang memuaskan di peringkat sekolah-sekolah terutama sekolah menengah. Umpamanya, ada pelajar yang menentang pengetua sekolahnya seperti ninja. Perkara ini perlu dipandang serius oleh semua pihak. Adalah tidak adil hanya ibu bapa sahaja yang dipersalahkan. Faktor persekitaran harus diambil kira.

Dewasa ini dengan kecanggihan sistem maklumat dan media massa telah mewujudkan satu revolusi dalam peradaban manusia. Oleh itu, pihak tertentu telah mengambil kesempatan di atas kelemahan pemikiran manusia dengan mengadakan unsur-unsur negatif dan tidak bermoral dalam menyebarkan maklumat. Rancangan-rancangan yang ditayangkan oleh televisyen sama ada swasta atau kerajaan kadang-kadang terlepas menyiarkan filem yang boleh mengganggu ketenteraman awam. Walaupun filem-filem tersebut dikategorikan seperti 18SX atau 18PL, sebenarnya masih belum memadai. Sebabnya, ada budak-budak yang belum baligh, curi-curi menontonnya. Oleh itu, saya mencadangkan perbanyakkanlah filem atau rancangan yang berbentuk mendidik bukan memberontak. Ini kerana pengaruh televisyen umpamanya memberi kesan kepada pembesaran kanak-kanak. Begitu juga soal pengedaran cakera padat atau CD movie berleluasa di pasaran gelap.

Belanjawan yang disediakan adalah amat baik. Tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Berhormat Menteri Kewangan II. Akhirnya saya amat berbangga dan berbesar hati serta sentiasa bersyukur ke hadrat Ilahi kerana mempunyai seorang Perdana Menteri, Dato’ Seri Dr.

Mahathir bin Mohamad, seorang pemimpin yang sentiasa berusaha membawa negara ke arah matlamat yang dituju iaitu wawasan 2020 agar rakyat di negara ini sentiasa berada di dalam keadaan kemakmuran, kesejahteraan, kebahagiaan serta selamat di dunia dan di akhirat. Oleh itu saya memohon untuk menyokong cadangan Belanjawan 1999. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim bin Ali.

#### **12.48 tgh**

**Datuk Haji Ibrahim bin Ali:** Terima kasih, Tuan Yang di-Petua. Mengenai Rang Undang-undang Perbekalan 1999, saya memohon izin dengan Tuan Yang di-Pertua mungkin saya akan mengambil masa yang agak panjang daripada rakan-rakan Ahli Dewan yang lain. Mungkin satu jam sebab saya ingin mengambil kesempatan di sini untuk mendedahkan banyak perkara yang penting bukan sahaja untuk diketahui oleh Ahli Dewan yang mulia ini, tetapi juga kerajaan serta rakyat di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, tempoh yang paling sukar dalam soal kegawatan ekonomi ini sudah berlalu. Kita sekarang ini sedang menuju ke arah pemulihan. Oleh itu, saya ingin mengucapkan tahniah bukan sahaja kepada pucuk pimpinan negara tetapi juga yang penting ialah kepada pasukan keselamatan.

Pertama, bagi pihak diri saya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada pasukan keselamatan terutamanya anggota polis negara kita yang telah berjaya mengawal keselamatan negara yang cukup sukar yang pernah saya lihat dan lalui selama ini. Polis kita sebelum ini yang kita tahu adalah anggota polis yang cukup profesional. Pengalaman mereka menangani masalah subversif komunis, pengalaman mereka menangani masalah Tragedi 13 Mei, pengalaman mereka menangani masalah pendatang asing, pengalaman mereka mengikut jejak langkah mereka yang membuat kad pengenalan palsu, pengalaman mereka dalam menangani masalah jenayah, tidak sedikit. Tetapi yang paling sukar saya lihat kepada

polis ialah timbul kegawatan politik yang terpaksa mereka berhadapan, yang kita semua tahu apakah dia yang dikatakan kegawatan politik yang sedang berlaku sekarang ini.

Saya mengucapkan tahniah kepada pasukan keselamatan sebab tidak mudah untuk mereka memainkan peranan bagi menjamin keselamatan negara kita, kalau tidak mungkin negara kita sudah terheret seperti apa yang berlaku di Indonesia.

Tuan Yang di-Pertua, prasyarat yang paling utama untuk sesebuah negara ini maju dan rakyat selamat ialah keselamatan. Tidak ada gunanya kita mempunyai dasar yang terbaik dalam dunia, perancangan yang teliti, resources yang cukup kalau keadaan tidak selamat dan keadaan huru-hara, dengan izin, bottom line ialah keselamatan. Bawalah macam mana pakar sekalipun tanpa keselamatan kita akan menjadi huru-hara. Tidak mungkin segala urusan pentadbiran perniagaan dapat dijalankan dengan sempurna.

Kita sudah lihat banyak pengalaman di negara-negara lain dan saya cukup berbesar hati mengalungkan bunga kepada pasukan keselamatan di atas kegigihan dan kerumitan yang terpaksa mereka lalui termasuklah juga pasukan tentera kita yang juga turut membantu dari segi menjamin keselamatan negara kita. Rumit betul Tuan Yang di-Pertua, apatah lagi apabila ada campur tangan asing. Lebih-lebih lagi daripada kuasa besar tetapi polis kita berjaya. Berjaya mengawal keselamatan dengan cukup baik.

Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada kakitangan kerajaan, walaupun saya dengar dan kita ketahui ada sedikit sebanyak di kalangan kakitangan kerajaan di bawah CUEPACS yang melebihi dari 800,000 orang, adalah sedikit-sedikit yang mungkin terkeliru membaca Internet dan turut resah gelisah dan timbul macam-macam yang kita dengar, ketidakpuasan hati lebih-lebih lagi apabila keadaan ekonomi gawat kerajaan tidak boleh membayar bonus kerana defisit RM16.1 bilion yang merupakan 6% daripada KDNK tidak boleh bayar bonus, lagilah orang marah, baca macam-macam dalam Internet. Tetapi kita tengok Singapura, usahkan hendak bayar, dalam perlembagaan mereka kakitangan kerajaan yang sudah dijamin, tiga bulan bonus tiap-tiap tahun pun saya dengar hendak dipinda undang-undang ini, tidak ada bonus.

Tetapi kerajaan masih mampu lagi walaupun tidak dapat bayar bonus, bagi sagu hati sebanyak RM400 berjumlah RM300 juta. Tidak berlaku di negara lain. Indonesia jangan cakap bonuslah masing-masing berkira hendak selamat diri sekarang ini. Siapa yang hendak kena sembelih dahulu, kedai mana hendak terbakar dahulu, kereta siapa yang akan terbakar di jalan raya.

Kita memang susah tetapi kita boleh berdiri dan kita hendak maju. Masalah hendak hidup belum lagi jadi masalah, boleh hidup, boleh dapat bonus, terima sagu hati. Saya ucapkan tahniah kepada pihak kerajaan dan juga tahniah kepada kakitangan kerajaan. CUEPACS dan kakitangan kerajaan yang mengambil pendekatan dan sikap yang cukup mengagumkan di mana mereka memahami dan mereka bersama-sama juga membantu kerajaan memulih keadaan ekonomi, kalau sudah imbalan bayaran negara kita tidak stabil, kalau terpaksa kita kena berhutang lagi, hendak bayar bonus tentulah keadaan semakin rumit. Pemulihan akan semakin lambat, ini saya ucapkan tahniah.

Saya juga ucap tahniah kepada pekerja-pekerja di seluruh negara terutamanya kepada MTUC, Presidennya ada di sini telah dilantik jadi Ahli Dewan Negara, juga sumbangan mereka tidak sedikit, besar sumbangannya sama dengan pasukan keselamatan. Pekerja-pekerja kita di kilang-kilang, di bawah Kesatuan MTUC ini telah mengambil pendekatan yang cukup positif dan mengagumkan. Kalau mereka juga ada yang dipecat kerja, di 'retrench' dan mengambil sikap seperti di negara Barat sesetengah negara, mogok sini, mogok sana, tentulah ia juga menyumbang kepada ketidakstabilan politik negara kita. Mereka menerima hakikat, mereka juga turut membantu kerajaan dan hari ini Presiden MTUC dilantik sebagai anggota Dewan Negara, sekali lagi saya ucapkan tahniah.

Ini melambangkan keterbukaan kerajaan kita. Jadi kakitangan kerajaan, pasukan keselamatan, polis dan tentera, kakitangan pekerja-pekerja di seluruh negara dan termasuk rakyat umumnya memberi sokongan, tidak terjebak dan tidak terpengaruh dengan pihak-pihak yang cuba hendak menimbulkan masalah di negara kita ini. Hasilnya apabila kita aman semua pihak bekerjasama mudah bagi kerajaan menggerak jentera untuk memulih keadaan ekonomi. Kalau dahulu kita maju dapat meningkatkan ekonomi kita 8% setahun, 8 tahun berturut-turut tidak mustahil kita akan melalui masa kegemilangan yang sama

pada masa akan datang. Inilah kunci yang sebenarnya. Baru ia menyusul dengan soal dasar, soal pentadbiran, soal perancangan dan soal perlaksanaan.

Tuan Yang di-Pertua, malangnya kita dapati banyak kekeliruan ini berlaku yang menyebabkan sebahagian rakyat keliru kerana banyak berita yang tidak betul. Isu yang dibangkit daripada dahulu lagi bagi mereka yang faham dan bagi mereka yang membuat apa sahaja penilaian berasaskan kepada fakta dan maklumat mengakui bahawa kejatuhan ekonomi kita ini bukan kerana lain, kerana isu duit kita diserang, kerana spekulasi mata wang, sebab itu bukan sahaja berlaku di Malaysia, kita sudah sebut Indonesia, Korea Selatan, Thailand, Latin Amerika pernah kena dan di merata-rata tempat. Katalah kalau ekonomi kita ini gawat, tempat lain tidak berlaku masalah seperti di Malaysia bolehlah kita tuduh macam-macam, tetapi selepas setahun kegawatan ekonomi secara kebetulan, by coincidental nak buat macam mana, bekas Timbalan Perdana Menteri dipecat maka dikait dengan bermacam-macam isu. Jadi timbullah tuduhan bahawa ekonomi gawat ini kronisme dan nepotisme, rasuah dan penyalahgunaan kuasa. Sampai pula dikaitkan dengan kezaliman sehingga sudah ada pula timbul balik isu-isu supaya ISA itu dimansuhkan. Akta Polis dipersoalkan. Akta Hasutan dipersoalkan. Akta Rahsia Rasmi Kerajaan dipersoalkan. Diborong semua sekali seolah-olah tidak ada .....

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat minta maaf, boleh menyambung ucapan.

**Datuk Haji Ibrahim bin Ali:** Ya, saya sambung, tadi tidak kira Tuan Yang di-Pertua, tadi mukadimah. Lepas 2.30 petang ini kira lainlah.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Lepas makan tengah hari ya.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ini ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang ini.

*Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 tengah hari.*

*Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang*

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim bin Ali diminta sambung.

**2.30 ptg.**

**Datuk Haji Ibrahim bin Ali:** Terima Kasih, Tuan Yang di-Pertua. Apabila ekonomi kita gawat, ada pihak mendakwa bahawa ekonomi kita gawat ini disebabkan oleh pertama, kononnya berlaku kroni dan nepotism dan kedua kononnya kerana pembaziran, rasuah dan penyalahgunaan kuasa.

Tuan Yang di-Pertua, dakwaan-dakwaan setengah pihak terutamanya oleh pihak pendukung-pendukung reformasi, menyebabkan banyak di kalangan rakyat terkeliru dengan dakwaan-dakwaan ini manakala kita semua sedia maklum bahawa kegawatan ekonomi disebabkan oleh kerana mata wang kita diserang oleh pedagang-pedagang mata wang asing.

Sungguh malang sekali, ada pihak sanggup mendakwa bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita ini mengamal dasar kroni dan nepotism. Perkataan “kroni dan nepotism” ini sebenarnya dicituskan oleh media Barat di waktu berlakunya masalah di Indonesia. Kebangkitan rakyat Indonesia yang ditiupkan oleh pihak akhbar asing di waktu hendak menjatuhkan Bapak Suharto sebagai Presiden Indonesia sebelum ini, di antaranya mereka mempopularkan perkataan “kroni dan nepotism”, dan perkataan ini telah diimport ke negara kita oleh sesetengah pihak bahawa kononnya pucuk pimpinan negara kita ini juga mengamal kroni dan nepotism.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat dasar negara kita sehingga hari ini yang membolehkan kerajaan menyusun semula kedudukan masyarakat di antara kaum selepas Tragedi 13 Mei ialah kerana dasar apa yang dikatakan Dasar Ekonomi Baru yang sudah pun berjalan begitu lama, di mana ringkasnya dan natijahnya berjaya merapatkan jurang di antara kaum di negara kita ini.

Dalam melaksanakan Dasar Ekonomi Baru ini, tidak dapat tidak kita dapati bahawa setiap bangsa dalam negara kita ini hidup di bawah apa yang dikatakan patronize, di mana patronize itu secara tidak langsung menjadi dasar. Bagi orang-orang Melayu dan kaum bumiputera tanpa dasar ini mustahil, kita dapat lihat kejayaan orang-orang Melayu sepanjang tahun 1970 sesudah berlaku Tragedi 13 Mei sehinggalah sekarang ini, dalam semua bidang lebih-lebih lagi dalam bidang pendidikan. Semua ini kenapa, oleh kerana dasar yang saya katakan patronize dan ianya bukan salah, sebab yang tidak boleh berjalan mesti dipapah, yang tidak boleh atau tidak mampu berniaga mesti dibantu.

Anak-anak orang miskin yang tidak ada keupayaan untuk melanjutkan pelajaran ke luar negeri dibantu, bukan itu yang dikatakan patronize dan semua

yang ada pada hari ini termasuklah mereka yang terlibat dalam kumpulan reformasi sekarang ini juga hasil daripada dasar itu, itu hakikatnya. Tahun selepas berlaku Tragedi 13 Mei dalam bidang pendidikan kita masih ingat, waktu itu masalah bilangan penuntut bumiputera di universiti amat kurang sekali sehinggakan pada waktu itu pelajar-pelajar kita yang lulus dua principal C, dua principal E, boleh masuk universiti.

Kerajaan menubuh Institut Teknologi MARA, menubuh macam-macam pusat pengajian tinggi tetapi hak kaum lain tidak disentuh, dibela, dibiayai, pendek kata panjang ceritanya Tuan Yang di-Pertua. Cuma kita hendak mengingatkan, itu yang dikatakan patronize yang berpandukan kepada dasar pragmatik mengikut perkembangan dan keadaan semasa dan tidak berlaku soal kroni dan nepotism. Secara kebetulan anak-anak pemimpin kita di semua peringkat dapat peluang.

Anak-anak kaum nelayan dapat peluang, anak petani dapat peluang, anak pengayuh beca dapat peluang, anak penoreh getah dapat peluang, anak buruh dapat peluang dan anak korporat dapat peluang sehinggakan ianya menjalar di seluruh negara.

Tidak ada lagi kampung dan desa di mana tidak ada anak bangsa Malaysia yang tidak menjejak kaki di universiti. Ini hakikat dan bukan sahaja berjaya tetapi begitu pantas, kejayaan kita dari segi kecemerlangan ini sehingga dalam tempoh yang begitu dekat, kita dapati negara kita menjadi sebuah negara yang bukan sahaja menunggu kedatangan 2020 sebagai negara maju, tetapi kita tengok sebagai hasilnya, ini bagi mereka yang hendak mengakui hakikat kejayaan negara dan kerajaan membangun rakyat dari segi sumber manusianya dan dari segi prasarananya. Sebab itu saya kata baru-baru ini sampai ke peringkat yang membolehkan bangsa asing sudah mula menjadi cemburu kepada kita.

Bagi mereka yang tidak berpandangan jauh, tentulah mereka menerima kejutan apabila mendengar KLIA belanjanya RM10,000 juta. Bagi yang tidak memahami dan tidak berpandangan jauh tentu mereka terkejut apabila mendapat tahu jumlah perbelanjaan KLCC RM3,000 juta atau RM4,000 juta kononnya tetapi apabila semua projek ini siap, bukan sahaja ia menjadi mercu tanda keyakinan bangsa Malaysia, tidak sedikit memberi peluang pekerjaan

kepada anak bangsa Malaysia, tidak sedikit memberi peluang perniagaan kepada anak bangsa Malaysia tetapi juga ia memberi banyak faedah sampingan yang kita tidak nampak sehinggakan saya, orang kata bukanlah buat joke tetapi saya serius. Baru-baru ini saya kata, Al Gore marah dengan Malaysia ini, dia marah dengan pucuk pimpinan kita ini sebab bila dia turun di KLIA, waktu datang ke Persidangan APEC itu dia terkejut tengok KLIA, sebab dia ingat itu Chicago. Dia tidak fikir Malaysia ada lapangan terbang yang begitu indah, kita masuk di international lounge di KLIA, kita dapat rasakan betapa bangganya negara dan bangsa kita ada lapangan terbang seumpama itu dan boleh guna bertahun-tahun nanti.

Cuba kalau kita hendak bina sepuluh tahun yang akan datang, mungkin harganya RM1,000 juta. Lapangan Terbang Kai Tak di Tigre, Hong Kong sampai hari ini tidak boleh digunakan lagi, belanjanya lebih besar daripada apa yang dibelanjakan oleh kerajaan kita, itu contoh-contohnya. Sama juga dengan KLCC sekarang ini, berdiri teguh di Ampang itu, sudah mula menjadi pusat pelancongan, dalam ekonomi gawat pun saya dengar jualan di KLCC mencecah lebih RM1 juta lebih satu hari. Food Court dalam bangunan KLCC itu penuh dengan pengunjung-pengunjung daripada luar dan dalam negeri dan apabila kita duduk di depan melihat landskapnya begitu cantik dan semua ini menjadi tanda keyakinan diri bangsa kita. Great Wall of China tidak menjadi masyhur lagi, setakat Great Wall sahaja! Batu dinding yang tinggi. Piramid di Egypt tidak menjadi masyhur lagi, Taj Mahal bukan boleh mendatangkan hasil sosio-ekonomi kepada rakyat India, memang betul ada pelancong-pelancong pergi tetapi kita lihat mercu tanda yang ada di negara kita ini. Inilah tandanya bangsa merdeka. Kalau tidak ada tanda dan kehebatan seumpama ini bukan bererti bangsa dan negara yang merdeka. Tidak usah cakap soal lebuh raya!

Tuan Yang di-Pertua, kejayaan ini memang luar biasa. Itulah Barat dan sesetengah bangsa asing iri hati dan apabila ekonomi kita diserang, Ringgit kita jatuh ada sedikit masalah, maka mereka mengatakan ini semua kerana kroni



dan nepotisme, ini kerana pembaziran, kerana rasuah, penyalahgunaan kuasa sebab secara kebetulan bekas Timbalan Perdana Menteri dahulu dan Menteri Kewangan dipecat, maka timbullah isu ini, betulkah atau tidak? Semua orang tahu tidak betul. Saya menolak dakwaan ini.

Walau bagaimanapun, bagi membuktikan kebenaran, saya sukalah mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan tahniah kepada akhbar-akhbar tempatan *Utusan Malaysia, Berita Harian, New Straits Times*, baru-baru ini saya baca dalam akhbar, bekas Ketua Pemuda UMNO menjadi ahli lembaga pengarah kepada 100 buah syarikat. Semalam saya baca dalam akhbar bapa kepada bekas Timbalan Perdana Menteri menjadi pengarah kepada 44 buah syarikat. CEO kepada Kumpulan Abrar, Dr. Abdul Rahim Ghouse yang hari ini memburukkan negara kita di luar negeri menjadi pengarah kepada 44 buah syarikat, tidak sedikit mendapat projek daripada kerajaan. Hari ini pula disebut dalam surat khabar, Tuan Yang di-Pertua, saya baca ini, ini maklumat daripada Pendaftar Syarikat – 300 syarikat! Saya bukan hendak tunjuk gambar Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki – tertunjuk! Sebab Dato' Haji Mohd. Zuki masuk surat khabar hari ini. *[Ketawa]* 300 buah syarikat! Kalau hendak disebut nama, saya boleh sebut nama, mungkin Ahli-ahli Yang Berhormat sudah baca dalam surat khabar, memang saya kenal ini sebab saya pun rakan yang rapat dengan bekas Timbalan Perdana Menteri dahulu.

Rupa-rupanya yang tertinggal saya sahaja, Tuan Yang di-Pertua! *[Ketawa]* Bukan saya kompelin kerana saya tertinggal tetapi semua ini saya tidak pernah ambil kisah, kita bercakap soal kemajuan bangsa, pembelaan untuk rakyat, kita meneruskan idealisme, kebangkitan perjuangan pelajar tahun 70-an dahulu sampai sekarang, tidak pernah kita persoalkan kepentingan diri tetapi golongan-golongan ini rupa-rupanya, akhir sekali Allah Maha Kaya, terdedah! Memang orang tahu Dato' Nasaruddin Jalil, bekas setiausaha sulit kepada Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, Timbalan Ketua UMNO Bahagian Permatang Pauh, macam-macam namalah di sini, macam-macam syarikat dan

semua ini orang-orang di sekeliling bekas Timbalan Perdana Menteri. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Dato' Shafie, kalau tidak benar cuba nafikan sekarang kata tidak benar! Ramai lagi kalau saya hendak baca senarai, berpuluh-puluh orang mereka di keliling bekas Timbalan Perdana Menteri! Kalau bekas Timbalan Perdana Menteri mendakwa bahawa kerajaan pimpinan Dato' Seri Dr. Mahathir mengamalkan nepotisme, yang mengamalkan nepotisme ialah Dato' Seri Anwar bin Ibrahim dan penyokong-penyokongnya, ini fact!

Sebab itu kita kena menilai berdasar kepada fakta. Bukan main banyak! Dan Pemangku Ketua Pemuda UMNO pula hari ini membuat kenyataan, muka depan, "jangan persoalkan Zahid menjadi pengarah kepada 100 buah syarikat." Saya rasa Pemangku Ketua Pemuda UMNO ini saya hendak tegur sedikitlah. Kadang-kadang tidak sensitif kepada masyarakat dan perkembangan semasa. Memanglah kita mengamalkan ekonomi terbuka, bebas, siapa hendak buat kekayaan boleh buat, tidak ada salah asalkan mengikut undang-undang dan peraturan, halal, tidak ada masalah tetapi menjadi lembaga pengarah sebanyak ini, Tuan Yang di-Pertua, ini tidak masuk akal. Kenapa tidak diagih-agihkan kepada orang lain? Anak-anak buahnya ramai lagi, boleh dijadikan proxy. Seminggu tujuh hari, kalau 20 syarikat itu serentak ada mesyuarat agung masa mana hendak hadir, bolehlah hantar proxy tetapi kenapa tidak awal-awal lagi letak proxy, diagih-agihkan! Barulah betul bercakap soal keadilan, bercakap soal ketelusan, ini balun macam-macam orang, bantai, tuduh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tetapi diri sendiri, ini yang menjadi masalah! Ini boleh menjadi pengajaran kepada kita.

Yang menjadi masalah dengan bekas Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya pun hendak tarik baliklah segala pujian-pujian saya kepada bekas Timbalan Perdana Menteri selama ini di dalam Dewan yang mulia ini, ikhlas saya cakap. Tiga puluh tahun, saya masih ingat, saya ini rakan setahanan dengan beliau dalam tahun 1974 dahulu. Dialah di antara pemimpin yang saya harap boleh meneruskan legacy wawasan Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, dialah lambang segala-galanya bagi saya, dialah yang paling luar biasa kepada saya, Tuan Yang di-Pertua. Begitulah harapan kita, sebab apa? Sebab baca khutbah, tebalnya iman dari

segi Islam, serba-serbi! Segala-galanya duduk pada dia! Jadi, bila timbul dia dipecat daripada kerajaan, dia tuduh macam-macam, ini yang saya terkejut yang kadang-kadang tidak boleh tahan! Dalam lain perkataanlah, kalau Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zukikah atau Yang Berhormat Dato' Abdul Azizkah pergi ke karaoke, saya tidak terkejut! – contohnya, sebab Dato' Haji Mohd. Zuki, Dato' Abdul Aziz dia tidak pernah baca khutbah, dia tidak pernah gunakan Islam sebagai perisai, dia tidak bercakap soal akhlak dan moral, dia hidup sebagai manusia yang tidak maksum yang memungkinkan kita manusia ini boleh melakukan kesilapan. Maka orang beritahu kepada saya Dato' Haji Mohd. Zuki begini, Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz begini, Yang Berhormat Haji Hassan Ali begini, saya tidak terkejut tetapi bila bekas Timbalan Perdana Menteri Dato' Seri Anwar bin Ibrahim orang kata pergi ke karaoke, hendak pengsan saya! – contohnya, kalau Dato' Haji Mohd. Zuki rakan main tennis dengan Dato' Nalla, saya tidak kisah sebab dia seorang peguam. Nalla pengarah syarikat judi, jadi Dato' Haji Mohd. Zuki hendak dapat business dengan Dato' Nalla sebab Dato' Nalla itu dalam kompeni Multi Purposekah, Magnumkah, saya tidak kisah.....

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** *[Bangun]*

**Datuk Haji Ibrahim bin Ali:** Nantilah dulu.....*[Ketawa]*

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Kita bahas berkenaan dengan Belanjawan bukan? Rang Undang-undang Perbekalan 1999.

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Belanjawan. Tuan Yang di-Pertua, betul. Hendak memberi penjelasan. Saya kalau hendak mencari tennis partner ataupun apa-apa juga partner saya pilih-pilih juga.

**Datuk Haji Ibrahim bin Ali:** Itu Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin yang tidak pernah baca khutbah, yang tidak pernah gunakan Islam sebagai perisai pun hendak main tennis pilih orang. Tahniah Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin. Itu Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki, ini Belanjawan, saya hendak ada hubung kait dengan ekonomi ini, sebab yang dituduh nepotisme dengan kronisme, oleh kerana dia macam ini, tentu kita terkejut. Ini saya sebut senarai-senarainya, belum lagi masuk perkara-perkara lain. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri terbuka,

sudah mengarahkan keluar senarai penswastaaan daripada MITI sebelum ini dalam surat khabar, berderet keluar nama.

Yang Berhormat Dato' Mustapa bin Mohamed, Menteri Pembangunan Usahawan sampai memaklumkan siapa dapat permit teksi pun dalam surat khabar ada keluar. Yang Berhormat Dato' Seri Rafidah Aziz, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, keluar mereka yang diberi saham bumiputera waktu mana-mana syarikat memohon untuk membuat 'listing'.

Saya hendak minta kepada Kementerian Kewangan, apabila menggulung saya hendak minta jawapan, bilakah Kementerian Kewangan hendak mengeluarkan senarai mereka yang diberi saham. Semua sekali dipamer dalam akhbar, yang mendapat saham Telekom, Tenaga Nasional, KCT, di waktu syarikat-syarikat gergasi ini disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur dahulu, waktu boom dahulu. Bukan kita hendak mendedahkan mana-mana pihak – tidak, hanya saya harap seperti mana yang didedahkan oleh kementerian-kementerian yang lain membuktikan tuduhan selama ini tidak benar. Sebab semua orang dapat faedah, sedikit seorang, ada yang lebih, ada yang kurang tetapi boleh dikatakan semua pihak mendapat faedah. Usahawan kecil, usahawan pertengahan, semua sekali dapat faedah, diberi peluang ini, jangan hendak tuduh memperbesar-besarkan kononnya Perdana Menteri kita membantu anak-anaknya dengan memberi projek, tidak betul. Malah kalau kita lihat senarai penswastaaan, EPU tidak lebih daripada orang yang lain pun, jauh sekali.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengatakan sebab Yang Amat Berhormat Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, Perdana Menteri kita ini sejak dia mengambil alih jawatan sampai sekarang ini, bertongkat langit sebagai seorang pemimpin hendak membangunkan negara kita ini. Sampai sekarang ini pun kita lihat tidak tidur siang dan malam. Ke hulu dan ke hilir di peringkat antarabangsa, dalam negara macam-macam. Hendak membetulkan kedudukan sistem kewangan antarabangsa, berhadapan dengan kuasa Barat, memajukan

rakyat, bersungguh-sungguh. Kalau dia duduk relax macam orang lain tidak apalah, goyang kakilah menjadi Perdana Menteri. Tetapi apabila dia telah buat macam ini untuk negara kita, ada manusia, ada golongan boleh kutuk, caci, maki hamun melalui Internet ini.

Tuan Yang di-Pertua, apakah ertinya, hanya kerana Timbalan Perdana Menteri dipecat atas sebab-sebab tertentu itu, serahkan kepada mahkamah yang sedang berjalan ini tetapi jangan hendak kaitkan dan perbesarkan perkara-perkara yang tidak benar. Saya hendak tanya bilakah Kementerian Kewangan hendak keluarkan ini? Saya hendak minta Kementerian Kewangan keluarkan senarai semua negotiated tender di bawah kontraktor berwibawa, sebab saya hendak tengok linkage dari segi kumpulan yang dikatakan soal nepotisme. Sebab saya boleh kenal pasti, bila kita sebut Dato' Nasarudin Jalil, kita tahu Setiausaha Politik bekas Timbalan Perdana Menteri. Kita sebut Dato' Ishak Ismail daripada KFC, kita tahu itu bekas Setiausaha Bahagian dari Permatang Pauh. Bila kita sebut macam-macam nama lagi, boleh dikaitkan dan ini orang di sekeliling Yang Berhormat Dato' Seri Anwar bin Ibrahim. Inilah yang dikatakan nepotisme, dituduh sebelah pihak tetapi sebelah pihak lagi ditutup. Tetapi sekarang ini sudah terdedah, saya hendak tanya bila? Saya hendak senarai-senarai ini. Sama juga saya hendak tahu di waktu KLIA dibuat, RM9 ribu juta, kita tahu 'main called'nya siapa? Lepas itu ada 'package'nya, kepada syarikat mana diberi, saya tahu kontraktor bumiputera pun dapat satu package, saya tidak tahulah - RM120 juta lebih. Tetapi projek yang mereka dapat hanya RM20 juta sebab dalam kontrak building ini 60% kosnya pergi kepada material, tetapi soalnya syarikat-syarikat yang dapat itu siapa? Sama juga dengan Putrajaya, kita hendak tahu Putrajaya ada sembilan package yang mengendalikan projek Putrajaya, kita hendak tahu.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sebut dan dedahkan, research yang saya buat benar-benar golongan yang menuduh pucuk pimpinan kita mengamalkan kronisme dan nepotisme ini memang boleh kita tuduh macam-

macam, sebab tidak benar, yang benarnya ialah semua pihak mendapat faedah secara langsung atau secara tidak langsung. Jadi kenapa dituduh macam-macam sehinggakan pembaziran dijadikan isu. Perdana Menteri buat rumah di Putrajaya – RM200 juta, keluar dalam *Harakah* front page, keluar dalam Internet, RM200 juta – ini membazir, buat istana untuk Perdana Menteri. Perdana Menteri beli jet eksekutif, masuk akalkah, betulkah rumah di Putrajaya itu rumah untuk Perdana Menteri?

Tuan Yang di-Pertua, perkara ini saya minta pihak akhbar dedahkan, saya bertanggungjawab sebab melampau sangat. Siapa yang meluluskan projek rumah Perdana Menteri ini, sebab kerajaan telah putuskan dasar semua bangunan pentadbiran kerajaan pindah ke Putrajaya, maka dibuat rumah kediaman Perdana Menteri, bukan rumah kediaman individu, milik individu. Baik, sewaktu perancangan dibuat siapa yang meluluskan projek ini, bukankah bekas Timbalan Perdana Menteri yang menjadi Menteri Kewangan dan kita tahu sewaktu projek dilaksanakan, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sudah berumur 70 tahun, dua tahun yang lalu. Adakah Dato Seri Dr. Mahathir akan hidup sehingga umur 200 tahun? Kita doakanlah sampai 200 tahun tetapi pada akal nya tidak logik, Timbalan Perdana Menteri pada waktu itu siapa dia? Yang Berhormat Dato' Seri Anwar bin Ibrahim. Waktu dilaksanakan projek ini ada tertanggung saya difahamkan, tambah bilik sana, tambah bilik sini. Bila tanya ini untuk Perdana Menteri kita sebab kerja kuat, sebenarnya Dato' Seri Anwar bin Ibrahim yang hendak duduk rumah ini sebab dia jangka dia akan menjadi Perdana Menteri. Ini hakikatnya, ini kita hendak beritahu kepada rakyat. Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman balik tolong beri ceramah, jangan senyum-senyum sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, tuduhan RM200 juta, yang *Harakah* pun satu hal pula, asal ada untung sahaja, cerita tidak benar, masuk, keliru habis orang kampung, seolah-olah Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad buat istanalah, untuk diri dia, untuk kediaman Perdana Menteri. Dengan dewan bankuasanya, tempat reception, memang samalah sebab kita sudah ada menara yang tinggi,

ada KLIA, Putrajaya tempat indah yang akan dijadikan pusat pentadbiran sampai bila-bila, kena cantik tetapi soalnya siapa yang meluluskan, siapa yang buat, siapa yang angan-angan hendak duduk, bukan Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad. Sebab ada orang tahu dia akan jadi Perdana Menteri suatu hari nanti ialah timbalannya. Kalau Dato' Seri Anwar bin Ibrahim dan puak-puak reformasi ini ikhlas, kalau betul dia kata ini pembaziran, waktu itu patut dia beritahu kepada Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, jangan buat, kalau buat juga ini pembaziran, saya letak jawatan, jangan tunggu dipecat kalau ikhlas, kenapa sekarang bercakap? Itu pun tidak hendak berhenti, dinasihatkan berhenti tidak mahu, maka terpaksa dipecat, kalau ada prinsip betul, ini hal pembaziran, maka dia letak jawatan, protes, beritahu kepada seluruh penduduk Malaysia, "*Saya Menteri Kewangan, ini pembaziran, buktinya begini – begini, dengan ini saya letak jawatan*". Ayuh, insya-Allah, saya pun balik terus ke jalan tunjuk perasaan, macam dahulu, Yang Berhormat Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh, Setiausaha Parlimen, betul! Sebenarnya tidak ikhlas. Tidak ada kena-mengena dengan dikatakan Dato Seri Dr. Mahathir buat rumah ini membazir dan seumpamanya, siapa yang buat rumah ini, siapa yang melulus? Saya tahu sampai bilik itu, Tuan Yang di-Pertua, sekian banyak ditambah oleh bekas Timbalan Perdana Menteri diubahsuainya lebih kurang jadi adalah tertanggung dari segi pelaksanaannya sebab dia tahu dia akan duduk di rumah itu, yang dia marah sekarang ini sebab tidak boleh duduk di rumah itu. Rupanya sudah rancang hendak duduk di situ, Allah Maha Besar pindah ke Sungai Buloh lagi ramai bodyguard di sana. Ini Allah S.W.T yang Maha Kaya, bukan saya hendak mengatakan tidaklah di mana-mana pun kita dedahkan perkara ini.

Sama juga dengan jet eksekutif, selain dari rumah Perdana Menteri, Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad beli jet, beratus juta harga jet ini, untuk kegunaan peribadi. Siapa bawa? Bekas Timbalan Perdana Menteri juga, jadikan isu di dalam ucapan di reformasi rakyat keliru, pegawai kerajaan pun marah. Ada sesetengah pegawai-pegawai kerajaan itu tahu, dia buat tidak tahu sahaja, ada juga. Jet lama hendak dijual, siapa yang cadang, bekas Timbalan Perdana Menteri, bekas Menteri Kewangan sendiri, siapa yang naik jet, dialah

sendiri. Saya tengok, Tuan Yang di-Pertua, waktu Encik Abdul Ghafar dan sekarang ini Tun Abdul Ghafar jadi Timbalan Perdana Menteri dululah, ini orang tua lama kita ini, sama dengan Tuan Yang di-Pertua, bila pegang jawatan semua itu tiad alah ghairah sangat. Saya ingat, Tun Abdul Ghafar dulu waktu menjadi Timbalan Perdana Menteri outrider motosikal hanya dua sahaja, bila Dato' Seri Anwar Ibrahim jadi Timbalan Perdana Menteri, saya diam, saya tengok saja, baru saya terfikir balik bukan main lagi outrider dengan bodyguard dekat depannya sama ramai dengan Perdana Menteri.

Itu tidak boleh nafi hakikat. Kalau dia jenis berjimat cermat, mengamalkan apa yang dikatakan jimat cermat, waktu melawat dalam negeri naik MASlah domestic flight banyak. Every alternate hours ke Kelantan ada 6 flight dengan MAS, boleh naik MAS tetapi dia juga bawa jet sama ke hulu ke hilir. Jadi jet itu waktu mana dan siapa yang lulus, dia yang lulus, ini orang kata "forward planning."

Tuan Yang di-Pertua, "forward planning" maknanya dia buat zaman Dato Seri Dr. Mahathir buat rumahnya dulu, kecil, bagi besarkan cantik sedikit, beli jet, so bila dia jadi Perdana Menteri nanti, dia tidak payah beli lagi, orang kata tengok bagus waktu dia jadi Perdana Menteri, ini bukan saya beli, ini zaman Dr. Mahathir semuanya ini. Itu strateginya. Betul, Dato' Shafie saya bagi tahu, betul, itu strateginya ialah untuk dia guna selepas dia jadi Perdana Menteri, dia tidak payah beli lagi, sebab bila orang tanya, orang tuduh, nanti dia kata yang dulu punya bukan zaman saya jadi Perdana Menteri, tapi dia Menteri Kewangan.

Kalau dia tidak setuju, dia protes masa itu, jadi sekarang ini tuduh ini yang dikatakan kroni, kroni, kroni yang dikatakan nepotisme, rasuah, pembaziran, penyalahgunaan kuasa. Jadi rakyat keliru, kita hendak beri penerangan kepada rakyat bahawa ekonomi kita jatuh ini kerana diserang oleh spekulator-spekulator mata wang asing. Jadi kalau timbul isu-isu seumpama ini rakyat naik marah, nasib baik tidak berlaku huru-hara, nasib baik sebab itu



awal-awal lagi saya ucapkan tahniah kepada polis, kepada pasukan keselamatan tadi, kalau jadi macam Indonesia, tidak ada apa, tidak ada makna apa, kalau tidak ada keamanan tidak ada guna, tiada apa faedah. Perancangankah, dasarkah tiada faedah apa pun, masing-masing hendak menyelamatkan diri kerana takut nyawa terancam.

Jadi banyak lagi, satu, saya hendak tanya Kementerian Kewangan. Tuan Yang di-Pertua, dulu saya duduk di Kuala Lumpur saya perhati juga bank-bank ini, saya jalan-jalan ke hulu ke hilir di bandar. Saya nampak Malayan Banking, Bank Bumiputra, ada sesetengah bank yang baru, ada EON Bank, bila dilulus lesen Phileo Allied Bank saya hendak tahu, daripada bank mana ke bank mana ditukar menjadi Phileo Allied Bank. Waktu mana dilulus dan adakah dalam pengetahuan Kabinet, daripada sebuah bank ditukar nama jadi Phileo Allied Bank. Adakah dibawa di dalam Kabinet? Saya tahu owner dia bernama Dato' Thong, siapa punya kroni, siapa punya nepotisme? Saya juga hendak tahu dulu Hong Leong Finance ini, Dato' Kwek Lim Cheng ada Hong Leong Finance, ini konglomerat tidak ada salah, tetapi lama juga dia hendak bank saya tahu, zaman Allahyarham Tun Haji Abdul Razak lagi, Tuan Yang di-Pertua.

Akhir sekali bila MUI jual kepentingannya kepada Hong Leong Bank, siapa yang meluluskan kalau tidak di zaman Dato' Seri Anwar menjadi Menteri Kewangan. Saya hendak tahu, kerana saya tidak tahu hubungan Dato' Kwek Lim Cheng, Dato' Thong daripada Phileo Allied Bank, Kumpulan Abrar, Syarikat Magnum Corporation, Dato' K.T. Lim. Apa hubungan? Bukankah kroni yang keluar dalam senarai ini Melayu Bumiputera, ada lagi nepotisme yang bukan bumiputera yang tidak disiarkan di dalam akhbar.

Bila dia dapat semua ini, sebab itu saya hendak tanya Kementerian Kewangan, kadang-kadang surat-surat orang hantar ini bukan boleh pakai sangat tapi saya hendak tanya, apakah Kementerian Kewangan sedar ada rungutan-rungutan yang mengaitkan nama Dato' Abdul Murad, Bank Negara ini, apa peranannya? Apakah peranan beliau di dalam Bank Negara, apakah

tugas dan fungsinya? Sebab saya terima surat, takut saya tengok surat ini. Saya harap tidak benar, tetapi kalau benar pun oleh kerana ada surat saya hendak pihak Kementerian Kewangan menyiasat latar belakang atau peranan Dato' Abdul Murad ini sebab diwaktu sebuah bank di Sabah, UOB ditukar dan diberi nama Phileo Allied Bank yang dimiliki oleh Dato' Thong Koi Ong ini, saya hendak tanya apakah Kementerian Kewangan sedar dan apakah peranan Dato' Murad dalam hal ini?

Sama juga dalam soal urusan KBB Finance, apakah benar dakwaan mengatakan Dato' Abdul Murad inilah yang menguruskan, arrange, dengan izin, untuk diambil alih oleh Encik Mohd. Faiz Abdullah, yang saya difahamkan yang dia ini seorang peguam yang membuat laporan mengenai dengan Buku 50 Dalil. Apa hubungan ini, yang sibuk sangat mengambil bahagian hendak membela bekas Timbalan Perdana Menteri. Kalau saya hendak baca panjang Tuan Yang di-Pertua, tidak payah bacalah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak payahlah. Balik kepada....

**Datuk Haji Ibrahim bin Ali:** Ini soal transparansi, hal budget ini, sama juga kredibiliti Pengerusi, Security Commission, Dato' Dr. Munir Majid sudah dipersoalkan. Apakah Kementerian Kewangan atau kerajaan puas hati dengan mereka ini, kalau kerajaan puas hati, okey, saya tidak ada masalah. Saya hanya hendak tanya, apakah Kementerian Kewangan pernah menerima rungutan-rungutan daripada pihak-pihak yang tertentu?

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat di belakang bangun.

**Dato Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim bin Ali, kerana nampaknya dia banyak sangat maklumat-maklumat ini. Saya terperanjat mendengar nama Dato' Dr. Munir Majid, Pengerusi Securities Commission, bagaimana Yang Berhormat mendapat maklumat-maklumat macam ini? Dan apa sebenarnya berlaku ke atas Securities Commission dan kerana ini adalah kepercayaan orang ramai dari segi saham-saham dan sebagainya. Jadi kalau

sekiranya Suruhanjaya Sekuriti (Securities Commission) ini mendapat perhatian was-was daripada orang ramai, maka akan menghakis kepercayaan kepada saham-saham yang akan diapung menerusi Bursa Saham Kuala Lumpur ini. Jadi apa sebenarnya dan bagaimana Yang Berhormat ini dapat banyak maklumat ini dan saya juga hendak maklumat macam ini.

**Datuk Haji Ibrahim bin Ali:** Saya ada maklumat ini Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman sebab saya ambil berat hal ehwal negara, [*Ketawa*] hal ehwal rakyat. Jadi, saya sentiasa menyelidik dan ada juga orang-orang menghantar kepada saya dan saya sensitif. Saya dengar orang-orang bercakap, sebab itu apabila saya naik teksi Tuan Yang di-Pertua, saya tanya, pak cik atau kalau pemandu itu orang Chinalah, saya tanya, Ah Choy apa nama? Macam mana sekarang hidup senangkah, berapa dapat, apa you dengar cerita sekarang?

Saya pergi ke pasar macam itu, sebab saya tidak malu bertanya, sebab itu kalau kita bertanya kita tidak sesat jalan, apatah lagi kita menyelidik. Ini saya bukan menuduh - tidak, saya sebut nama ini, saya bukan tuduh sebab saya menerima surat-surat orang hantar, jadi bila ada terima surat orang hantar, saya baca saya takut. Jadi maknanya adakah kementerian menerima surat-surat seumpama ini, yang mengaitkan nama-nama yang saya sebutkan tadi, kalau terima adakah sudah dibuat penyiasatan, kalau puas hati bolehkah tidak dikeluarkan kenyataan, membersihkan macam Yang Berhormat Dato' cakap tadi sebab kalau kita pendam begitu nanti lagi orang bertanya, lebih baik kita buka terus, transparent, samalah juga ini Tuan Yang di-Pertua, saya katakan soal nepotisme, keadilan dan kebebasan Dr. Abdul Rahim Ghouse, kenyataan akhbar dari Jakarta. Kalau baca ini, dia hantar melalui Internet, saya terima melalui pos sahaja ini, tuduh macam-macam. Dan ini saya kira, Tuan Yang di-Pertua the act of treason, saya hendak tanya, apakah tindakan kerajaan hendak ambil kepada mereka ini?

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, saya amat bersetuju dengan penyiasatan lanjut yang dibuat terhadap mereka yang

sekarang ini bukan sahaja memburuk-burukkan kerajaan seolah-olah mewujudkan government-in-exile di Jakarta, di Philippine dan saya pun ada membawa soalan, kemungkinan soalan ini tidak akan timbul. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim bin Ali yang ini merupakan an act of treason, dengan izin, maknanya penderhaka kepada negara. Jadi kita ada kedutaan kita di negara-negara ini dan juga kita mempunyai perjanjian-perjanjian. Saya hendak tahu adakah perjanjian-perjanjian dengan negara-negara ini, membolehkan kita membuat ekstradisi kepada mereka ini kerana ini sudah melampau, kalau sehari tidak apa, ini berbulan. Jadi bagaimanakah Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim bin Ali, bolehkah kita membuat satu persetujuan dengan negara-negara jiran ini kerana mereka ini masih lagi warganegara Malaysia dan kalau tidak kita tariklah kewarganegaraannya kerana ini mungkin melampaui batas.

**Datuk Haji Ibrahim bin Ali:** Betul, saya setuju 100% Tuan Yang di-Pertua, dengan pandangan Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman, tetapi kita tanya kerajaan dahulu apa yang kerajaan hendak buat, sebab kalau dia memburuk-burukkan kerajaan terus-menerus Tuan Yang di-Pertua, payahlah ekonomi dan rakyat kita hendak maju. Kadang-kadang pemimpin batuk pun saham jatuh, apatah lagi kalau tunjuk perasaan di jalan raya yang 100 orang dia kata 1,000 orang tunjuk dalam CNN, bila pelabur hendak datang? Sebab mereka tahu tidak selamat dan tidak betul, sama juga kenyataan seumpama ini, kalau melabur di Malaysia, ini pemimpin Malaysia ini, rasuah kroni, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak baca satu perenggan ini, ini diedar, saya percaya di seluruh dunia ini, semua akhbar asing dapat ini, "you always sell out, give your cronies walk the demand, the culmination of this sell out, was it the privatisation on the privatisation on of both public and private companies, Tajuddin with TRI, MHS and MAS, Halim Saad with Renong and UEM, Ting with the Bakun dam and with Granite, Ananda with Twin Towers, Rashid Hussain with Sime Bank, Mirzan with Consortium Perkapalan Berhad," so what. Betullah!

Mereka ini ada kaitan dengan memajukan syarikat-syarikat ini, yang dia mempunyai 44 buah syarikat tidak cakup, macam mana dia dapat, dia mampu atau tidak? Dia masukkan juga anak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Mirzan punya Konsortium Perkapalan Berhad, ini saya tahu Tuan Yang di-Pertua, bukan saya hendak bela Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, tidak. Perkapalan Berhad ini sudah lama wujud, dia punya main corebusiness ialah haulage, anak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri beli melalui open market. Kalau Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, dia tidak payah kata betul nepotisme hendak tolong anaknya, senang saja Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, tidak payah anak dia beli di open market. Dia lulus 200, 2,000 haulage lesen, okey senang. Pergi ambil alih Kontena Nasional, tidak payah beli dengan open market. Ini yang dikata tidak betul ini. Jadi Tuan Yang di-Pertua, kalau orang baca di luar, seluruh dunia baca, orang tidak akan yakin

dengan kerajaan kita, kalau datang melabur di sini, kerajaan akan campur bagi pada orang-orang berkenaan, tidak betul.

Saya mengemecam keras kenyataan Dr. Abdul Rahim Ghouse ini yang dibuat di luar, kalau dia seorang pemimpin yang bertanggungjawab, saya cabar dia balik ke Malaysia dan membuktikan kenyataan bahawa ini benar, berhadapan dengan proses keadilan di Malaysia. Kenapa berani buat kenyataan di luar negara? Buat dalam negara, balik dan kalau dia balik dekat sini, dia boleh membuktikan, berdepan, ini hendak jadi pemimpin, tetapi lari keluar negara, buat fitnah sebab itu saya kata act of treason, kerana kalau perkara ini terus berlaku susah hendak pulih ekonomi, nanti rakyat marah kepada Kerajaan Barisan Nasional, marah kepada pucuk pimpinan manakala perbuatan-perbuatan ini tidak ada. Orang tidak tahu, tidak dikecam dan tidak diambil tindakan, maka apa yang kita buat nanti pelabur tidak datang, ini serius.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sebut punya kurang ajar Dr. Abdul Rahim Ghouse, saya hendak quote Tuan Yang di-Pertua, “then for the government servant, you are not only cutting the bonus but later on the allowances and even their pay” ini mengapi-api pegawai kerajaan ini, “where that happen even the civil servant and the army will joint force.” Ini hendak buat macam Indonesia ini “and demand your resignation because by then, they will establish the fact that you are the satan.” Satan”nya Dr. Abdul Rahim Ghouse, the bloody “satan” ialah Dr. Abdul Rahim Ghouse, boleh memburukkan nama negara kita di luar.

**Tuan Yang di-Pertua:** Unparliamentary word.

**Datuk Haji Ibrahim bin Ali:** Ya, tidak dengar Tuan Yang di-Pertua.

[Ketawa]

**Tuan Yang di-Pertua:** Guna bahasa Parlimen.

**Datuk Haji Ibrahim bin Ali:** Saya tarik balik. Saya tarik balik, tetapi saya menyebut daripada... kerana ini bukan surat layang, ini ditandatangani.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak boleh sebut ‘bloody’ itu.

**Datuk Haji Ibrahim bin Ali:** Saya tarik balik, itu pasal hendak marah Tuan Yang di-Pertua, bila hot sikit, terkeluar macam-macam, sebab orang macam ini, Tuan Yang di-Pertua, ia boleh menjahanamkan negara.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya minta....

**Datuk Haji Ibrahim bin Ali:** Sudah habis bab ini, bab kronisme, nepotisme saya sudah jelaskan. Tidak apa tadi perasaan, saya ini bersemangat patriotisme Tuan Yang di-Pertua, itu yang keluar panas. [Ketawa]

**Dato’ Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Tuan Yang di-Pertua, berapa saat lagi diberi kepada Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim bin Ali untuk berucap sebab banyak lagi yang hendak berucap ini, jadi kemungkinan kita boleh sambung ucapan Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim bin Ali nanti.

**Datuk Haji Ibrahim bin Ali:** Mengikut jam tangan saya setengah jam lagi, saya pakai jam saya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Pendekkan sedikit, beri peluang kepada orang lain.

**Datuk Haji Ibrahim Ali:** Okey. Selain daripada itu mereka kaitkan juga soal-soal kezaliman. Sekarang ini mereka mempersoalkan pula selain daripada kronisme dan nepotisme dan pembaziran, mereka kait pula ISA mesti dihapuskan, akta hasutan, macam-macam.

Tuan Yang di-Pertua, mereka ini tidak tahu, tidak sedarkah atau tidak insaf, saya cukup ambil berat Tuan Yang di-Pertua, saya kata tadi soal keamanan, bila tidak ada keamanan, everything is finished. MTUC pun tidak boleh berjuang lagi untuk pekerja kalau tidak ada keamanan, kalau berlaku huru-hara, tidak boleh, sebab itu saya ambil inisiatif. Saya ucapkan terima kasih kepada *'Mingguan Malaysia'*, saya tulis artikel Tuan Yang di-Pertua, di mana saya menulis sebab saya ini bekas tahanan ISA dua kali. Pandangan saya sebagai tetamu ISA sebanyak dua kali. Bottom konklusi tulisan saya mengatakan "ISA adalah mutiara negara dan juga saya sifatkan sebagai keris Taming Sari kepada negara." Ini ISA, mereka tengok ISA ini bab politik sahaja. Memang kita simpati dengan polis, pertama kali berdepan dengan masalah kegawatan politik yang berlaku reformasi baru-baru ini, ada yang kena tahan 12 hari, 13 hari. Banyak orang tidak faham ISA ini.

Tuan Yang di-Pertua, ISA yang disebutkan oleh setengah-setengah pihak, penangkapan ISA tidak ada kena-mengena dengan Menteri Dalam Negeri. Ini tindakan polis untuk menjamin keamanan untuk melakukan penyiasatan. Sesudah ditahan yang kuasanya dalam tempoh 60 hari, barulah pihak polis mengemukakan laporan, kajian, penyelidikan dan siasatannya kepada Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri. Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri barulah menguatkuasakan Akta Keselamatan Dalam Negeri ini bawah seksyen 8(1) 1960. Dalam tempoh 11 tahun saya check detail baru 867 orang ditahan di bawah tahanan ISA yang dihantar ke kem Kamunting sebelas tahun, tengok-tengok tidak ada pun orang politik dan saya dapati yang kena ini, sindiket, pemalsuan kad pengenalan, ada orang hendak memisahkan Malaysia dengan Sabah, pembawa masuk pendatang tanpa izin, ejen perisik bocor rahsia tentera, penyelewengan agama, gerakan Aceh merdeka, ada saya dapat maklumat, tiada seorang pun politik.

Baru-baru ini ditahan, itu untuk penyiasatan, 12 hari, 30 hari patut tahan lebih lama sedikit, saya dahulu pun cukup 60 hari, mula-mula 2 tahun, mereka ini 12 hari pun sudah riuh rendah. Itu untuk penyiasatan, sebab itu lepas penyiasatan dibebas ataupun untuk prevention, untuk apa, untuk keamanan. Jangan pula kita berjuang untuk kebebasan ataupun demokrasi, akhir sekali perjuangan demokrasi kita itu membunuh demokrasi, democracy kill democracy.

Bila mana saya kata democracy kill democracy, kalaulah tindakan-tindakan liar tidak dibendung kita masyarakat majmuk, berlaku macam Indonesia, mula-mula tunjuk perasaan aman lepas itu berhari-hari, berlarutan. Ada orang itu baling batu ke kedai Cina, Cina baling batu kedai Melayu, dua, tiga orang mati, habis negara kita ini. Empat puluh satu tahun merdeka habis, Tuan Yang di-Pertua, sebab itu kita kena protes.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun saya kena ISA dua kali berani saya cakap dengan penuh tanggungjawab tiadalah mengikut perasaan ataupun emosi. Kalau tanya saya sebagai rakyat Malaysia 'over my dead body I will protect this Akta Keselamatan Dalam Negeri'. Untuk apa harga keamanan? Tidak ada kebebasan mutlak dalam kita hidup ini, rumah tangga pun mana ada kebebasan, isteri balik lambat pun kita tanya kenapa, suami balik lambat pun kita tanya kenapa. Anak kita tidak ada di rumah pun kita kelam-kabut. Macam-macam lah. Mana ada kebebasan mutlak.

Dalam pandangan Islam, ada peraturan hidupnya. Dalam segala hal ada peraturan hidup itu tidak boleh buat. Ini tidak boleh buat – ada hukumnya. Apatah lagi dalam suasana seperti ini, jadi saya mempertahankan Akta ISA ini dan kita dapati Akta ISA ini tidak disalahgunakan pada setengah-setengah dakwaan. Kononnya disalahgunakan untuk politik, dulu pembangkang, -kecam, kerana ISA ini digunakan untuk pembangkang.

Baru-baru ini yang reformasi kebetulan semuanya UMNO, jadi yang kena tangkap ini orang government – orang kerajaan – senyap sahaja orang-orang ini tidak bercakap. Sebab apa orang-orang yang kena tangkap ini orang UMNO dulu dia dakwa ISA ini untuk parti pembangkang. Maknanya ISA ini ia tidak kisah parti pembangkang, parti kerajaan tidak kira siapa yang boleh menggugat keselamatan maka ia diambil tindakan di bawah ISA.

Tuan Yang di-Pertua, cuba bayang tiada ISA, masalah pendatang tanpa izin pun satu hal, Indonesia pun huru-hara sekarang ini. Ramai rakyat Indonesia tidak ada kerja. Waktu okey dahulu pun ramai datang ke negara kita. Kita tidak tahu lagi negara China pun sekarang menghadapi masalah dari segi ekonomi. Macam orang Bangladesh, ada orang mengambil kesempatan bawa masuk tanpa izin, polis hendak bertindak macam mana hendak kawal. Maka adalah waktunya kena gunakan akta seumpama ini untuk prevention.

Yang buat kad pengenalan palsu sama juga. Nanti kalau ada orang buat kad pengenalan palsu – orang pembangkang pun bising. Kerajaan tidak ambil

tindakan. Hendak ambil tindakan macam mana, hendak tunggu proses mahkamah secara terbuka, hendak dapat waran waktu itu sudah berpuluh ribu masuk ke Malaysia, sudah ratus ribu masuk ke Malaysia buat apa lagi pergi ke mahkamah, hendak dapat perintah mahkamah. Urusan untuk mendapat perintah mahkamah ini pun satu hal. Saya mendukung demokrasi, saya juga pejuang hak asasi. Tetapi saya faham apa yang saya perjuangkan. Sebab itu saya kata ISA ini mesti dipertahankan.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu saya juga hendak menyentuh soal Bar Council. Ini Bar Council pun satu hal. Bar Council tidak pernah menunjukkan sebagai sebuah badan profesional. Bila ada isu sahaja seolah-olah mereka sentiasa menentang kerajaan. Berbeza dengan Law Society di London, Tuan Yang di-Pertua pun seorang peguam. Tiada mereka mencampuri hal-hal politik ini – tidak ada. Begitu juga Barrister di England – tiada. Saya bukan seorang peguam pun saya tahu. Dato' Haji Mohd. Zuki angguk-angguk bermakna saya ini betul. Saya bukan refer apa-apa pun tapi saya tahu walaupun saya bukan seorang peguam. Tetapi dekat sini ada sahaja isu – Emergency General Meeting (EGM), panggil seolah-olah menggambarkan tidak setuju apa yang berlaku. Bila kes seorang peguam kanan kena contempt of court masih ada lagi peguam-peguam sendiri, kalau peguam-peguam muda kita tidak kisah, ada peguam kanan kena contempt of court kononnya senior lawyer takkan dia tidak tahu undang-undang, takkan dia tidak tahu peraturan pun kena juga. Hendak panggil EGM – ini hendak protes, hendak bantah lepas itu sudah nampak positif bahawa keputusan hakim itu buat betul – tarik balik. Ini saya mintalah peguam-peguam termasuk ahli-ahli Dewan yang mulia ini yang menjadi ahli Bar Council termasuk Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki, siapa lagi peguam-peguam ini tolong betulkan sedikit Bar Council pergi mesyuarat agung lawan jadi presiden ambil alih lawan sebab ramai peguam ini. Ini perkakas betul tidak menampakkan profesional dia, profesionalismenya. Bila masuk politik belum apa-apa lagi sudah buah petition, ada pula petition yang saya tengok dalam gambar Tuan Yang di-Pertua, yang diambil oleh T.V. asing, sign petition itu di dinding, di tiang mahkamah, nampaknya zalim Malaysia ini. Buatlah kalau hendak



panggil buat mesyuarat agung pun edarlah betul-betul, sains di pejabat. Ini di dinding-dinding, ramai di depan bangunan mahkamah - macam budak-budak. Tidak menampakkan profesional betul, jadi saya cadangkan Dato' Haji Mohd. Zuki tahun depan bertanding Presiden Bar Council. Kita betulkan Bar Council ini. Saya tidak boleh kerana saya bukan peguam. Dahulu memang hendak jadi peguam tetapi tidak jadi.

Tuan Yang di-Pertua, ini Bar Council saya katakan tadi, saya harap rakyat pun tidak terkelirulah dengan tindak-tanduk Bar Council ini, daripada dahulu lagi bukan sekarang hendak jadi champion, bukan hendak jadi badan profesional.

Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, ada dua, tiga perkara pendek-pendeklah, saya kira masa sudah hampir habis. Saya juga hendak cadangkan ahli-ahli lembaga pengarah, agensi-agensi kerajaan jangan buat macam kumpulan penyokong Dato' Seri Anwar Ibrahim yang mengamalkan nepotisme, berpuluh-puluh syarikat jadi lembaga pengarah. Saya minta kalau boleh disusun semula ahli-ahli lembaga pengarah, agensi-agensi yang dimiliki oleh kerajaan ini baik secara langsung, tidak langsung yang ada golden share supaya pengerusi, ahli lembaga pengarah itu diagih-agihkan jangan yang banyak terlampau banyak, yang tiada - tiada langsung. Ahli Dewan Negara ini pun ramai yang mampu. Dato' Haji Mohd. Zuki saya katakan peguam, saya sebut Dato' Haji Mohd. Zuki, sebab dia sebelah saya. Jadi itu mudah saya sebut sebagai contoh. Kalau boleh diseparatekan, diagih-agihkan peranan ini, Ahli Dewan Rakyat saya tengok boleh dikatakan sebahagian besar tetapi tidak Ahli Dewan Negara, bukan sayalah, saya tidak lantik pun tidak mengapa, saya ini macam biasa sahaja Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki, tiada hal tinggal lagi saya yakin banyak di kalangan ahli Dewan yang mulia ini boleh main peranan. Walaupun ada agensi-agensi besar diswastakan macam MAS itu sudah diswastakan tetapi kerajaan ada golden share, ada wakil kerajaan dalam lembaga pengarah, Tenaga Nasional, Telekom, Hicom, Proton macam-

macam lagi. Dia boleh jadi lembaga pengarah tujuh, lapan orang. Walaupun ada wakil kerajaan apa salahnya ditambah seorang dua lagi Ahli Dewan Rakyat, Ahli Dewan Negara ke, Ahli Dewan Negeri ke, tokoh-tokoh profesional ke, tambah bagi pihak kerajaan biar cukup dua, tiga orang boleh tengok apa yang berlaku dalam itu boleh beri pandangan, tidak begitu Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki, beliau ini sokong saya, saya percaya. Apa salahnya dahulu saya sudah bercakap, baru ada peranan janganlah walaupun kita Ahli Dewan Negara tanggungjawab kita membahar dan meluluskan undang-undang di sini tetapi ada lagi peranan yang boleh dimainkan. Check and balance. Ini patutnya begitu. Yang tak larat lagi itu gantilah. Saya tidak payah sebut namalah.

Saya mencadangkan pengerusi agensi-agensi kepada mana-mana agensi kerajaan, tempoh perantikannya jangan lebih dua penggal ataupun empat tahun, macam Dewan Negara, tiga tahun, tiga tahun, dua penggal enam tahun habis. Pengerusi kepada agensi kerajaan pun, satu penggal dua tahun, dua tahun habislah. Lepas itu ganti orang lain pula, lepas itu kalau dia rasa orang itu penting dia boleh jadi lembaga pengarah, angkat orang lain jadi pengerusi. Boleh tambah-tambah, gilir-gilir, jangan main sumbat situ sahaja, dengan orang yang sama ataupun lama.

Seterusnya dua lagi, Tuan Yang di-Pertua, pendek, saya hendak menyebut soal..

**Tuan Yang di-Pertua:** Tadi sebut pendek saja.

**Datuk Haji Ibrahim bin Ali:** Pendek, cukuplah. Ini sedikit lagi Tuan Yang di-Pertua sebab tadi ada masa kecederaan sedikit bila Dato' Haji Mohd. Zuki dan Dato' Abdul Aziz ganggu. So, saya hendak ganti masa itulah.

Saya hendak bangkit sedikit, kebetulan Yang Berhormat Menteri Kewangan II kita pun masuk. Saya masih lagi ingin menarik perhatian, Tuan Yang di-Pertua, mengenai bagaimana kita hendak mengawal wang kita yang banyak keluar iaitu dengan membanyakkan eksport dan mengurangkan import tetapi masih ada lagi pihak-pihak tertentu di mana ada barang-barang yang boleh, yang sudah pun ada di negara kita, dibuat di negara kita tetapi mereka

masih import iaitu mengenai dengan pengimportan barangan gantian. Sebagai contohnya kita tidak perlu lagi import butter - makanan itu. Kita sudah ada gantian, mentega [*Disampuk*] [*Ketawa*] .... dan tidak perlu lagi, samalah juga, kita ada membuat kereta dan kita tidak perlu lagi mengimport kereta.

Tuan Yang di-Pertua, jadi antara isu yang berbangkit, iaitu saya minta Kementerian Kewangan, saya pun sudah tahu Yang Berhormat Menteri sudah ambil tindakan tetapi ia masih lagi serius di mana ada projek-projek kerajaan masih lagi mengimport chillers dan pumps untuk sistem hawa dingin di mana barangan ini ada pembuatannya dalam negeri. Saya boleh bagi contoh, ini yang terbaru, Hospital Putrajaya, Dewan Bandaraya Ipoh, saya bercakap sebab ada facts. Saya boleh substitute dengan facts, saya boleh qualify dengan facts. Perodua - bangunan baru, Universiti Multimedia di Cyberjaya. Itu kerajaan punya, yang bukan kerajaan punya, separuh kerajaan ataupun kerajaan ada kepentingan, UDA-Maybank Square di Bangsar, Menara Bank Bumiputra, Kuala Lumpur, Perwira Affin Bank. Ini masih lagi import dan yang menjadi masalahnya oleh kerana konsultan yang dilantik.

Konsultan ini pula, saya tidak tahu mereka ada berpakat atau ada kepentingan. Spesifikasinya awal-awal lagi dia tally di mana kita tahu kalau contoh dalam hawa dingin ini syarikat-syarikat yang ada di Malaysia, Carriers, York, Trend tetapi ada syarikat yang mengeluarkan chillers dan pumps dalam negara kita ini, tidak perlu lagi tetapi oleh kerana perunding atau consultant ini sudah awal-awal lagi dengan borang tendernya dari segi spesifikasi, diolah, disyaratkannya sehingga bukan sahaja mereka tidak beli barangan tempatan, pakai barangan tempatan ini hendak masuk tender pun tidak boleh. Bercakap buat apa, berdegar-degar, kita hendak selamatkan wang kita di luar Malaysia. Kalau tidak berani ambil tindakan tegas, ini bukan sedikit, macam agensi kerajaan masuk bank-bank.

Ada orang mengadu hal kepada saya, saya pergi kepada dua buah bank yang hendak pakai chillers and pumps, apa pegawai bank itu kata: "Kita bank, kita tidak ikut kerajaan". Sekarang ini bank -bank pun kena insaf, pegawai-pegawai yang bekerja di sana pun, sekarang ini yang tolong bank siapa?

Danaharta, NPL telah diambil alih, kerajaan tolong pam balik duit. Maknanya secara tidak langsung kerajaan punya jugalah bank itu sekarang ini, pun tidak dengar arahan, sebab apa? Sebab ada pihak-pihak cari makan dengan membelakangkan dasar kerajaan. Ini bukan sedikit, chillers RM1 juta, RM2 juta, kalau banyak berapa banyak. Ini yang besar-besar, yang jenis kecil kita sudah bercakap, jangan import baju, kasut. Kita boleh selamat, jangan import, kita buat dasar, kita tahan tinggikan cukai tetapi barang-barang macam ini masuk bukan main banyak. Kalau RM1 juta, RM2 juta harga chiller, kalau diibarat kereta, berapa buah kereta? Dari segi itu saya minta kerajaan supaya bertindak tegas dan ketegasan itu dilihat sebagai tegas supaya kita dapat menyelamatkan banyak lagi wang negara kita daripada keluar negeri.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, saya mula tidak hendak jawab tetapi saya hendak sebut jugalah, saya hangat hati betul. Waktu perbahasan dalam Dewan Rakyat, saya baca dalam surat khabar, Karpal Singh dari parti DAP, dia ada sebut Ahli Dewan Negara 'kayu mati'. Saya baca dalam akhbar "dead wood", dia ini seorang peguam tetapi dia bercakap ikut sedap keluar mulut sahaja, seolah-olah dia tidak faham Sistem Demokrasi Berparlimen di negara kita, di mana wujudnya dua dewan iaitu Dewan Rakyat dan Dewan Negara. Pada mereka ini dia hendak Dewan Negara juga dipilih oleh rakyat.

Sistem kita telah diterima pakai 41 tahun lebih sejak kita merdeka, bahawa Dewan Negara ini juga ada yang dilantik, dipilih oleh rakyat melalui Dewan Undangan Negeri, yang mendapat majoriti dan memerintah. Di peringkat negeri menghantar wakil mereka ke Dewan yang mulia ini termasuk Kelantan. Selain daripada itu atas lantikan Yang di-Pertuan Agong, tengok wakil-wakil macam-macam pertubuhan, kesatuan kontraktor bumiputera, MTUC yang baru, wakil Orang Asli, wakil wartawan, Yang Berhormat Datuk Zainudin bin Maidin yang saya hormati ini, Orang Asli saya sudah sebut. Banyak Orang Asli Pahang, dua, tiga orang bantu di belakang, ramai lagi.

Jadi seolah-olah Tuan R. Karpal Singh tidak hormat kita semua dalam Dewan yang mulia ini. Dia sebut 'kayu mati', ada benda saya hendak sebut nanti Tuan Yang di-Pertua kata saya unparliamentary pula. Saya hendak

beritahu Tuan R. Karpal Singh ini 'mulut syphilis' sebab dia tidak boleh menghina Dewan kalau dia hendak bantai salah seorang Ahli Dewan Negara macam saya dia sebut nama, dia boleh bantai tetapi dia jangan bantai Dewan yang mulia ini, Dewan Negara ini, yang berdaulat ini. Dewan Negara ini berdaulat dari segi undang-undang. Kalau dia bantai individu, tidak apa, dia boleh berapa banyak dia hendak cakap, tetapi dia kata 'kayu mati' dan dilapor dalam akhbar seolah-olah Dewan ini tidak berfungsi. Saya tengok sekarang ini perbincangan, sesetengah Ahli Dewan Negara, saya pernah jadi Ahli Dewan Rakyat dua penggal. Perbincangan Dewan Rakyat saya ikut juga sedikit, saya tengok Ahli Dewan Negara berucap, tidak kurang hebatnya Tuan Yang di-Pertua. Bila Dato' Haji Mohd. Zuki berucap, Dato' Abdul Aziz berucap, Tuan Haji Hassan Ali, Datuk Zainudin bin Maidin berucap, semua berucap ini, wanita-wanita kita yang berucap.

Jadi betul-betul mulut celupar, seorang Ahli Dewan Rakyat yang katanya peguam kanan tetapi tidak bertanggungjawab, becakap tidak ikut akal. Saya rasa kadang-kadang waktu Tuan R. Karpal Singh bercakap tidak waras bila dia menuduh Dewan yang mulia ini, dia patut minta maaf bukan kepada saya, kita individu, kepada Yang di-Pertuan Agong, kepada Perlembagaan Negara, dia mesti mendaulat dan menjunjung perlembagaan, dia seorang peguam.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sebut sebagai gulung akhir. Jadi saya ucap terima kasih, dapat peluang lebih kurang sejam sepuluh minit, ada lebih sedikitlah Tuan Yang di-Pertua, itu kira masa kecederaan, minta maaf, janganlah pula lain kali marah pada saya. Saya bangun ini selalu tidak ikut, sebab maklum sahajalah banyak sangat dalam kepala. Saya ucap terima kasih, saya ucap tahniah kepada pihak kerajaan dan saya menyokong Rang Undang-undang Perbekalan. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Dato' Zainal bin Rampak.

**3.40 ptg.**

**Tuan Zainal bin Rampak:** Tuan Yang di Pertua, pertama sekali saya ingin menjelaskan dalam senarai nama berucap pada hari ini termasuk nama saya. Saya sungguh terperanjat bila saya dipanggil Dato' sebenarnya, saya

belum lagi Dato' jadi, saya masih lagi dengan Zainal nama asal saya. Saya ingin dipanggil dengan nama yang serupa.

Bismillahi Rahmanir Rahim Assalamualaikum warahmatullahi wabarakuh.

Tuan Yang di Pertua, terlebih dahulu sebelum saya meneruskan ucapan sulong saya pada hari yang bersejarah ini saya ingin memohon maaf, kerana suara saya tidak begitu terang sebab berucap di Geneva begitu panjang mepengerusikan jawatankuasa kecil di mesyuarat tersebut. Dan balik pun saya kena berucap di sana di sini, malam tadi saya berada di Melaka, juga berucap bukan atas tiket politikal parti tetapi atas kesatuan kerja tidak sepertimana rakan saya Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim Ali yang berucap begitu panjang, 'lafaz' dan sebagainya. Saya ingin berucap sedemikian, tetapi Tuan Yang di Pertua, suara saya tidak mengizinkan, saya minta maaf jika sekiranya kedapatan suara saya ini tidak begitu terang.

Saya juga ingin merakamkan jutaan terima kasih dan penghargaan yang tidak terhingga kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di atas perkenan Baginda menerima cadangan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia, Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad bagi melantik saya sebagai Senator dan juga kepercayaan yang diberikan kepada saya oleh kerajaan untuk mewakili kaum pekerja dan menyuarakan kepentingan mereka di dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, semasa saya memegang jawatan ini saya akan memberi pandangan-pandangan saya yang konstruktif dari sudut kaca mata kaum pekerja, besar kemungkinan kadangkala bercanggah dengan pendapat rakan-rakan saya di Dewan yang mewakili sektor yang lain, namun demikian Tuan Yang di-Pertua saya mempunyai tugas yang tertentu untuk menyuarakan pandangan mereka dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, ketika kita sedang mengadakan persidangan ini negara kita dan negara-negara rantau Asia Pasifik sedang menghadapi kegawatan ekonomi dan kegawatan ini telah merebak ke negara-negara lain seperti Amerika Latin, Eropah Timur, Moscow, Afrika dan juga Kanada yang merupakan salah satu negara G-7. Nilai mata wang Kanada telah jatuh sebanyak 15% iaitu 2.2. jatuh kepada 2.56 berbanding dengan United States Dollar, dengan izin. Kegawatan yang melanda negara kita telah menyebabkan

80,000 tenaga pekerja telah diberhentikan kerja sehingga hari ini. Memandangkan isu ini begitu penting bagi negara khususnya pekerja-pekerja, maka MTUC telah mengambil peranan yang penting serta langkah yang jitu bagi membantu kerajaan memulihkan ekonomi negara secara memperkukuhkan Ringgit negeri ini.

Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang sedia maklum ramai ahli Dewan sehingga Perdana Menteri sendiri telah menyatakan bahawa mereka sangat berbesar hati terhadap kedudukan kaum pekerja, pemimpin kesatuan sekerja yang tidak mengambil sikap seperti mana pemimpin-pemimpin kesatuan sekerja luar negeri sama ada di Korea atau pun di tempat lain. Pada kita Tuan Yang di-Pertua, yang paling penting ialah memperkukuhkan keharmonian perhubungan perusahaan sambil kita menolong kerajaan membantu dalam soal mempertingkatkan lagi pertumbuhan ekonomi negara dan memperkukuhkan Ringgit negara kita ini.

Kegawatan ekonomi Tuan Yang di Pertua, yang melanda rantau Asia dan Pasifik telah menyebabkan seperti mana kita sedia maklum spekulator-spekulator mata wang asing seperti George Soros. Kita tahu George Soros bukan seorang, pada tafsiran saya dan rakan-rakan saya dalam ILO ada sebanyak 350 lebih George Soros di merata dunia. Tuan Yang di-Pertua, George Soros adalah salah satu daripadanya.

MTUC ingin menyuarkan rasa tidak puas hati kami pada masa yang lepas dan berterusan bahawa George Soros dan pengurus-pengurus hedge fund dengan izin yang telah menimbulkan kerosakan di rantau ini. Malahan beliau telah merosakkan di negara Rusia itu sendiri. Seorang rakan saya dalam governing body workers group di Geneva menyatakan, “seorang pemandu teksi menyatakan jika sekiranya dia melihat George Soros melintas salah satu jalan di Moscow, dia akan langgar George Soros, supaya George Soros lekas mati dan kewangan akan dapat dipulihkan dengan serta-merta”.

Tuan Yang di-Pertua, kesan-kesan yang telah disebabkan pedagang-pedagang mata wang ini amat dahsyat, seperti pemberhentian kerja yang berlaku di Indonesia. Sebelum Suharto digulingkan kita tahu sejumlah 13 juta rakyat Indonesia telah diberhentikan. Hari ini setelah Suharto digulingkan jumlahnya meningkat kepada 26 juta tenaga pekerja telah diberhentikan di Indonesia. Begitu juga di Korea seramai 11 juta dan tempat-tempat yang lain.

Kalau kita baca dalam surat khabar Tuan Yang di-Pertua, kalau dahulu pengurus-pengurus Chief Executive Officer, dengan izin, pergi ke kelab-kelab malam biasanya mereka akan memanggil bar boy atau attendant boy, dengan izin membekalkan air dan sebagainya, hari ini kita lihat CEO ini bekerja dalam bar-bar mengelap gelas dan menjadi orang suruhan orang-orang lain. Tetapi tidak berlaku di negara kita, kita harus bersyukur kepada Allah S.W.T. bahawa negara kita tidak seperti mana negara-negara yang telah dirasuki oleh spekulator wang menyebabkan kerosakan ekonomi ke dalam negara tersebut. Dalam tempoh dua hari Dewan ini telah membahaskan terhadap usul tidak percaya terhadap Michel Camdessus, Pengarah Urusan IMF yang telah dikemukakan oleh Senator Dato' Abdul Aziz Abdul Rahman dan telah diluluskan oleh Dewan atas kegagalan beliau memulihkan kejatuhan ekonomi di rantau ini.

Saya ingin untuk mengambil bahagian dalam perdebatan tersebut, tetapi malangnya suara saya pada ketika itu masih lagi lembab dan tidak bermaya untuk melafazkan ucapan sokongan saya terhadap cadangan yang telah dikemukakan oleh Dato' Abdul Aziz. Walaupun demikian, Tuan Yang di-Pertua, MTUC memang menyokong usaha-usaha yang sedemikian.

Kita tahu IMF mempunyai double standard, dengan izin, kalau di Korea, dan di rantau Asia Pasifik dia memberi syarat-syarat yang begitu ketat dan sebagainya tetapi di Moscow mereka tidak memberi syarat-syarat seperti mana syarat yang diberi di rantau Asia Tenggara. Jadi nampaknya dalam pengendalian pemberian hutang kepada negara-negara yang memerlukan bantuan IMF sendiri mempunyai double standard dalam pemilihan tersebut. Saya kira besar kemungkinan Rusia sebahagian daripada orang Putih kita ini orang Asia, selalu ditekan dan sebagainya. Maka itulah sebabnya Tuan Yang di-Pertua, kami dalam International Confederation of Free Trade Union (ICFTU), dengan izin, dan ILO sendiri sejak dua dekad yang lepas membantah dengan sekeras-kerasnya peranan IMF untuk menolong negara-negara membangun di rantau ini. Kebanyakan negara yang memohon pinjaman dari IMF seperti rakan saya dari Afrika memberitahu saya bila mana IMF datang untuk menolong negara tersebut, mereka ini bukan menolong dengan hati yang ikhlas. Salah satu daripada negara itu ialah Ghana, kata rakan saya dari Ghana sebelum IMF datang ke Ghana, Ghana boleh hidup begitu baik, tetapi bilamana



IMF datang untuk menolong negara Ghana dalam bentuk bantuan, mereka telah mengenakan syarat-syarat yang ketat bukan sahaja negara tersebut tidak boleh bangun daripada keadaan ekonomi yang teruk malahan negara tersebut menjadi papa kedana.

Tuan Yang di-Pertua memang tepat pada masanya Kerajaan Malaysia tidak menerima atau tidak meminta bantuan daripada IMF. Saya selalu melaungkan bahawa Kerajaan Malaysia seharusnya sama sekali tidak meminta bantuan daripada IMF. IMF adalah merupakan the worst chattiest dalam negara dunia ini, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap kerajaan akan terus mencari jalan sumber-sumber dalam negara kita sendiri dan saya percaya dengan tindakan-tindakan yang telah dijalankan oleh kerajaan hari ini seperti mana tindakan-tindakan yang telah diambil oleh MTEN dalam strategi-strateginya telah mendapat sokongan yang menggalakkan dari Pergerakan Kesatuan Sekerja. Usaha-usaha ini adalah tidak lain dan tidak bukan untuk mengembalikan pertumbuhan ekonomi seperti sebelum kegawatan ekonomi melanda negara kita. Apabila ekonomi pulih sediakala serta kukuh maka ini akan menarik lebih banyak pelabur asing untuk melabur di negara kita dan seterusnya mewujudkan banyak peluang pekerjaan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam soal pelaburan asing, pemimpin-pemimpin kesatuan sekerja memang sentiasa mengalu-alukan kedatangan pelabur-pelabur asing melabur di negara kita. Malahan kita sendiri mengambil peranan penting dalam mana juga forum yang dihadiri oleh pergerakan kesatuan sekerja. Kita selalu meyakinkan kepada mereka Malaysia adalah merupakan negara yang paling istimewa untuk mereka melaburkan modal mereka ke sini. Kerana dengan pelaburan tersebut ianya terjamin akan pulang balik serta keadaan situasi politik, keharmonian perhubungan perusahaan dan kewujudan persamaan kaum dalam negara kita.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya bagi pihak Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) memang selalu membuat ucapan-ucapan sedemikian, walaupun kadangkala kita mempunyai kritik-kritik, tetapi kritik-kritik tersebut

adalah merupakan kritik-kritik yang membina (constructive criticism) demi untuk kepentingan, kemajuan negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, pada satu ketika kami dalam MTUC telah mencadangkan bahawa wang-wang yang disimpan di luar negara yang berjumlah hampir RM20 bilion, mereka ini diberikan pengampunan amnesty dengan izin, supaya mereka mengembalikan wang tersebut ke negara kita dan bank mempunyai kecairan wang untuk dilaburkan atau memberi pinjaman kepada mereka yang memerlukan pinjaman dalam perjalanan perniagaan mereka dan sebagainya. Saya berasa amat gembira kerajaan telah mengambil sikap yang begitu radikal, terutama sekali MTEN menggalakkan mereka yang menyimpan di luar negeri kembalikan wang tersebut ke negara kita, dan dengan hal yang demikian ini akan dapat memperkukuhkan lagi ekonomi negara.

Semalam kita telah mendengar dalam pembentangan ucapan Belanjawan 1999, Yang Berhormat Menteri Kewangan II, iaitu di mana beliau menyatakan bahawa RM16.1 bilion defisit dalam Belanjawan pada tahun 1999. Saya yakin bahawa defisit ini akan dapat kita atasi. Cara kita mengatasinya ialah dengan perpaduan kita sendiri, dengan kejutan kita sendiri, dengan kehendak kita mempunyai spirit yang begitu kuat di kalangan rakyat jelata untuk menyokong ke arah memperkukuhkan ekonomi negara. Saya percaya keadaan ekonomi ini akan dapat dipulihkan dengan secepat mungkin yang boleh. Percayalah bahawa dalam kegawatan ini memang kita dengar cakap-cakap atas perkara-perkara yang kurang senang kita dengar tetapi ianya merupakan perkara-perkara yang kita harus anggap sebagai satu perkara biasa. Kerana ada pihak-pihak yang tertentu mengambil kesempatan untuk mencela kita dari luar negeri.

Di dalam peranan saya, Tuan Yang di-Pertua, MTUC sendiri telah mencadangkan supaya high level ministeral meeting, dengan izin, diadakan oleh ILO pada persidangan bulan Mac tahun akan datang untuk membincangkan krisis ekonomi yang melanda bukan sahaja Asia Pasifik, tetapi

juga di seluruh dunia. Insya-Allah, kami akan memainkan peranan yang penting dalam perbincangan tersebut terutama sekali memastikan IMF, World Bank tidak menekan negara-negara yang memerlukan bantuan daripada mereka. Ini yang paling penting dalam perbincangan yang kita wujudkan dan kita mahu Pergerakan Kesatuan Sekerja Antarabangsa memainkan peranan yang sama bagi menolong negara-negara yang menghadapi kegawatan ekonomi.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan kepada pengalaman pahit yang telah dialami oleh pekerja-pekerja yang diberhentikan kerja sejak selepas bulan Februari tahun ini. MTUC telah mencadangkan penubuhan SPP (Skim Penamatan Perkhidmatan). Walaupun kerajaan telah menolak cadangan ini dengan alasan skim tersebut adalah tidak viable kerana jumlah sumbangan adalah kecil sama sekali. Berdasarkan kepada cadangan yang telah dikemukakan oleh MTUC bahawa majikan harus menyumbang RM1 dan pekerja menyumbang RM1 pada tiap-tiap bulan seorang. Skim ini hendaklah diletakkan di bawah PERKESO iaitu Social Security Scheme, dengan izin. Mengikut daripada jumlah ahli PERKESO sekarang ini berjumlah 5.3 juta ahli. Kalau sekiranya sebulan kita kutip sebanyak RM10.6 juta, dalam setahun kita akan mempunyai kewangan tersimpan sebanyak RM127.2 juta. Jika sekiranya dua tahun, tiga tahun jumlahnya akan bertambah. Jadi, saya tidak nampak jika sekiranya Kementerian Sumber Manusia menyatakan it is not viable, dengan izin.

Kami tidak jangka pembayaran ini akan dibuat untuk masa sekarang oleh kerana soal undang-undang, soal perkara lain yang hendak difikirkan, cara pembayaran faedah yang harus dibayar kepada mereka. Saya percaya bahawa cadangan yang dikemukakan oleh MTUC ini akan menguntungkan kerajaan sendiri dalam jangka panjang. Saya berharap Kementerian Sumber Manusia memikirkannya semula. Kalau Kementerian Sumber Manusia menyatakan dia menolak, should not be able, tetapi tidak pula kementerian mencadangkan apakah cadangan yang hendak dibuat oleh kementerian bagi mengatasi

kegawatan ekonomi dan mereka yang tidak dibayar gaji, mereka yang tidak dibayar penamatan perkhidmatan dan sebagainya.

Saya berharap, Tuan Yang di-Pertua, kerajaan mengkajinya semula cadangan yang telah dikemukakan oleh MTUC dan tidak harus menolak dengan sebulat suara atau begitu sahaja tanpa mempunyai cadangan lain demi untuk kepentingan kaum pekerja di negara ini. Saya suka untuk memetik seperti mana yang telah saya sebutkan dua hari yang lepas keputusan pimpinan-pimpinan ekonomi APEC yang berbunyi: *“Given the ramification of the crisis and the important of the addressing social vulnerabilities we agree that there is a matter of high priority, APEC should identify effort to address the social impact of the crisis. In particular we direct our ministers to work with the World Bank, The ADB, The Inter-American Development Bank and where appropriate public and private institution to formulate strategy of concrete action aim in strengthening social safety net. We looking forward to receiving a report in our next meeting.”*

Tuan Yang di-Pertua, saya kira kita mempunyai tanggungjawab kepada rakyat negara kita. Keselamatan (safety net) mereka khasnya kaum pekerja, kita harus ingat rakyat negara kita berjumlah lebih 21 juta. 8.5 juta adalah kalangan kaum pekerja. Jadi, 1/3 dari jumlah rakyat adalah kaum pekerja. Patutkah kita abaikan tanggungjawab kita kepada pekerja-pekerja ini.

Saya berharap kerajaan mengambil sikap yang begitu positif bagi memastikan keputusan APEC, cadangan MTUC dikaji semula. Sekiranya duit tidak cukup, besar kemungkinan kerajaan boleh mencadangkan lebih daripada RM1, sama ada RM2 untuk pekerja RM2 dari majikan. Kepada majikan, saya memohon kerjasama dari majikan-majikan, kerana pekerja adalah merupakan tulang belakang kepada sesebuah negara dan juga tulang belakang kepada mana-mana industri negara kita ini. RM2 bukan satu perkara yang besar. Kalau kita cakap kita beli rokok hari ini kalau kita seorang perokok, satu bungkus rokok sudah RM3 lebih satu hari. Sedangkan jumlah yang kita minta RM1.

Adakah ini tidak mampu bagi syarikat untuk membayarnya? Kalau syarikat sanggup membayar RM1, pekerja boleh cari RM100 lebih untuk syarikat itu sendiri di masa akan datang. Mengapa tidak dilakukan perkara sedemikian untuk menolong mereka.

Tuan Yang di-Pertua, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja. Kerajaan hendaklah memberikan lebih perhatian kepada pengurusan KWSP memandangkan kadar dividen yang dikeluarkan oleh KWSP dari setahun ke setahun semakin menurun. Sebagai contoh bagi tahun 1996 kadar dividen ialah 7%, tahun 1997-6.7% besar kemungkinan kadar ini akan menurun lagi jika sekiranya pengawasan yang rapi tidak dibuat kepada KWSP.

Walaupun saya seorang Ahli Lembaga Pengarah KWSP saya juga memainkan peranan yang penting dalam soal-soal pentadbiran. Banyak perkara yang hendak saya curahkan dalam Dewan ini terhadap perjalanan KWSP tetapi saya tidak mahu membentangkannya kerana ia adalah merupakan satu perkara dalaman. Saya ingin untuk berjumpa Yang Berhormat Dato' Mustapa bin Mohamed dengan wakil-wakil MTUC dan CUEPACS untuk menceritakan lebih jelas perkara-perkara yang berlaku. Aktiviti-aktiviti yang kita anggap tidak patut dilakukan dalam KWSP. Barang diingat KWSP mempunyai RM140 bilion tunai dan aset. Satu jumlah yang paling besar, satu institusi kewangan yang paling kaya di negara-negara ASEAN. Sedangkan dividen yang diberikan kepada pekerja adalah berkurangan dari setahun ke setahun. Hari ini kita dengar pengumuman ASN membayar 10.5% dividen kepada pemegang-pemegang ASN. Sedangkan EPF mempunyai RM140 bilion tunai dan aset hanya beri 6.7%, saya takut ianya akan turun akan datang.

Saya tahu setiap rakyat, setiap pekerja, setiap orang ramai melihat KWSP. Semalam Yang Berhormat Dato' Mustapa bin Mohamed telah memberi keyakinan kepada kita semua. Saya berterima kasih terhadap kenyataan yang begitu penting yang dibuat oleh Yang Berhormat iaitu menyatakan bahawa wang-wang KWSP tidak digunakan ke atas bail-out, dengan izin. Jadi ini satu kenyataan yang meyakinkan. Banyak dari

pandangan rakan-rakan saya, pekerja, orang luar bertanya dengan saya, “saudara Zainal kamu Ahli Lembaga Pengarah KWSP bolehkah saya dapat mengeluarkan duit saya bila sampai umur 55 tahun kelak?”. Adakah wang-wang ini telah digunakan untuk bail-out. Kami juga memainkan peranan yang penting memberi penerangan dan penjelasan yang telah diberikan oleh Yang Berhormat semalam harus diberi perhatian oleh surat khabar supaya ia dapat disiarkan secara besar-besaran bahawa wang-wang KWSP tidak digunakan untuk bail-out dan sebagainya. Ini untuk menolong kerajaan, menolong KWSP dan menolong tugas saya untuk memberi penerangan kepada rakan-rakan yang lain lebih terang bahawa wang KWSP tidak digunakan untuk pembelian bail-out, penyelamat dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, saya ada mencadangkan pada satu ketika pindaan dibuat dalam Akta KWSP kerana kita tahu banyak syarikat, saya bukan cerita soal kegawatan sekarang ini, sebelum kegawatan, banyak syarikat yang tidak menghantar sumbangan KWSP kepada badan tersebut. Setelah dipotong 11% untuk pekerja, 12% untuk majikan, ada yang tidak menghantar tiga, empat tahun. Tetapi sesetengah majikan ini hidup dengan mewah. Saya tahu ada yang pakai kereta besar Mercedes, isteri pakai kereta BMW, anak pakai kereta Honda tetapi mereka terhutang dengan KWSP. Kalau 12% sumbangan majikan tidak dapat bayar tetapi yang 11% potongan pekerja, sumbangan pekerja yang dipotong pada setiap bulan, sumbangan ini hendaklah dihantar kepada KWSP, sumbangan ini pun tidak dihantar. Saya beranggapan ia merupakan kes pecah amanah (criminal breach of trust).

Jadi saya mencadangkan supaya pindaan dibuat kepada Akta KWSP. Kita beri dia masa enam bulan, selepas enam bulan dia tidak bayar, get them to the court, dengan izin, tuduh mereka di mahkamah, caj mereka. Hari ini kita fine dengan duit, mereka boleh bayar RM10,000, RM20,000 tetapi kalau buat pindaan dalam Akta KWSP, masuk dalam jail, dia akan bayar dengan sertamerta, bergolok bergadai dia akan cari duit bayar wang sumbangan tersebut dan mereka tidak akan menggunakan wang ini untuk kepentingan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya tahu sesetengah sudah hendak sampai umur 55 tahun, bila pergi ke KWSP check, simpanannya kosong dalam akaun mereka tetapi majikan mereka hidup mewah. Jadi bagaimana kita harus dapat menolong mereka, saya berharap kerajaan memandang berat di atas perkara ini. Pindaan ke atas Akta KWSP harus dibuat, bukan sahaja untuk menolong pekerja tetapi demi untuk memastikan wang tersebut sampai ke KWSP dan KWSP boleh gunakan wang ini untuk beberapa perkara yang boleh dirancang dalam KWSP seperti pengeluaran perumahan, pengeluaran sakit, pengeluaran satu pertiga apabila sampai umur 55 tahun dan sebagainya.

Jadi saya memohon kepada Kementerian Kewangan melihat perkara ini sebagai satu perkara yang serius dan kami ingin memainkan peranan yang penting. Saya ingin memberitahu kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan II, kami sanggup untuk mengadakan perbincangan dari hati ke hati dari beberapa segi selok-belok pentadbiran KWSP dan saya tidak mahu cerita dalam Dewan yang mulia ini dan dapat saya lihat dari mata kepala saya sendiri. Oleh kerana ini merupakan perkara sulit, saya ingin untuk mengadakan perbincangan dengan Yang Berhormat untuk menerangkan lebih lanjut dan banyak perkara yang hendak saya terangkan yang saya kira banyak pembaziran berlaku dalam perbelanjaan KWSP. Itu cukup untuk saya terangkan pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan pinjaman perumahan kos sederhana. Saya kira apa yang telah diisytiharkan oleh kerajaan pinjaman-pinjaman kos sederhana yang telah diputuskan daripada RM100,000 kepada RM150,000 kami semua memang menyokong penuh iaitu dividennya rendah 9% tetapi masalah pula dalam soal mendapatkan pinjaman dari bank-bank. Kami tidak tahu kadangkala saya sendiri duduk dalam MTEN, kita telah membuat dasar dan meluluskan beberapa perkara penting dalam mesyuarat MTEN bagi menolong mereka memiliki rumah dan sebagainya. Tetapi yang anehnya bank-bank ini mempunyai selective client, dengan izin, dipilih, jadi

kita membuat dasar, beri arahan kepada mereka, beri mereka pinjaman dari Danamodal dan sebagainya untuk menolong rakyat jelata tetapi lain pula yang dilakukan oleh bank-bank yang demikian.

Saya kira Kementerian Kewangan harus memastikan kalau boleh kita harus menggunakan, kalau saya cakap kekerasan itu kasar sangat, tetapi satu undang-undang yang betul-betul agresif, downtrodden, dengan izin bagi memastikan bank ini mematuhi arahan kerajaan dasar yang telah dibuat oleh kerajaan untuk menolong rakyat jelata.

Tuan Yang diPertua, soal dalam kegawatan ekonomi ini, saya telah cerita tadi, 80,000 tenaga pekerja telah ditamatkan perkhidmatan. Besar kemungkinan angkanya bertambah tetapi saya tidak menjangka ianya begitu besar. Walaupun demikian, sudah cukup untuk kita memikirkan bagaimana latihan untuk pekerja-pekerja ini harus dilakukan.

Kementerian Sumber Manusia telah mewujudkan satu tabung yang dinamakan Tabung Pembangunan Sumber Manusia. Majikan diminta memberi sumbangan. Tetapi malangnya tidak menggunakan tabung ini untuk melatih pekerja-pekerja mereka. Sebelum kegawatan, mereka tidak sanggup menghantar pekerja mereka untuk dilatih, sebab lost of main hours, dengan izin. Tetapi dalam kegawatan ekonomi ini kenapa tidak mereka ini menggunakan wang ini melatih pekerja-pekerja mereka. Saya kira barangkali kerajaan harus berunding dengan Kementerian Sumber Manusia yang jumlah fundnya begitu besar, saya kira RM468 juta yang tersimpan dalam tabung ini. Sama ada tabung ini boleh digunakan.

Saya juga ingin mendesak supaya dasar pelajaran kita juga digubal. Kerajaan harus memikirkan menubuhkan lebih banyak technical school di merata tempat. Kalau kita boleh menubuhkan banyak technical school, banyak pekerja yang dapat dilatih dan besar kemungkinan satu hari kelak kita tidak perlu import skill workers dari luar negeri. Kita boleh eksport skill workers dari negara kita sendiri ke negara luar yang memerlukan skill workers seperti negara membangun – Vietnam, Laos, Cambodia atau China yang memerlukan tenaga-tenaga mahir yang kita boleh latih dari sini untuk mereka. Ini satu perkara yang kerajaan harus fikirkan secara mendalam. Untuk menggubal



dasar ini kita harus tidak semestinya mengeluarkan mereka yang mempunyai certificate/sijil profesionalisme sahaja dari segi soal kertas dan sebagainya, tetapi kita harus memikirkan dari soal skill pekerja-pekerja harus menjadi satu perkara yang penting untuk mengubah dasar kita.

Tuan Yang di-Pertua, panjang saya bercakap, lama-lama suara saya habis, besok pun saya ada mesyuarat lain. Tuan Yang di-Pertua, soal harga barang-barang kian meningkat naik. Kita tahu Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna ada enforcement unit yang berbeza tetapi berapa ramai enforcement unit ini, dengan izin, dapat memeriksa barang-barang yang dijual. Kadangkala saya sendiri tengok Tuan Yang di-Pertua, biasa kalau hari minggu, saya senang kerana tidak ada mesyuarat kesatuan, saya ikut isteri pergi pasar. Saya pergi pasar basah, saya tengok kalau ada enforcement, dia letak harga yang ditetapkan. Kalau tidak ada enforcement, dia akan letak harga lain.

Begitu juga ada sindiket, kalau saya hendak balik ke rumah saya pada sebelah petang, selepas sembahyang Maghrib di Subang Jaya. Melalui Subang Jaya Municipal, saya lihat banyak kereta dan motosikal di luar. Mereka ini merupakan sindiket, bila tengok enforcement keluar sahaja dari Pejabat Majlis Perbandaran, dia akan telefon mana kedai dan sebagainya di mana enforcement akan tuju dan sebagainya. Jadi mereka ada sindiket. Bila dia tahu Enforcement Unit akan datang, dengan serta-merta dia akan tukar dengan harga yang ditetapkan.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, MTUC telah memainkan peranan yang penting umpama dulu kita boikot ayam, walaupun orang ada ketawakan kita, sebab kita boikot ayam tetapi hari ini harga ayam telah turun seperti mana asal dan kita telah menubuhkan satu badan pengguna yang dinamakan Pergerakan Pengguna Pekerja MTUC (3 PMTUC) dan tidak berapa lama lagi kita akan lancarkan serta memastikan badan pengguna ini yang dianggotai oleh 8.5 juta pekerja di badan ini akan menjadi pengawas kepada kenaikan harga barang-barang yang dinaikkan dengan sewajarnya antara 30% sehingga 150% bertentangan dengan kenaikan gaji yang kita terima sebanyak di antara 8% hingga 12% pada tiap-tiap tiga tahun sekali. Oleh kerana kegawatan, banyak syarikat yang tidak menaikkan gaji pekerja-pekerjanya, malahan ada pekerja-

pekerja yang gajinya terpaksa dipotong. Kata Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mana-mana syarikat yang ada untung mesti bayar gaji kepada pekerja-pekerjanya bagi membolehkan pekerja-pekerja berbelanja bagi meningkatkan aktiviti-aktiviti ekonomi .

Begitu juga harga minyak kelapa sawit. Minyak kelapa sawit sebelum bulan Julai tahun lepas harganya rendah. Selepas bulan Julai sudah naik empat kali ganda tetapi gaji pekerja tidak naik. Kenapa tidak mereka ini bayar bonus lebih, empat bulan bonus dan sebagainya kepada pekerja-pekerja ladang. Mereka mengaut keuntungan lebih dalam masa kegawatan ekonomi hasil daripada penjualan minyak kelapa sawit dengan mata wang asing. Jadi, saya berharap supaya kerajaan, saya kira barangkali dengan dasar political solution hari ini dicari memaksa mana-mana syarikat yang mendapat keuntungan, galakkan mereka memberi kenaikan gaji kepada pekerja. Dengan ada kenaikan gaji pekerja, pekerja ada kuasa membeli, dengan pembelian ini ianya akan membeli barang, bila beli barang, sudah semestinya barang-barang keperluan akan bertambah dan akan membanyakkan peluang-peluang pekerjaan dan sambil itu akan memperkukuhkan ekonomi negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, soal kemasukan buruh asing. Ini satu perkara. Kadangkala saya pun tidak faham, kerajaan cakap hantar 100,000 pekerja asing ke negara asal mereka dan membenarkan semula masuk sebanyak 150,000 pekerja asing. Kadangkala saya sendiri pun tidak tahu macam mana dasar ini dibuat dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, kita tahu ada dua sektor memerlukan pekerja asing iaitu pertanian dan construction industry, dengan izin. Tuan Yang di-Pertua, dalam pertanian seperti yang kita tahu orang tempatan tidak sanggup bekerja dalam pertanian mungkin sebab gajinya murah. Yang Berhormat Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik ada mencadangkan supaya pengusaha-pengusaha pertanian membayar gaji pekerja mereka di antara RM1500 hingga RM2000 sebulan.

Tuan Yang di-Pertua, kalau majikan peladangan ini berubah, kalau mereka sanggup tidak sampai RM1,500, RM2,000, kalau RM1,000 pun saya kira pekerja-pekerja yang bekerja dalam industri pembinaan sanggup untuk balik ke kampung mereka untuk bekerja. Saya berharap tuan punya ladang

tukar fikiran semula. Hendakan pekerja, mesti sanggup untuk bayar gaji yang berpatutan untuk mereka berkhidmat dalam ladang-ladang yang berkenaan.

Tadi, Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim bin Ali menyatakan, kita bersyukur, pekerja kerajaan bersyukur kerana kerajaan bayar insentif sebanyak RM400 walaupun dalam keadaan kegawatan ekonomi. Saya kira kakitangan perkhidmatan awam memang adalah merupakan kakitangan yang terkebawah. Mereka berkhidmat untuk negara dan mereka ini harus diberikan perhatian terutama sekali mereka yang berpendapatan rendah. Kalau high bracket income itu, tak apalah tapi yang bawah kita harus fikirkan untuk mereka oleh kerana kuasa pembelian hari ini Tuan Yang di-Pertua, kalau setakat duit RM500 gaji kita, harga pembelian, harga Ringgit Malaysia hanya tinggal RM250 sahaja. Itulah purchasing power yang ada pada mereka. Saya berharaplah, bukan saya hendak minta sekarang. Bila mana kegawatan ini telah pulih, saya berharap pada kerajaan supaya memikirkan kenaikan gaji bagi kakitangan awam bila mana keadaan ekonomi telah pulih.

Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad pun sendiri telah berjanji dengan MTUC dalam perjumpaan kita pada 7 Ogos tempoh hari kata beliau, kalau kegawatan ekonomi pulih, saya ingin melihat, mencadangkan supaya minimum gaji pokok pekerja-pekerja negara kita ini dinaikkan menjadi RM1,500 sebulan. Saya berterima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sedangkan MTUC cuma minta gaji minimum RM600. Kadangkala saya pun begitu terperanjat, beliau begitu sangat simpati memberikan cadangan minimum pay gaji pokok dinaikkan RM1,500 sebulan bila mana kegawatan ekonomi telah pulih. Insyallah sebab itu hari ini Tuan Yang di-Pertua, kami bekerja keras untuk menolong menaikkan imej negara, ekonomi negara. Tidak ada mogok berlaku dalam negara, kecuali ada piket sana sini, itupun setakat hendak melepaskan geram sahaja. Kadangkala tidak ada piket susah juga, saya tidak akan dipilih menjadi pemimpin sebab mereka ingin meluahkan perasaan kurang senang terhadap pihak majikan dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi yang hendak saya bangkitkan ialah soal penggabungan di antara bank -bank, yang saya diberitahu oleh kawan

saya dari Kesatuan Pekerja Eksekutif Bank Bumiputera di mana percantuman di antara BBMB dengan BOC. Cara mana percantuman ini saya tidak tahu tetapi apa yang telah dijelaskan kepada mereka, kita sendiri tahu BOC adalah bank yang kecil, BBMB adalah merupakan bank yang besar. Saya tidak tahu sama ada yang kecil makan yang besar ataupun sebaliknya. Yang saya ketahui BOC akan mengambil alih BBMB, saya sangka saya silap tetapi inilah yang telah jelaskan kepada saya.

Saya berharap supaya kementerian mengkaji semula dan saya percaya kesatuan yang berkenaan ada menulis surat kepada Menteri Kewangan untuk mengadakan pertemuan untuk membincangkan isu percantuman dan penggabungan di antara BBMB dengan BOC. Nasib pekerja, nama yang pertama sekali, adakah nama Bank Bumiputera ini akan hapus apabila percantuman ini dibuat kelak dan mereka menyatakan kepada saya mereka membantah sama sekali terhadap penghapusan nama Bank Bumiputera itu sendiri jika sekiranya percantuman ini dibuat dan saya merayu sekali lagi Tuan Yang di-Pertua, supaya Menteri Kewangan Yang Berhormat Dato' Mustapa bin Mohamed dapat berjumpa dengan pegawai-pegawai bank kesatuan yang berkenaan untuk membincangkan isu ini dan mendapatkan pandangan dari mereka, mereka mempunyai detail apa yang berlaku dalam Bank Bumiputera itu sendiri dan terhadap kejatuhan Bank Bumiputera bukan disebabkan oleh mereka tetapi adalah disebabkan oleh orang atasan itu sendiri.

Jadi mereka tidak harus dipersalahkan, kata mereka tiga kali mereka telah berkhidmat menyelamatkan Bank Bumiputera, kali ini mereka merasa hampa mengapa keadaan sedemikian berlaku. Jadi saya berharap kepada Yang Berhormat Dato' Mustapa akan dapat meluangkan masa, saya akan 'arrange'kan meeting dengan beliau supaya dapat berjumpa dengan pegawai-pegawai Kesatuan Pekerja Bank Bumiputera untuk membincangkan isu ini demi untuk menyelamatkan Bank Bumiputera dan nama Bank Bumiputera itu

sendiri. Pada saya BBMB adalah merupakan satu pride, satu kebanggaan kepada kita semua.

Tuan Yang di-Pertua, itulah yang dapat saya ucapkan, saya hendak berucap lebih panjang kerana suara saya lama-lama sudah tenggelam. Jadi dengan pandangan-pandangan yang saya kemukakan ini saya suka untuk menyokong Rang Undang-undang Perbekalan Tahun 1999 diluluskan. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Mustaffa Kamal.

**Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Naw:** Bismillahirrahmannirrahim. Assalamualaikum w.b.t. Tuan Yang di-Pertua, saya bangun bersama-sama dengan rakan dalam Dewan yang mulia ini bagi membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan Tahun 1999 yang mana telah dibentangkan di Dewan Rakyat pada 23 Oktober 1998. Kita memang faham sejak daripada Julai 1997, ekonomi mula digerakkan oleh satu ledakan atau eruptions yang mana semua orang tidak menyangka walaupun ada sesetengah pakar-pakar ekonomi beranggapan bahawa selepas Sukan Komanwel (Sukom) hanya ekonomi kita akan jatuh. Akan tetapi Tuhan Yang Maha Kuasa sebelum pun Sukom dia pun sudah jatuh terlebih awal lagi hingga hari ini walaupun ada ramalan-ramalan dan kesan-kesannya akan tetapi kita masih lagi di tahap kritikal, ditahap yang harus diberi perhatian yang serius kerana apabila kita lihat hari-hari ada sahaja masalah syarikat-syarikat yang dibebani oleh hutang dan juga bank-bank yang tidak dapat bayaran dengan jelas yang terpaksa menerima tunggakan-tunggakan yang begitu hebat dan kita lihat juga sekarang harta-harta bangunan-bangunan tinggi di sekitar Kuala Lumpur ini satu demi satu jatuh ke tangan bank asing. Ini semalam ada juga dalam surat khabar tertulis bahawa Citi Bank akan mengambil alih Lion building. Kalau kita anggap Lion building ini, Lion Group ini adalah besar akan tetapi dia terpaksa juga memperhitungkan untuk jualan ini demi untuk menutup hutangnya dan banyak lagi bangunanyang telah pun terjual. Ini kalau diibaratkan kita demam, kita di lepas hari demam,

bermakna hari kedua atau hari ketiga kita demam itu, masih tidak boleh bangun, kepala pening, makan pun tidak lalu, masih dalam edah sakitlah.

Walau bagaimanapun kita berterima kasih kepada Kementerian Kewangan yang membentangkan belanjawan yang begitu baik dan tidak membebankan rakyat terutama rakyat di kampung yang kita tahu mereka ini susah, harga barang semakin hari semakin naik dan begitu juga tidak ketinggalan juga kakitangan-kakitangan kerajaan sungguhpun mereka dapat gaji bulanan akan tetapi mereka mempunyai tanggungjawab anak-anak yang bersekolah dan masalah-masalah pengangkutan dalam bandar yang begitu ketara sekali, kadang-kadang belanja pengangkutan satu bulan lebih 30% daripada pendapatan gaji. Jadi dengan adanya rang undang-undang belanjawan yang baik ini saya rasa kita dapat menenangkan keadaan ini buat sementara waktu.

Kita juga bersimpati dengan negara jiran kita. Mereka juga apabila disuntikkan dari Tabung Kewangan Antarabangsa mereka juga tenat sekarang, mereka ketiadaan wang dan baru hari ini saya siasat bahawa Bank Nasional Indonesia (BNI) menawarkan simpanan tetap 52%, 52% kalau sesiapa hendak pergi simpan wang di sana minta kebenaran daripada Menteri Kewangan atau Bank Negara pergi simpan insya-Allah bawa RM100,000 dalam setahun RM52,000 boleh dapat. Ini Bank Negara Indonesia (BNI) termasuk Leadermont Bank semua tidak kurang daripada 50. Malah Chartered Bank sendiri menawarkan hampir 35%-40% tetapi bukan Chartered Bank Malaysia, Chartered Bank Indonesia. Lebih daripada 30% kerana apa di situlah timbulnya satu tanda tanya. Kalau mereka cukup dengan wang mereka sendiri untuk menjanakan segala projek, apa perlunya mereka menawarkan faedah dengan tawaran 52% lebih baik mereka menawarkan faedah yang lebih murah. Akan tetapi dalam tangan mereka sendiri tidak ada wang, sebab itulah mereka membuat tawaran yang lebih baik. Ini betul, bukannya bohong. Saya baru balik dan saya siasat, saya tidak tahu di sebelah Jakarta tetapi saya telah ke

sebelah Sumatera, semuanya keadaannya 52%. Kalau sesiapa yang agak-agaknya hendak senang sedikit hantarlah tetapi kena minta kebenaran kerajaanlah. Tetapi bukan semua kita izinkan untuk menghantar kecuali dengan menanam modal di sana di bawah IMT-GT dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, dalam menghadapi ekonomi yang amat gawat ini risikonya terlalu banyak. Kita lihat masalah-masalah sosial hari demi hari juga perlahan-lahan menghadapi masalah kemusnahan. Kita juga bimbang dan takut kalau nanti jadi macam negara jiran dengan budaya lepak dengan pelacurannya bertambah, dengan rumah urutnya bertambah, walaupun disekat oleh kerajaan kerana ini untuk mencari makan untuk hidup .

Amat malang sekali apabila dilanda oleh El-Nino, apabila kita menghadapi musim jerebu dan kemarau, walaupun keadaan harga kelapa sawit sekarang kita berbangga akan tetapi kita pastikah atau kita tahukah buah kelapa sawit sudah kurang. Pokok-pokoknya sudah malas hendak berbuah walaupun keadaan umurnya empat tahun, lima tahun yang masih segar bugar kerana masalah cuaca yang telah sudah.

Itulah kesannya sekarang, contohnya senang sahaja kelapa, siapa sangka kelapa di Terengganu harganya sampai RM2. Saya lalu di Terengganu baru-baru ini, saya pun terkejut kelapa pun tinggal dua sahaja buahnya, bayangkanlah, saya lalu di Paka hanya tinggal batang sahaja rupa tauge kerana kesan jerebu dan kesan panas.

Bayangkan ada sesetengah tempat hampir tiga bulan tidak ada hujan pada masa itu, akibat daripada itu, kita terima sekarang. Boleh semak balik, Kementerian Pertanian, Kementerian Perusahaan Utama tahu, statistik pengeluaran-pengeluaran minyak kelapa sawit meskipun harganya baik, pertukaran wang asing kita baik RM3.80 pada US\$1 akan tetapi masalah kita untuk membekalkan minyak pula, buahnya tidak ada, ini yang menjadi masalah.

Kita rasa apabila masalah itu timbul, Yang Berhormat Menteri Pertanian sendiri pun tidak boleh buat apa kerana kelapa sawit tidak ia mahu berbuah atau enggan hendak berbuah. Selepas El-Nino datang La Nina pula, diharap negara kita tidak dilanda, walau bagaimanapun diucapkan terima kasih kepada kerajaan dan negara kita telah bersedia daripada sekarang, setiap anak sungai, ibu sungai semuanya telah dibersihkan, diperbaiki beratus-ratus juta ringgit kita keluarkan.

Di Selangor, Negeri Sembilan, Johor, Perak, Kedah, Terengganu, Kelantan semua tebing sungai cantik sekarang, sudah boleh jogging pun ada. Alhamdulillah, kita merakamkan ribuan terima kasih kepada kementerian yang begitu peka terhadap masalah banjir. Bayangkan apabila saya baca dalam akhbar, ramalan daripada pakar-pakar sains bahawa La Nina ini kalau melanda negara kita amat dahsyat.

Kalau di Terengganu, di Kelantan, katakanlah sepuluh atau tiga meter airnya, tiga kali ganda, sembilan meter, tidak tahu di mana kita hendak berdiri. Diharap kita pergi ke kawasan Yang Berhormat Dato' Mustapa Mohamed, kawasan Jeli ada bukit sedikit, yang lain semuanya lembah. Itu ada bukit sedikit, bolehlah di situ tetapi kalau di Perak, saya rasa di Gerik sahaja, yang lain tiada.

Dari itu kita harus bersiap sedia, saya sendiri pun memang tidak menggunakan peruntukan simpan untuk La Nina, saya takut tengah malam nanti banjir, bantuan segera diperlukan oleh rakyat yang memerlukan. Di mana hendak kita mencarinya, tetapi walau bagaimanapun Kerajaan Persekutuan telah pun bersedia dari sekarang untuk menghadapi masalah-masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang kita lihat sendiri pasaran saham kita, Yang Berhormat Dato' Mustapa telah menjelaskan kepada kita bahawa RM600 bilion wang telah lenyap di dalam pasaran saham. Maknanya apabila pasaran saham merudum, jatuh RM600 bilion, ada setengahnya sudah sasau, mahu ke tidak sasau, hutang berjuta-juta. Ada masa tengah naik, bukan main Mercedes,



Porsche pun ada beli, cerut RM80, sekarang susah sedikit, akan tetapi walaupun keadaan demikian kita berharap suatu hari pasaran saham kita akan pulih balik.

Sekarang kita sudah lihat 522 indeks, alhamdulillah, ini adalah gambaran yang baik tetapi bukan senang hendak pulih seperti dahulu, walaupun ada sesetengah menganggap kita akan dapat balik pada indeks 1,200, tetapi pada ramalan pakar ekonomi bahawa kita sukar untuk mencapainya ke tahap 1,200. Kita berharap dan kita berdoa ke hadrat Allah S.W.T. supaya kegawatan ekonomi ini tidak berpanjangan dengan adanya saranan daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa pemulihan ekonomi ini akan nampak jelas nanti di hujung tahun atau pertengahan tahun hadapan. Tetapi kalau di negara-negara jiran walaupun mereka mendapat suntikan IMF tetapi mereka amat tenat, di Thailand sebagai contoh walaupun nampak mata wang mereka mantap, akan tetapi mereka menghadapi masalah pasaran dan sebagainya.

Tidak ada orang keluar di waktu malam untuk makan di restoran-restoran dan tidak ada pakaian-pakaian yang baru dibeli, kalau dahulu beli dua tetapi sekarang hanya beli satu, jadi di situ kuasa pembeli sudah kurang. Serupa juga di Malaysia ini, di Malaysia kalau kita lihat di restoran-restoran di pekan-pekan dan di bandar-bandar yang berhampiran dengan tempat kita, banyak yang sudah tutup. Kadang-kadang ada 10 meja tetapi hanya tinggal satu, dua meja di waktu malam.

Ini adalah langkah yang baik untuk berjimat cermat pada masa sekarang, itulah sebabnya ada ura-ura mengikut yang diberitahu oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan Kedua, bahawa Hari Pembeli akan dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, kalaulah kita semua sudah menyimpan duit, kita semua berjimat cermat, restoran tutup semua.

Restoran pun ada masalah, dia tidak beli ikan, dia tidak beli sayur dan sayur juga akan kecut, jadi kita ini berpusing semuanya. Walaupun kita harus

berjimat akan tetapi penjimatan kita haruslah ada tempat dan ada suatu tahap yang kita jimatkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik sedikit Kementerian Perusahaan Utama, saya menyentuh Jabatan Perhutanan kerana kita faham bahawa Jabatan Perhutanan ini merupakan satu jabatan yang memainkan peranan yang penting walaupun bebanannya amat berat tetapi sedikit sebanyak ada yang perlu kita nasihat atau kita perlu tegur.

Cukai ses yang tidak silap saya sudah dikutip berpuluh-puluh tahun dahulu sehingga sekarang, saya harap cukai ses ini digunakan begitu baik untuk menanam balik semula atau membaik pulih hutan-hutan yang telah ada di negara kita kerana ses ini diambil daripada pengusaha-pengusaha adalah bagi tujuan menanam semula atau membaiki hutan-hutan yang ada.

Saya juga mengucapkan terima kasih dan tahniah kerana sedikit sebanyak wang ses ini digunakan untuk membuat hutan lipur dan sebagainya. Walaupun kadang-kadang kerajaan lambat hendak bagi peruntukan ses itu, walaupun ses itu telah dikutip, disimpan oleh Perbendaharaan akan tetapi Jabatan Perhutanan telah pun menjalankan usahanya dengan baik mengadakan hutan lipur. Sesiapa yang pergi ke Cameron Highlands yang di sebelah kiri itu, Latar Iskandar, duit ses itu, daripada duit cukai kayu itu, kita gunakan untuk membuat hutan lipur.

Di situ pendekatan rakyat kepada hutan, bagaimana rakyat harus sayang, orang ramai harus sayang hutan kita, hutan negara kita, alam flora dalam hutan ini memang baik, saya suka kalau masuk hutan. Kalau kepala saya serabut, saya bawa jeep saya masuk hutan, saya tidak pergi disko, di dalam hutan kita boleh lihat macam-macam tetapi tidak ada disko, tetapi sekadar kita hendak tengok binatang, hendak tengok gajah, rusa, kalau musim-musim kita menembak, kita boleh menembak tetapi jangan di luar musim, akan menghiburkan perasaan kita, begitu juga dengan air terjun.

Saya mengucapkan ribuan terima kasih dan tahniah kepada Jabatan Hutan yang telah memperbanyakkan hutan lipur. Bukan sahaja di sini tetapi di Sabah, di Sarawak, di Terengganu juga ada, saya lalu di Terengganu pun ada, ramai orang berkelah waktu hari minggu.

Walau bagaimanapun, wang ses ini harus digunakan lebih lagi untuk memanfaatkan hutan negara terutama dalam merawat balik hutan negara (GCL). Saya lihat projek-projek GCL di tiap-tiap negeri amat lemah. Struktur civil culture di dalam Jabatan Perhutanan itu harus lebih bergiat lagi. Kita banyak wang yang datang dari luar negara – daripada ITTO dan sebagainya. Kalau saya tidak silap dahulu ITTO telah memberi kita duit lebih daripada RM10 juta untuk hutan negara kita. Begitu juga negara Jepun dengan bermacam-macam projek seperti JICA, saya pun tidak tahu apa ‘JICA’ tetapi dia tulis ‘J-I-C-A’ sahaja di situ. JICA baru-baru ini telah pun memberi satu grant sebanyak RM10 juta kepada negara kita dalam masa empat tahun dan mungkin JICA akan menambah peruntukan grant kita, mungkin lagi RM10 juta. Ini harus dimanfaatkan untuk negara kita kerana kita sayangkan hutan negara kita kerana kalau habis hutan kita ini, kalau sudah gondol negara kita, kita sukar untuk tanam semula hutan kerana hutan kita berusia beratus dan berjuta-juta tahun dan ada yang masih belum kita terokai, macam Hutan Simpan Belum yang diwartakan oleh kerajaan sebagai satu hutan yang terpelihara adalah berumur berjuta tahun. Bayangkanlah ada pokok kayu yang lima ratus tahun, jadi di situlah kita harus manfaatkan wang-wang ses.

Satu lagi saya ingin bertanya kepada kerajaan iaitu kepada pihak Kementerian Perusahaan Utama, sebelum levi ini dimansuhkan sementara, kita telah mengutip beratus-ratus juta ringgit. Sehingga sekarang saya pun tidak tahu ke mana perginya levi ini dan apa digunakan. Kalau tidak silap saya dahulu kita kutip RM180 tiap-tiap satu tan yang kita eksport tetapi sampai hari ini tidak ada satu perancangan yang diura-ura oleh Kementerian Perusahaan Utama. Apakah gunanya levi yang telah kita kutip ini dan di manakah wang itu

sekarang, siapa yang simpan, apakah akan digunakan, untuk apakah faedahnya? Kalau saya tidak silap lima tahun kita kutip, bukan sedikit. Semacam juga ITTO tetapi ITTO nampak, bila dia kutip levinya, dia laburkan balik tetapi negara kita tidak, tidak nampak lagilah.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu saya ingin menyarankan kepada Kementerian Pertanian supaya menggalakkan lagi – ini duit ada balance lagi - dalam tabung 3F ini ada lagi RM116 juta bakinya. Saya rasa haruslah Kementerian Pertanian berunding dengan LPP – memberi kepercayaan kepada LPP untuk menyalurkan pinjaman ini kerana saya lihat hanya 96 orang sahaja bumiputera yang terlibat dalam pinjaman yang melibatkan lebih RM400 juta ini, yang selebihnya adalah kawan-kawan kita dari bangsa asing. Jadi, dengan hal demikian demikian saya mohon kepada Kementerian Pertanian berunding dengan LPP supaya kewangan ini dilancarkan supaya dapat bumiputera menyertai projek 3F ini dengan lebih baik. Banyak faedahnya.

Sebagai satu contoh di tempat saya, di daerah saya, di sana adalah pusat ikan tilapia dan pusat ternakan itik. Kalau sesiapa kata negeri saya banyak memelihara itik, itu bohong! Di Perak, letaknya di Lembah Kinta kerana banyak bekas lombong. Pada masa sekarang saya buat perhitungan lebih kurang, saya rasa Tuan Yang di-Pertua pun tahu sebab berasal dari sana. Hampir satu juta ekor itik dididik sekarang – dalam masa peliharaan dan itik ini diproses dengan 90 peratus daripada itik-itik ini adalah dieksport apabila telah diproses tetapi malangnya anaknya itu masih kita import daripada negara Eropah. Apalah salah Jabatan dan Kementerian Pertanian ini berusaha dengan sedaya upaya – yalah, dengan badan-badan berkanun negeri macam SADC atau LPP mengadakan rumah-rumah tetasan. Berjuta-juta ringgit setiap tahun kita terpaksa keluarkan untuk mengimport anak itik ini. Begitu juga pemprosesan bulu itik, terpaksa dibawa ke Singapura, diproses di Singapura, bulu itu dijadikan satu.....saya pun tidak tahu apa gunanya, mungkin untuk

bahan industri tetapi ada setengah itu saya dengar cerita jadi bulu tangkis, jadi shuttlecock badminton.

Saya minta Jabatan Pertanian melalui agensinya akan lebih ceria dan menjalankan peranan untuk usaha-usaha tani ini akan diperhebat dan diperluaskan bagi membolehkan rakyat jelata mengambil peluang untuk mendapat faedah daripada projek-projek yang dijalankan oleh kerajaan.

Satu perkara lagi ialah mengenai Kementerian Pertahanan. Seperti tahun sudah saya juga mengingatkan bahawa Kementerian Pertahanan, saya rasa kalau tidak silap dalam bulan April tahun ini akan menerima dua buah frigate yang telah diuji pandu di laut Pasifik mana, saya tidak pasti. Kapal ini dibuat di negara British di bawah pakej senjata yang telah ditandatangani oleh negara Malaysia dengan British termasuklah kapal terbang Tornado yang selalu menimbulkan masalah. Dua buah kapal kita ini yang dilengkapi oleh sistem GEC, elektroniknya, pada masa dahulu hampir dua, tiga tahun terbengkalai, tidak dapat disiapkan kerana tidak berfungsi dengan begitu baik sistemnya, maka dipinda sistem itu bagi membolehkan ia berfungsi dengan baik. Sekarang apa yang diberitahu kepada saya oleh kementerian bahawa dalam ujian dan akan diserahkan dalam bulan April tahun depan. Saya mengharapkan penyerahan ini biarlah diteliti dengan begitu baik kerana kalau kita tidak begitu menelitinya dengan baik, kita akan menerima sebuah kapal yang merupakan kapal yang boleh buat muzium kerana sistem elektronik tidak berfungsi dengan baik dan segala-galanya besok menimbulkan masalah.

Sebagai contoh, saya hendak buka cerita ini terang-teranglah, saya tidak mahu sorok. Di naval dockyard yang ada di Lumut itu pun kebanyakan workshopnya tidak berfungsi dengan baik fasal saya pernah melawat dan pernah pergi ke sana, beberapa tempat untuk membaik pulih kapal ini tidak dapat bergerak dengan baik. Sebagai contoh foundry section funnels itu dikeluarkan oleh negara Jerman di bawah kontrak kita akan tetapi funnel itu pun tidak dapat bergerak, tidak dapat berfungsi, bawa jurutera yang

membinanya pun, yang mengeluarkan dapur itu pergi pasang balik komputer, pun tidak boleh buat dan begitu jugalah dengan tempat lain, dengan chrome sectionnya, dia banyak bahagian di situ bukan satu bahagian, banyak! Saya bimbang apabila kita menghadapi masalah darurat, di mana kita hendak pergi? Di mana hendak kita perbaiki kapal kita dengan segera kalau sudah dapur kita pun tidak berfungsi, tempat chrome kita pun sudah tidak elok, tool and machine kita pun sudah tidak elok – kerana masa penerimaan itu kita kurang berhati-hati. Saya cerita terang-terang. Kementerian harus semak balik walaupun naval dockyard telah kita serahkan kepada pihak swasta akan tetapi banyak perkara dalam itu tidak boleh berfungsi dengan baik dan ada setengahnya sudah pun jadi besi buruk.

Ini pertahanan negara, bukan main-main. Kalau kementerian lain boleh kita – tidak apalah, besok kita tukarlah tetapi yang ini bukan main-main. Terjadi darurat, bagaimana kita menyelesaikan masalah. Katakanlah kapal rosak di mana tempat kita hendak grinding pistonnya sedangkan machine kita pun tidak elok, di mana kita hendak leburkan logam kita untuk dijadikan satu bahan komponen yang tidak dapat diimport pada masa itu. Cuba bayangkan! Kita harus berperang pada bila-bila masa akan jadi, siapa sangka yang Iraq pergi menyerang Kuwait? Tidak ada sesiapa sangka! Sebelum sembahyang subuh sahaja, sampai – berterabur! Tidak dapat diselamatkan, pukul 9.00 pagi lenyap, habis, tamatlah cerita, sudah selesai. Apakah negara kita sebelum 9.00 pagi akan habis, tamat? Apakah kita mengizinkan perkara ini berlaku?

Saya berharap Kementerian Pertahanan harus peka terhadap perkara ini dan menyemak balik apakah bahan-bahan untuk sokongan negara kita benar-benar boleh bergerak, benar-benar boleh kita gunakan, betul kita swastakan tetapi apabila kita serahkan dengan cara darurat, apakah dia boleh buat? Dia tidak boleh buat. Jadi menimbulkan masalah kepada kita akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi, saya rasa ada masa sedikit lagi – boleh panjang lagi?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Boleh.

**Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi:** Boleh. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Satu perkara lagi ialah Dewan kita ini, bukanlah hendak tegur tetapi saya pun sudah hampir dua penggal tetapi saya tengok keadaan tempat, Tuan Yang di-Pertua, itu sudah tidak berapa ‘ummph’. Jadi patut adakan satu peruntukan, meminda sedikit, memperbaiki Dewan ini untuk tahun hadapan. Saya minta Kementerian Kewangan peka sedikit, sepatutnya batu marmar itu tidak ada di situ lagi, buat elok sedikitlah. Kita lihat di Sarawak, saya bukan hendak – Yang Berhormat Datuk Chong Kah Kiat ada di sini, di Sarawak apabila saya masuk saya merasa gerun, betul, sebelum masuk Sarawak saya tengok logo Sarawak dengan burung kenyalang, wah hebat! Jadi apabila duduk di situ sebagai Tuan Yang di-Pertua pun, kami di bawah ini gerun dan takut sedikitlah tidak berani hendak bergurau.

Jadi saya berharap kementerian pekalah sedikit, saya rasa tempat duduk pegawai-pegawai kerajaan itu elok-eloklah beri pada mereka, kasihan tengok mereka, tengah mengantuk terkuap, jadi beri rasa enak sedikit. Ini bukannya ‘pure leather’, ini PVC sahaja [*sambil menunjukkan tempat duduk*] [*Ketawa*], betul, saya semak-semak apabila tengok – PVC.

Tuan Yang di-Pertua, kita bukanlah miskin sangat, negara kita Alhamdulillah buat masa sekarang ini. Jadi kalau boleh peruntukan .....

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta jalan sedikit, terima kasih. Yang Berhormat tadi, saya pun sebenarnya kalau berucap pun ada yang hendak disebut berkenaan dengan Dewan ini. Tadi ada disebutkan pegawai-pegawai di belakang ini, adakah Yang Berhormat lihat, keadaan lampu di belakang itu. Saya rasa Yang Berhormat ada sebut pegawai-pegawai kita mengantuk, saya rasa lampu di belakang itu pun macam ‘lampu tidur’, jadi mungkin itu juga menyebabkan pegawai-pegawai kita di belakang itu tidak ada diberi kemudahan lampu yang sesuai untuk hendak mencatat dan mengambil ingatan perkara-perkara yang

dibangkitkan di dalam Dewan ini. Adakah Yang Berhormat setuju dengan apa yang saya sebutkan? Terima kasih.

**Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi:** Saya setuju sangat. Saya kasihan kepada pegawai-pegawai itu. Mereka pun seperti kita juga dibayar gaji, macam kita juga dibayar gaji juga, kerja lebih, kadang-kadang balik itu macam-macam lagi susahnyanya. Sudah berada di sini sehari suntuk daripada pagi, dahulu ada juga petangnya. Sekarang masuk pukul 9.00 pagi sampai sini, pukul 10.00 pagi Dewan bermula, selepas itu pukul 5.30 petang atau 7.30 malam belum sampai rumah lagi. Jadi saya harap kalau boleh lampu ini pun diperbaiki sedikit supaya terang dan ini pun sudah lama sangat. Tetapi yang cantik-cantik jangan dibuang, simpanlah. Pasal apa saya cakap macam itu, saya teringat macam lampu ini, apabila saya menghadiri pameran ‘Kereta api 100 tahun’ di Taiping, apabila saya sampai dan masuk ke pintu gerbang itu, dia kata, “Encik, inilah kereta api kita yang pertama kali”. Kepala kereta api kita, pakai ‘stim’ pada masa itu, lama saya tengok dan saya bertanya, “Ini tahun berapa?”. Dia berkata, “Ini sekitar tahun 40-an, 30-an”. Saya berkata, “Ini bukan, ini yang baru sedikit, yang lama, yang panjang itu mana pergi?” Kemudian lama sedikit dia berkata, “Kami sudah tidak boleh cari benda itu, ‘keling botol’ telah ambil.” Janganlah ini esok dihantar kepada ‘keling botol’, simpan, banyak faedahnya dan lagipun cantik lampu ini, simpan, sekurang-kurangnya esok kita boleh pameran kepada cucu kita esok kalau kita tidak adapun. Tetapi saya rasa dalam Dewan ini kalau 50 tahun lagi, ramai yang sudah tidak adapun, cuma cucu-cucu kita yang menggantikan ke sini. Jadi kita simpan, adakah barang-barang yang baru dipamerkan. “Ini 100 tahun”, dia kata kerana kerajaan dan jabatan-jabatan sendiri tidak peka.

Saya harap Arkib Negara ini tulis surat rasmi kepada semua jabatan supaya barang-barang yang dianggap bersejarah disimpan, tidak boleh disimpan di pejabat itu, dihantar, ini jangan lupa – ini satu masalah pula pegawai-pegawai ini apabila dia tengok typewriter itu sudah lama, ini ‘semak’,



ular pun ada, disposed, you tender esok. Tender barang buruk, kalau tidak esok audit pula datang, mana barang ini sudah tidak ada. Simpan, barang yang merupakan bahan sejarah yang akan kita fikirkan 100 tahun lagi akan menjadi sejarah, kita amat sedih, kereta 'Tunku' mana pergi semasa kemerdekaan dahulu? Tidak nampak pun, terca-cari, masalahnya macam kereta api itulah, kepala kereta api itu sayang, cantik panjang sahaja, kami panggil 'kancil' sebab dia kecil. Tetapi yang dia beri 'emak bapak punya lokomotif', itu yang dipamerkan, yang baru pula itu. Saya sudah lahir ke dunia ini, sudah banyak kali naik. Tidak canggihlah pameran itu.

Begitu juga sekarang saya hendak tanya Jabatan Bomba, ada tidak dia simpan bomba yang ditarik pakai pam itu? Ia ada satu silinder, Tuan Yang di-Pertua, ingat masa kecil dahulu semasa di Batu Gajah yang pakai pam itu. Tidak ada, sudah habis dah! Apa salahnya disimpan, apabila bomba esok buat pameran, dia beri yang baru, fire extinguisher yang baru itu, dari angles ke, dari concorde ke, siapa pun tahu, anak kita pun tahu, ini dari angles, ini dari concorde, ini dari pirate, semua orang tahu. Itulah saya mengharapkan bahawa Jabatan Arkib Negara tulis surat rasmi, hantar kepada tiap-tiap jabatan, ingatkan kepada pegawai-pegawai supaya barang lama, yang berkepentingan, yang dianggap akan menjadi sejarah, simpan, saya percaya mana lagi jabatan kerajaan yang ada simpan lagi kipas angin yang tinggi, panjang. Dahulu D.O pakai, semua barang tembaga, pusing menggeletar sahaja, ia bukan boleh laju pun, tidak ada, semua orang sudah jual – lelong. Typewriter 'Royal' dan sebagainya, 'Remington' yang apabila diketuk, lambat sampai, dahulu pejabat Tunku pun ada 'Remington' ini yang masa itu standard, habis kena jual. Jadi perkara-perkara macam ini walaupun nampaknya remeh-temeh akan tetapi ini adalah imej negara menjaga barang-barang yang sedemikian.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa sedikit masa lagi saya akan habiskan, saya harap kawan-kawan yang kemudian akan bersedia. Saya tidak ingin menyentuh mengenai harga-harga barang, tadi pun saya sudah sentuh, begitu juga Yang Berhormat Tuan Zainal bin Rampak tadi pun sudah menyentuh tetapi kadangkala kita marah juga, betul cakap sahabat saya tadi. Selepas sahaja pegawai lalu harga pun sudah naik harga lain. Hendak buat macam mana, kecuali kita beri sahaja mereka ini tiga bulan penalti masuk penjara, clause itu tidak ada denda, clause itu terus sahaja, seksyen ini sesiapa sahaja

yang tukar harga barang tidak mengikut harga kawalan, penjara sebulan. Saya ingat amanlah sedikit pasaran itu. Kadang-kadang kementerian pun kena tegur juga, sebagai contoh di supermarket ini kita pun lihat, murah ya, apabila kita tengok dia pandai RM39.90, dia kata kalau beli RM80 baru boleh dapat satu hadiah, kita terpaksa menambah wang kita, dia kata RM39, beli RM45, maknanya kita beli RM39 itu maknanya RM40, 10 sen kurang tetapi hadiah yang ditawarkan itu RM45. Kita terpaksa membeli satu lagi RM39.90 untuk menggenapkan jadi dapat anggaran melebihi RM45. Baru kita dapat hadiah tali pinggangkah, stokinkah, ini penipuan.

Saya ingat kementerian harus beritahu perkara ini terang-terang kepada mereka, buat arahan, jangan ada yang jenis RM39.90 ini atau RM49.90 ini, kurang 10 sen genap, selepas itu dia buat tawaran, tawaran itu bukan jual satu, hendak beli dua baru boleh dapat. Dia tidak kata juga RM70, dia kata RM45, maknanya kita kena beli dua. Ini penipuan, penganiayaan kepada pengguna-pengguna, beri arahan sahajalah, minta Kabinet luluskan, tidak usah ada yang berbentuk demikian tawaran-tawaran ini. Tawaran apa itu, tawaran menipu sahaja.

Saya tahu apabila saya hendak beli seluar, ditulis di situ harganya RM79.90. Bila ditengok-tengok, dia kata ada hadiah satu tali pinggang John Master tetapi kena bayar RM100, macam mana. Saya beli baru RM79.90, hendak cukupkan RM100 beli lagi satu helai. Bila saya tengok dan bandingkan sudah dekat RM70, RM80, sudah RM160 - RM160 saya cuma dapat satu. Saya terpaksa beli lagi satu untuk dapat dua. Ini menipu sebenarnya. Bila saya tanya, bila saya marah, ini promotion, boss cakap.

Jadi saya minta kementerian yang bekenaan buat directive bermula dari tarikh sekian, sekian jangan ada tawaran-tawaran yang demikian, penipu, macam penyagak, minta maaf sahajalah Tuan Yang di-Pertua, kerana kadang-kadang marah juga, kita ini mengaji juga, kadangkala kita ini diperbodohkan. Itu semua apa benda pegawai-pegawai itu, tapi hendak cakap macam mana. Ramai Ahli Yang Berhormat yang terkena. Tetapi ada juga yang tidak terkena, yang pandai.

**Dato' Haji Mohd Zuki bin Kamaluddin:** Tuan Yang di-Pertua, yang dia ini kena tipu ini pasal apa [*Ketawa*], Tuan Yang di-Pertua, macam mana

orang boleh tipu dia, dia bubuh RM4.99 dia beli, dia ingatkan benda itu tidak sampai RM5.00. Saya bila membeli, saya hendak saya beli, harga tidak menjadi masalah kalau kita hendak barang itu tapi berpatutanlah kalau mahal sangat pun tidak boleh, tetapi tidak ada sebabnya pihak kedai menipu kita, tidak ada sebab, kalau dia kena tipu ini, saya bersimpatilah dengan beliau.

*[Ketawa]*

**Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd Nawi:** Terima kasih, Yang Berhormat Dato' Zuki, tapi sekarang ini waktu gawat Yang Berhormat Dato', 10 sen pun kena kira Yang Berhormat, semasa tidak gawat dahulu tidak apalah boleh lebih kurang sahaja. Walau bagaimanapun apa yang saya nyatakan itu memang betul, balik ini nanti kita pergi ke Sogo, ke mana pun memang ada tawaran tetapi yang terkena kita juga, yang depa mengena, yang terkena kita. Jadi saya rasa masa pun sudah lebih sedikit, saya rasa rakan-rakan lain pun hendak berucap, dengan hal demikian saya menyokong rang undang-undang ini.

Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Datuk Khoo Keok Hai.

**5.03 ptg.**

**Datuk Khoo Keok Hai:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan ini merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Dato' Mustapa Mohamed, Menteri Kewangan II yang telah membentangkan Belanjawan 1999 di Dewan Negara. Belanjawan ini boleh disifatkan sebagai praktikal kerana ia berhasrat untuk menangani akaun defisit semasa dan memberikan peluang pelaburan yang baik untuk membina keyakinan pelabur-pelabur. Belanjawan ini tidak mengenakan sebarang cukai baru atau menambah cukai pada yang sedia ada melainkan beberapa cukai yang secara tidak langsung seperti rokok, samsu, perjudian dan minyak kelapa sawit.

Sebenarnya duti kepada peti sejuk dan televisyen telah pun dihapuskan. Belanjawan ini disambut dengan baik oleh segenap lapisan masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, memang tidak boleh dinafikan bahawa ada sesetengah orang yang tidak bersetuju dan mengkritik kerajaan di atas tindakannya menggunakan sumber kewangan daripada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja untuk membiayai Belanjawan defisit bagi tahun 1999, tetapi saya rasa tindakan kerajaan ini adalah wajar dan patut disokong. Kumpulan Wang Simpanan Pekerja sebagai sumber dana terbesar dalam negara, dengan caruman berjumlah RM13 bilion setahun digunakan untuk menyelesaikan kekurangan di dalam pendapatan negara adalah wajar.

Tuan Yang di-Pertua, dalam kegawatan ekonomi rakyat harus berkorban kerana kerajaan tidak dapat memungut cukai yang banyak akibat banyak syarikat multinasional mengalami kerugian. Rakyat seharusnya tidak perlu merasa bimbang di atas tindakan kerajaan menggunakan sebahagian caruman KWSP kerana simpanan mereka tidak terancam dan kerajaan hanya sekadar meminjam caruman tersebut. Seperti masa-masa lalu, apabila kerajaan menggunakan caruman tersebut ia akan membayarkannya semula dalam jangka masa yang ditetapkan. Tambahan pula Malaysia sedang menuju ke arah pemulihan pada tahun hadapan, maka tidak perlulah para pencarum merasa bimbang kerana tahap risikonya amat rendah.

KWSP merupakan pilihan selain daripada mendapatkan dana melalui institusi perbankan tempatan kerana pinjaman asing mengenakan kadar faedah yang tinggi. Adalah tidak berbaloi jika kita terus meminjam dari luar negara kerana kadar faedah yang tinggi tidak menguntungkan tetapi sebaliknya merugikan negara.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan langkah yang sah bagi kerajaan untuk menolong penuntut-penuntut melanjutkan pembelajaran mereka di universiti atau institusi-institusi pengajian tinggi tempatan kerana dengan cara ini kerajaan kita dapat menjimatkan berjuta-juta Ringgit Malaysia mengalir ke

luar negara tetapi Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan bahawa tempat belajar yang di bawah universiti kerajaan dan swasta serta institusi-institusi pengajian tinggi tempatan tidak mencukupi untuk penuntut-penuntut kita yang ingin melanjutkan pendidikan tinggi mereka. Dengan yang demikian, saya cadangkan agar kerajaan kita dapat menyediakan lebih banyak institusi pengajian tinggi untuk penuntut-penuntut kita melanjutkan pembelajaran tinggi mereka di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada kerajaan kerana ianya yang senantiasa prihatin terhadap masalah rakyat jelata misalnya levi yang dikenakan kepada pekerja-pekerja asing telah pun dikurangkan ke tahap yang memuaskan dan ini akan berkuatkuasa pada 1 Januari 1999. Walau bagaimanapun saya dengan ikhlasnya merayu kepada kerajaan untuk mempertimbangkan levi yang dikenakan kepada pekerja-pekerja asing yang bekerja di sektor pembinaan dan pengeluaran dikurangkan satu kali lagi ke RM360 setahun seperti mana levi yang dikenakan kepada pekerja-pekerja asing yang bekerja di sektor pertanian kerana di negeri Sabah adalah sangat susah untuk memperoleh tenaga buruh khususnya di dalam sektor pembinaan dan pengeluaran saya rasa perubahan ini akan mendatangkan manfaat kepada para majikan dan pekerja-pekerja asing.

Tuan Yang di-Pertua, pada pendapat saya negara kita boleh mengatasi segala masalah semasa sekiranya warganegara Malaysia sanggup berkorban masa, tenaga, kewangan mahupun nyawa untuk mempertahankan maruah dan kewibawaan negara kita. Saya dengan sukacitanya menggesa segenap lapisan masyarakat memberikan sokongan dengan sepenuhnya kepada kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, Perdana Menteri Malaysia supaya segala rancangan yang ditentukan dapat dilaksanakan dengan lancar. Kita seharusnya mengetepikan perselisihan politik jika ada dan bersatu padu untuk membangunkan negara kita bersama.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai menutup hujah saya, saya menyokong Belanjawan 1999. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin.

**5.11 ptg.**

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya tidak berhajat hendak berucap hari ini, saya hendak berucap pada hari Isnin dalam satu jam, jadi saya rasa Yang Berhormat Tuan Yim Chee Chong sekarang ini, Yang Berhormat Tuan Yim Chee Chong hendak berucap? *[Ketawa]*

**Tuan Yim Chee Chong:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya pun macam Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin juga, hendak cakap satu jam pada hari Isnin. *[Ketawa]*

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf, kalau saya bercakap perlahan sedikit sebab suara saya juga macam Yang Berhormat Tuan Zainal bin Rampak juga, serak sedikit.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Tuan Zainal bin Rampak daripada MTUC yang telah pun dilantik oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan cadangan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad sebagai mewakili pihak pekerja di Dewan Negara ini. Ini memanglah satu sejarah dan kerajaan memang peka terhadap kehendak-kehendak rakyat. Hanya kadang-kadang kerajaan ini membuat pertimbangan lama sedikit, apabila telah menimbang itu baru dipasti betul-betul Yang Berhormat Tuan Zainal bin Rampak ini belum Dato' lagi sepertimana yang ditulis dalam surat senarai hendak berucap tadi, tetapi insya-Allah saya rasa anugerah Dato' itu tidak lama. Dengan sumbangan beliau terhadap kaum pekerja telah pun banyak dan saya yakin dengan kehadiran beliau di Dewan

yang mulia ini, bertambah lagilah seri dan khidmatnya yang dapat disumbang kepada negara amnya.

Begitu juga saya mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Tuan Haji Bakri bin Haji Ali Mahamad yang telah pun disambung semula untuk menjadi Ahli Dewan Negara sepenggal lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan tahniah kepada pihak kerajaan yang telah pun dapat membenteng Belanjawan 1999. Walaupun Belanjawan tahun hadapan tidak seperti mana yang terdahulu yang kita mempunyai belanjawan yang seimbang, sekarang ini nampaknya dalam kegawatan ekonomi ini, kita kena berhati-hati untuk membuat perbelanjaan supaya negara kita tidak mengalami masalah dan kesusahan seperti mana yang dialami oleh negara-negara seperti Korea Selatan, Thailand, Russia, Indonesia yang sekarang ini amat ketara sekali. Tidak pernah sekali dalam sejarah dunia ekonomi Asia khususnya di Asia Tenggara jatuh begitu tenat sekali, tidak pernah lagi dialami dan tanda-tanda sebelum ini telah pun ada bahawa ekonomi di negara kita akan menurun tetapi tanda-tanda itu tidak diambil perhatian oleh pihak-pihak yang berkenaan. Jikalau kita buat persediaan dahulu, dua tahun dahulu sudah ada, minta maaflah IMF pun sendiri ada menyatakan “on record” walaupun ubat yang diberi oleh IMF kepada negara-negara yang mengalami kelemahan kewangan ini tidak begitu baik seperti mana yang saya katakan dalam ucapan saya semalam.

Saya tidak hendak mengulangi berkenaan dengan IMF, cukuplah apa yang saya katakan semalam. Dalam masa kegawatan ekonomi ini kita mengetahui bahawa kerajaan telah mengambil tindakan yang banyak. Dalam buku-buku yang disediakan, ada yang disumbangkan kepada Ahli-ahli Dewan Negara apa MTEN telah pun buat dan apa MTEN sedang buat dan apa juga saranan oleh MTEN telah pun diakui oleh Kabinet dan telah pun dilaksanakan dengan amat berkesan.

Saya mengucapkan terima kasih kepada MTEN yang telah pun menjemput Ahli-ahli Dewan Negara untuk berjumpa dan berbincang dengan Yang Berhormat Tun Daim Zainuddin, enam orang Ahli Dewan Negara telah pun dijemput, ada dalam senarai buku kewangan yang tebal itu, tindakan (action) oleh MTEN dan dalam perjumpaan itu kami telah ditanya, bukannya kami mendengar taklimat oleh Jawatankuasa MTEN tetapi kami telah ditanya bagaimana hendak mengatasi kegawatan ekonomi dan Ahli-ahli Dewan Negara yang pergi telah pun memberi pendapat mereka dan sedikit sebanyak sumbangan.

Sebenarnya, kami tidak sangka yang Yang Berhormat Tun Daim Zainuddin hendak bertanya kepada kami, bagaimana hendak mengatasi masalah kegawatan ekonomi tetapi dia hendak pendapat. Dalam buku senarai itu bukan sahaja Ahli Dewan Negara dan Ahli Dewan Rakyat dijemput malah persatuan-persatuan, pertubuhan-pertubuhan, bank-bank, pihak swasta, pertanian, NAFAS dan sebagainya juga dijemput, boleh dikatakan dengan izin, cross section of the country population that present various organization have been invited to attend the meeting with Yang Berhormat Tun Daim Zainuddin. Minta maaf saya cakap bahasa Inggeris sebab elok pada petang ini kita tukar-tukar bahasa sedikit supaya Yang Berhormat Tuan Yim Chee Chong tidak begitu mengantuk. *[Ketawa]* Jikalau.....

**Tuan Yim Chee Chong:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mengantuk sebab ucapan beliau sangat menarik perhatian saya. Itu sahaja, terima kasih.

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Terima kasih Yang Berhormat Yim. Dalam Dewan ini, bila ada sahabat saya yang, semuanya sahabat saya sebenarnya termasuk Yang Berhormat Yim, bila dia ada di depan ini memberi perangsang kepada saya untuk bangun berucap, yang sebenarnya kebelakangan ini Yang Berhormat Yim tidak hadir, kalau tidak betul jawablah, kalau betul jawablah juga. Saya rasa kalau hadir pun sekejap sahaja.

**Tuan Yim Chee Chong:** *[Mengangguk]*



**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Betul.

**Tuan Yim Chee Chong:** Tuan Yang di-Pertua, betul juga semalam saya tidak hadir oleh kerana pertama, saya ada kes di mahkamah untuk keputusan dan kedua adik saya sakit teruk. Saya bawa dia ambil buat X-ray, masuk hospital itu yang menyebabkan saya datang lewat. Jadi saya harap Dato' Haji Mohd. Zuki akan sedar dan bersimpati pada saya. Sebenarnya saya menghadiri persidangan Dewan Negara check record 100% - hadir. Itu sahaja Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Mohd. Haji Zuki bin Kamaluddin:** Tuan Yang di-Pertua, bukanlah saya ini hendak mengangkat kaki dengan perlahan-lahan supaya masa berjalan tidak sekali-kali. Apa yang saya katakan ini adalah penting. Jadi oleh itu saya bersimpati dengan Yang Berhormat Yim yang adiknya sakit. Tetapi sebab dia tidak datang semalam bermakna 100% kehadiran dia, tidak ada.

Tuan Yang di-Pertua, dalam perjumpaan itu kami telah ditanya pendapat. Saya ingat lagi dalam perjumpaan itu yang penting sekarang ini ialah untuk mengadakan economic engine of growth. Kerajaan telah pun memotong pembelanjaan sebanyak 18%. Ada negeri-negeri sudah memotong 23% perbelanjaan operasi dan juga perbelanjaan pembangunan. Ini adalah angka yang amat tinggi.

Bagaimana kalau kita ada kegawatan ekonomi kita sekat pengaliran wang di negara kita. Jadi tidak ada aktiviti dan tidak ada kegiatan-kegiatan seperti juga yang dikatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita, kalau ada duit RM10 jangan diletak di bawah bantal, sebab kalau duit itu di bawah bantal, duit itu tidak memberi apa-apa makna kepada negara, begitu juga kalau Yang Berhormat Yim mempunyai duit banyak janganlah disimpan dalam peti di Pejabat Guaman dia, duit itu mestilah diguna jangan disimpan.

Kita sekarang ini takut menyimpan duit banyak-banyak di rumah dan juga di bank dan apabila IMF memberi saranan, nasihat kepada beberapa negara tidak termasuk Malaysia, interest rate dinaikkan kepada 30% itu sudah

bertentangan dengan kehendak negara kita supaya interest rate bank diturunkan.

Baik, berkenaan dengan simpan duit itu, jadi bermakna dari segi pengaliran wang di negara ini tersekat. Sekarang ini pun saya merayu kepada rakyat Malaysia, janganlah simpan wang. Takut sangat. Belanjalah duit itu seperti mana Yang Berhormat Mustapa kata tadi dalam RM49, hendak simpan 10 sen. Simpan untuk masa hari tua memang kita patut simpan tetapi jangan simpan berlebihan. Jikalau ada duit itu masuklah saham. Belilah saham sekarang ini. Sebabnya pembeli-pembeli saham di tanah air kita ini hanya 21% sahaja dari yang dilabur oleh pihak asing. – negeri luar. Yang lainnya datang daripada Malaysia. Internal fund yang datang daripada orang-orang yang suka melabur di Bursa Saham Kuala Lumpur.

Cuba kita tengok dari segi volume – pada satu masa baru-baru ini ia telah meningkat hampir-hampir satu bilion dan pada masa saham mewah tempoh hari, pada masa saham naik volumenya sampai tiga bilion kalau volume atau kemasukan duit ke bursa saham ini meningkat kepada satu bilion pada tiap-tiap hari sudah tentu harga saham akan naik dan apabila harga saham naik itu nampaknya menggambarkan bahawa ekonomi negara kita mungkin pulih. Jadi saya menyeru kepada rakyat yang banyak duit, bukan sahaja....

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat Puan Hajah Mastika Junaidah minta laluan.

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Saya tengah sedap ini minta laluan pula.

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** Minta maaf Dato' sebab hari pun sudah petang, jadi saya rasa Dato' releks sekejap, bila saya boleh bertanya. Terima kasih Dato' beri peluang kepada saya minta laluan. Kawan saya yang duduk belakang berbisik kepada saya, bertanya, berapa banyak Dato' Zuki melabur dalam saham? Saya tidak tahu hendak menjawab,

jadi saya bangun hendak tanya Dato', berapa banyak Dato' melabur dalam saham? Terima kasih.

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Angka yang tepat saya tidak dapat beri sebab ada benda-benda itu kita terpaksa rahsiakan. Tetapi dari segi beli saham sedikit sebanyak saya ada tetapi bukanlah saham berunsurkan perjudian, dari segi itu saya tidak ada. Saham-saham seperti Tenaga Nasional, Telekom, Malayan Banking adalah sikit-sikit. Kalau dibandingkan dengan Yang Berhormat Yim, jauh sangatlah saya ini.

**Tuan Yim Chee Chong:** Sebenarnya saya satu sen pun tidak ada [*Ketawa*].

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Yalah saya tidak hendak berceles dengan Yang Berhormat kerana masa berjalan. Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sentuh perkara-perkara kecil sahaja. Kemudian baru saya sentuh perkara-perkara yang besar, berkenaan dengan Belanjawan ini, tumpu sedikit pada tempat-tempat yang kecil. Hari Isnin saya akan tumpukan kepada perkara-perkara besar dan bersabit secara langsung dengan Belanjawan ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu daripadanya ialah berkenaan dengan sistem pengangkutan, transport system in this country, dengan izin. Sistem pengangkutan kita amat lemah. Saya berkali-kali berkata dalam Dewan yang mulia ini, jikalau sistem pengangkutan kita iaitu bas khususnya, teksi, termasuk LRT sungguhpun baru tetapi harga tambangnya amat mahal, bas tidak menentu masanya, bila pukul 6.00 petang pegawai-pegawai, pekerja-pekerja hendak balik masa itulah bas lambat tiba, berkumpul di perhentian bas begitu ramai hingga kadang-kadang menyebabkan kita memikirkan ada apa pula terjadi di situ, mengapa ini berlaku Tuan Yang di-Pertua.

Saya baru-baru ini pergi ke Jalan Pekeliling untuk menghantar saudara naik bas balik ke Kuantan. Bas itu patut bertolak pukul 10.00, pukul 9.30 sudah ada di sana, tunggu sampai pukul 10.15 tidak ada bas, bas ada di situ sebiji – bas Plusliner. Jadi saya bertanya orang di situ, "Pukul berapa bas hendak bertolak? "Tidak tahu" jawabnya. Orang ramai ini. Saya pun bertanya orang yang duduk dalam bilik kecil itu, "Bas ini bertolak pukul berapa?".

“Bas ini yang bertolak pukul 12.00 punya,” Dia kata. “Habis bas pukul 10.00 mana? “Bas pukul 10.00 tidak datang”. “Habis kalau bas pukul 10.00 tidak ada, bas pukul 12.00 ini biarlah berjalan pukul 10.00, tetapi sekarang ini sudah pukul 10.30”. “sudah diberitahu tetapi pemandu bas pergi minum sekejap”. Jadi bila pemandu itu balik, saya tanya, “Awak berpuas hati bekerja dengan syarikat bas ini?” Dia pun senyap, dia takut. Jadi saya kata “Awak patut bertolak pukul 12.00 akan”. Dia kata “Ya, saya patut pergi pukul 12.00, sekarang mereka suruh bawa bas pukul 10.00.”

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat masa sudah 5.30. Boleh sambung pada hari Isnin.

**Dato’ Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Cerita bas ini tidak mahu dengar Tuan Yang di-Pertua,

**Timbalan Yang di-Pertua:** Hari Isnin boleh dengar.

**Dato’ Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Baik terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya menurut arahan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ini ditangguhkan sekarang sehingga jam 10.00 pagi hari Isnin, 14 Disember 1998.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 5.30 petang.*